MCMC

Usaha kami ke arah sebuah negara yang terhubung

Laporan Tahunan 2015

Usaha kami ke arah sebuah negara yang terhubung

– Laporan Tahunan 2015

Penafian: MCMC dengan sepenuh ikhtiar memastikan ketepatan dan kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalam laporan tahunan ini. Bagaimanapun, MCMC tidak menjamin dan tidak membuat sebarang representasi atau jaminan dalam apa bentuk, sama ada yang nyata atau tersirat, terhadap kesempurnaan, ketepatan, kebolehpercayaan atau kesesuaian berkenaan maklumat atau grafik berkaitan yang terkandung di dalam laporan tahunan ini untuk apa-apa jua tujuan. Sehubungan itu, sebarang pergantungan yang diletak terhadap maklumat berkenaan adalah atas tanggungan sendiri. MCMC menolak sebarang tuntutan terhadap apa jua liabiliti daripada sebarang kerugian yang mungkin timbul akibat penggunaan maklumat yang diberikan di dalam laporan tahunan ini.

PENGENALAN

Mengapakah amat penting bagi memastikan sesebuah negara dihubungkan? Keterhubungan amat kritikal bagi memastikan Malaysia terus berdaya saing dalam ekonomi digital di peringkat global. Dorongan daripada industri komunikasi dan multimedia, sektor-sektor yang terhubung akan menjana pertumbuhan bagi memenuhi keperluan ekonomi dan sosial Malaysia.

Sepanjang tahun 2015, kami berusaha untuk membantu merapatkan jurang digital melalui pemberian perkhidmatan sejagat dan program advokasi. Ini dapat dilihat melalui penyediaan akses jalur lebar di kawasan yang kurang mendapat liputan serta menaik taraf sambungan sedia ada dengan penambahan lebar jalur yang dapat meningkatkan kelajuan dan capaian Internet. Kami juga telah mempergiat usaha-usaha mendidik rakyat terutamanya dalam kalangan generasi muda mengenai keselamatan berinteraksi dalam talian dan media sosial serta risiko dan tanggungjawab dalam menggunakan Internet.

Pelaksanaan projek yang memberi tumpuan kepada keperluan rakyat juga diperbanyakkan seperti perluasan liputan selular, pembinaan lebih banyak pusat Internet di kawasan luar Bandar dan peningkatan rangkaian gentian optik di Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Pahang.

Sebuah masyarakat yang benar-benar terhubung akan merangkumi semua lapisan rakyat. Oleh itu, bagi mengukuhkan hubungan masyarakat di peringkat akar umbi, MCMC telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan dan kawal selia industri pos dan kurier di Malaysia sepanjang 2015. Projek 'Alamat Untuk Semua' yang bermula di Kemaman dan Hulu Terengganu merupakan satu contoh bagi usaha ini yang mana setiap rumah dipastikan mempunyai alamat dan poskod yang lengkap.

Fokus kami seterusnya adalah untuk membangunkan industri dengan memupuk dan membangunkan modal insan, memperkasakan keupayaan perniagaan dan meningkatkan infrastruktur teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan media serta mengeratkan hubungan antarabangsa.

Menyedari bahawa kandungan tempatan yang menarik adalah kunci dalam mengekalkan pertumbuhan jalur lebar, MCMC terus merangsang bakat dengan membangunkan program dan menyediakan bantuan kewangan kepada individu dan organisasi yang layak dan berpotensi besar. Sebagai contoh, pertandingan video Liga Remaja Kreatif kini muncul sebagai platform untuk generasi muda mengembangkan bakat dan seterusnya membangunkan kandungan yang kreatif dan berdaya saing.

Dalam usaha mengeratkan hubungan antarabangsa, kami telah memperkukuh kerjasama dengan pelbagai organisasi antarabangsa bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat dan hab industri komunikasi dan multimedia berpandukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sebagai badan kawal selia industri komunikasi dan multimedia di Malaysia, kami juga berperanan menyusun dan membangunkan rangka kerja yang lebih teratur dan menyediakan maklumat bagi membolehkan pengguna membuat pilihan bernas serta menawarkan persekitaran siber yang selamat.

Pemantauan yang lebih teliti terhadap syarikat-syarikat yang beroperasi dalam industri giat dijalankan bagi menggalakkan persaingan dan mencegah amalan perniagaan yang tidak adil serta mewujudkan pasaran yang kompetitif dalam kalangan para pemain industri.

MCMC juga bertanggungjawab untuk memastikan orang ramai dilindungi daripada ancaman siber. Untuk itu, kami sentiasa menggiatkan usaha dalam aspek pemantauan dan kecekapan tindak balas terhadap satu-satu insiden.

MCMC komited untuk menjadi pemangkin dalam memacu kesalingterhubungan antara pelbagai aspek dalam industri ini. Pelbagai pelan tindakan yang dirangka untuk mencapai matlamat pada 2015 telah menghampiri sasaran bagi mewujudkan sebuah Negara Pintar.

Di bawah mandat Kerajaan Malaysia, kami telah menjalin kerjasama dengan industri untuk mewujudkan persekitaran digital yang kondusif dan cemerlang. Dasar kami membolehkan pertumbuhan industri sambil melindungi kepentingan pengguna dan menghubungkan mereka kepada perkhidmatan yang inovatif dengan kos berpatutan dan pelbagai pilihan media.

Di sini, adalah hasil kerja kami pada 2015 dalam menghubungkan Malaysia.

10 MATLAMAT DASAR KEBANGSAAN BAGI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA DI MALAYSIA

1. Menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan maklumat dan kandungan multimedia.

2. Menggalakkan pewujudan masyarakat madani dimana perkhidmatan berdasarkan maklumat akan menyediakan asas bagi peningkatan berterusan kepada mutu kerja dan hidup.

3. Mencambah dan memupuk sumber maklumat dan perlambangan budaya tempatan yang membantu mengetengahkan identiti kebangsaan dan kepelbagaian global.

4. Mengawal selia bagi faedah jangka panjang terhadap pengguna akhir.

5. Menggalakkan tahap keyakinan pengguna yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan daripada industri itu.

6. Memastikan penyediaan perkhidmatan sama rata yang mampu dibayar melalui infrastruktur kebangsaan yang sentiasa ada.

7. Mewujudkan suasana aplikasi yang teguh bagi pengguna akhir.

8. Memudahkan pengagihan sumber seperti tenaga buruh mahir, modal, pengetahuan dan aset kebangsaan secara berkesan.

9. Menggalakkan pembangunan keupayaan dan kecekapan dalam industri percantuman di Malaysia.

10. Menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian.

MCMC SEPINTAS LALU

VISI

Mewujudkan suatu industri komunikasi dan multimedia yang berdaya saing, cekap dan kian mengawal selia kendiri yang menjana pertumbuhan bagi memenuhi keperluan ekonomi dan sosial negara.

MISI

Kami komited untuk:

i. Menggalakkan capaian kepada perkhidmatan komunikasi dan multimedia.
ii. Memastikan para pengguna menikmati pilihan dan tahap perkhidmatan yang memuaskan pada harga yang berpatutan.
iii. Menyediakan proses pengawalseliaan yang telus bagi memudahkan persaingan yang adil dan kecekapan dalam industri.
iv. Memastikan penggunaan optimum bagi spektrum dan penomboran.
v. Mengadakan perundingan dengan pengguna dan penyedia perkhidmatan secara lazim serta memudah usaha sama dalam industri.

KANDUNGAN

– Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Laporan Tahunan 2015

002-003 – **PENGENALAN**
Usaha kami ke arah sebuah negara yang terhubung

004-007 – **MCMC SEPINTAS LALU**
i. 10 Matlamat Dasar Kebangsaan bagi Komunikasi dan Multimedia di Malaysia
ii. Visi dan Misi

010-023 – **MENGENAI MCMC**
i. Kata Alu-Aluan Menteri
ii. Perutusan Pengerusi
iii. Ahli-Ahli Suruhanjaya
iv. Pengurusan Tertinggi MCMC

024-035 – **UNTUK RAKYAT**
i. Pemberian Perkhidmatan Sejagat
ii. Advokasi
iii. Pos dan Kurier

036-059 – **PEMBANGUNAN INDUSTRI**
i. Pembangunan Kandungan
ii. Pembangunan Digital
iii. Pembangunan Teknologi
iv. Pembangunan Standard
v. Perancangan dan Penguntukan Spektrum
vi. Koordinasi Antarabangsa

060-089 – **KAWAL SELIA**
i. Pembangunan Dasar
ii. Pelesenan
iii. Persaingan dan Capaian
iv. Keselamatan Siber
v. Pemantauan dan Penguatkuasaan
vi. Pengawasan dan Pematuhan (Penyiaran)
vii. Pengawasan dan Pematuhan (Komunikasi)
viii. Pengalamatan Elektronik dan Penomboran

090-099 – **TADBIR URUS KORPORAT**
i. Pengurusan Modal Insan dan Kompetensi
ii. Tanggungjawab Sosial Korporat

100-135 – **PENYATA KEWANGAN**

KATA ALU-ALUAN MENTERI

Anda barangkali sudah menyedari bahawa negara kita, Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang mempunyai capaian akses Internet yang membanggakan khasnya dalam aspek penembusan jalur lebar, penggunaan media sosial bahkan juga penggunaan Internet secara keseluruhannya.

Ini terbukti apabila statistik yang diperoleh mendapati bilangan pengguna Internet di Malaysia sehingga 2016 telah mencecah 21.1 juta orang ataupun bersamaan dengan 68.6% yakni lebih separuh daripada jumlah keseluruhan penduduk negara ini.

Tidak cukup dengan itu, jumlah pengguna media sosial khasnya Facebook mencecah 18 juta pada lewat 2015 lalu, dilihat antara negara yang mempunyai bilangan pengguna FB tertinggi di seantero dunia. Saya juga tidak terkecuali dalam merasai fenomena global ini.

Mahu tidak mahu, inilah medium perantaraan yang paling mudah, efektif dan berpengaruh dalam menyampaikan sumber informasi dan mesej kepada orang awam. Secara tidak langsung, ia memudahkan interaksi saya dengan rakyat jelata. Begitu juga dengan kadar penembusan jalur lebar dan telefon selular yang masing-masing mencapai paras 143.8% dan 77.3%.

Kesemua pencapaian memberangsangkan ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen kerajaan menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam merencanakan agenda untuk memakmurkan rakyat di samping memastikan rakyatnya sentiasa terhubung.

Inisiatif kerajaan untuk terus memperkasakan capaian akses Internet dan infrastruktur telekomunikasi di seluruh negara adalah seiring dengan hasrat kerajaan untuk merealisasikan sekurang-kurangnya 95% rakyat Malaysia mempunyai akses kepada Internet dan 50% penduduk di bandar serta 20% penduduk di luar bandar yang mempunyai kelajuan jalur lebar 100Mbps.

“INISIATIF MEMPERKASAKAN CAPAIAN INTERNET DAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI SEIRING DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MEREALISASIKAN SEKURANG-KURANGNYA 95% RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAI AKSES INTERNET”

Dengan wujudnya capaian akses Internet yang baik, secara tidak langsung perkembangan ini telah memacu pertumbuhan ekonomi negara dan mengubah cara hidup masyarakat setempat seperti anda semua. Contohnya, masyarakat kini boleh menggunakan khidmat jalur lebar untuk melakukan pelbagai jenis kegiatan ekonomi umpamanya perniagaan dalam talian, e-dagang, e-pembayaran malahan juga untuk berinteraksi dengan orang lain. Langkah ini juga selaras dengan agenda Komuniti Pintar yang sedang dilaksanakan oleh MCMC di beberapa buah lokasi di dalam negara seperti di Kemaman, Lundu dan Kota Belud.

Pokok pangkalnya, Internet boleh memberikan banyak manfaat kepada kita semua jika digunakan dengan cara yang betul. Kisah-kisah kejayaan hidup beberapa individu yang pernah diketengahkan oleh MCMC dalam Anugerah BEE and ANT tahun sudah menjadi saksi bahawa Internet kini menjadi ‘*game-changer*’ dan pemudahcara kepada kehidupan dan mobiliti masyarakat.

Bukan sahaja hidup individu-individu tersebut berubah, lebih membanggakan, produk-produk yang dipasarkan mereka secara dalam talian telah mendapat permintaan di peringkat antarabangsa.

Bertepatan dengan tema Laporan Tahunan MCMC 2015 iaitu “*Positively Connected*”, masyarakat adalah diseru untuk terus memanfaatkan perkhidmatan Internet sedia ada dalam memajukan diri dan negara. Internet hanyalah sebuah platform dan terpulanglah kepada kita sebagai pengguna bagaimana untuk mengisi platform itu dengan perkara-perkara yang berguna.

DATUK SERI DR. SALLEH SAID KERUAK
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

PERUTUSAN PENGERUSI

PENCAPAIAN SEPINTAS LALU

Tahun 2015 menyaksikan industri komunikasi dan multimedia negara berkembang pada kadar yang memuaskan apabila kadar pertumbuhan pendapatan industri berkembang pada kadar 4% kepada RM62.04 bilion berbanding dengan RM59.44 bilion, tahun sebelumnya.

Kadar pertumbuhan industri yang memuaskan itu dipacu oleh sektor telekomunikasi yang menyumbang sebanyak 77% daripada jumlah pendapatan keseluruhan industri, 10% daripada sektor penyiaran manakala selebihnya iaitu 13% daripada sektor pos dan lain-lain termasuk pasaran ACE *(Access, Certainty, Efficiency)*, tandatangan digital serta pemegang lesen tersenarai bukan awam.

Dalam perspektif perkhidmatan dan capaian akses pula, jumlah langganan jalur lebar negara telah mencecah 30.8 juta orang sekali gus meletakkan kadar penembusan jalur lebar negara mencecah 77.3% pada akhir 2015. Begitu juga dengan liputan populasi 4G LTE yang sudah pun berada pada paras 53.6% mengatasi sasaran yang ditetapkan kerajaan untuk tahun 2017 iaitu 50%.

Selain itu, kadar penembusan mudah alih negara telah melonjak kepada 143.8% manakala bilangan langganan jalur lebar gentian optik negara telah mencecah 1.02 juta orang dan ini merupakan peningkatan sebanyak 18.6% berbanding dengan hanya 0.86 juta pada 2014 didorong oleh kejayaan pelaksanaan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB).

Kesemua perkembangan ini menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan untuk mencapai akses jalur lebar sebanyak 95% menjelang 2020 dengan kepantasan sehingga 100Mbps untuk penduduk bandar dan sekurang-kurangnya 50% untuk penduduk luar bandar dengan kepantasan 20Mbps.

Sepanjang tahun 2015, MCMC telah melakukan pebagai inisiatif bagi memastikan industri komunikasi dan multimedia terus berdaya saing. Antaranya, usaha memperluaskan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi, penawaran pakej jalur lebar yang berpatutan, komuniti pintar, mempromosikan bidang-bidang strategik baharu seperti perkhidmatan digital dan *data enablement platforms* serta keterlibatan dalam pembangunan industri kandungan negara.

2015 turut menyaksikan beberapa pencapaian membanggakan dikecapi oleh industri komunikasi dan multimedia negara. Antaranya, Malaysia disenaraikan pada kedudukan ke-4 daripada 51 buah negara dalam Laporan *Alliance for Affordable Internet* (A4AI) dan pada kedudukan ke-3 dalam Indeks Keselamatan Siber Dunia 2015. Kemampuan Malaysia turut diiktiraf khasnya dalam kemampuan IPv6 yang mana Malaysia berada di kedudukan pertama di rantau Asia Tenggara dan kedua di Asia.

INISIATIF-INISIATIF YANG DILAKSANAKAN

Pelan Strategik MCMC 2016-2020

Dalam usaha untuk memperkasakan pertumbuhan industri komunikasi dan multimedia negara, MCMC telah membangunkan sebuah pelan yang dipanggil Pelan Strategik 2016-2020. Pelan strategik selama lima tahun itu antara lain menggariskan tujuh (7) teras dasar utama untuk memacu pembangunan dan kawal selia industri khasnya dalam bidang-bidang seperti Rangkaian dan Infrastruktur, Pembangunan Modal Insan, Komuniti dan Pelanggan, Keselamatan Rangkaian, Kandungan dan Aplikasi, Pengharmonian ASEAN dan *Enabling Platforms*.

Di bawah pelan strategik itu, MCMC akan bekerjasama rapat dengan pihak industri untuk merealisasikan matlamat-matlamat strategik meningkatkan pertumbuhan industri. Pelan Strategik ini juga melibatkan peranan MCMC sebagai pemudah cara dalam membangun dan menggerakkan usaha menerima dan mengguna *enablement platforms* untuk digital ID kebangsaan, data terbuka dan pembayaran mudah alih. Tujuh teras yang dimaksudkan tadi kemudiannya dibahagikan kepada 17 inisiatif dan disokong oleh 127 program masing-masing dengan sasaran tertentu.

i. Perkhidmatan Digital dan Enablement Platforms

Dalam aspek perkhidmatan digital pula, MCMC dijangka memainkan peranan dalam tiga *enablement platform* yang utama iaitu ID Digital, data terbuka dan pembayaran mudah alih. Di bawah inisiatif ini, MCMC bercadang untuk menggunakan pendekatan bersepadu yakni melalui kerjasama dengan pelbagai agensi berkepentingan daripada pelbagai sektor.

Usaha ini dijangka memberi tambah nilai kepada semua peringkat ekonomi digital negara dan berupaya untuk menjimatkan perbelanjaan negara sekurang-kurangnya RM2.3 bilion.

ii. Inisiatif Komuniti Pintar

MCMC turut memperkenalkan inisiatif Komuniti Pintar pada 2015 bermula di Kemaman dengan matlamat mendedahkan penduduk setempat kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan ke arah meningkatkan tahap kehidupan dan perniagaan mereka.

Inisiatif yang dijalankan ini bermula pada peringkat akar umbi, menyasarkan kepada peneraju-peneraju tempatan dalam aspek ICT di daerah-daerah dan memacu penggunaan ICT dalam perkhidmatan digital sekali gus memenuhi keperluan penduduk. Secara tidak langsung, langkah ini dapat mewujudkan keterangkuman sosial selain memboleh dan memperkasakan peranan komuniti dalam memajukan sosioekonomi mereka.

Hasil kerjasama erat yang dijalinkan antara MCMC dan pihak industri dalam inisiatif Komuniti Pintar di Kemaman berjaya meningkatkan tahap liputan perkhidmatan di seluruh daerah berkenaan. Di samping itu, bandar Chukai di Kemaman turut menikmati perkhidmatan 4G LTE dan jalur lebar berkelajuan tinggi. Manakala 85% di Kemaman telah diliputi dengan perkhidmatan 3G.

Pelaksanaan Komuniti Pintar Kemaman ini juga berupaya meningkatkan inovasi dan gaya hidup penduduk setempat melalui penggunaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Secara tidak langsung juga, inisiatif tersebut juga boleh memacu penduduk di luar bandar seperti di Kemaman untuk berdiri sama tinggi, duduk sama rendah bukan sahaja dengan masyarakat di kawasan bandar bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Lebih menggembirakan, sambutan penduduk setempat terhadap inisiatif Komuniti Pintar di Kemaman adalah amat baik. Ini terserlah dengan pembabitan menyeluruh para penduduk dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan ditambah pula dengan sikap proaktif mereka.

Di bawah Komuniti Pintar Kemaman, enam (6) program teras telah dilaksanakan iaitu Sistem Pengurusan Banjir, Pusat Inovasi Kemaman, Penerbitan Dokumentari Malaysia's Flood Warriors, Pertandingan Mencipta Aplikasi Mudah Alih – Appster Boss, Pusat Internet 1Malaysia dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Selain Kemaman, beberapa lagi lokasi lain turut menjadi destinasi pelaksanaan inisiatif Komuniti Pintar iaitu Kota Belud di Sabah; Lundu di Sarawak; Langkawi di Kedah dan Putrajaya. Inisiatif Komuniti Pintar ini juga adalah selari dengan pembangunan program Smart ASEAN di peringkat serantau yang dibangkitkan oleh Menteri-Menteri ASEAN pada 2015.

iii. Kajian Semula Terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM 1998)

Salah satu perkara yang paling mendapat perhatian sepanjang tahun 2015 ialah kajian semula Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).

Secara umumnya, kajian semula ke atas AKM 1998 memberikan penekanan kepada tiga teras utama iaitu mempertingkat pembangunan industri komunikasi dan multimedia, mewujudkan suatu persekitaran yang lebih terjamin untuk masyarakat ketika menggunakan aplikasi multimedia dan menyemai budaya penggunaan internet yang berhemah dan positif dalam kalangan rakyat.

Kajian semula itu dilaksanakan menyedari bahawa suasana persekitaran dalam talian telah banyak berubah sejak akta berkenaan digubal pada tahun 1998 di samping senario industri komunikasi yang semakin berubah-ubah. Bagaimanapun, kajian semula ke atas AKM 1998 tidak boleh dilihat sebagai mengawal Internet. Meskipun prinsip tiada sekatan ke atas Internet telah diperuntukkan dalam Akta Jaminan No 7 Koridor Raya Multimedia, ini tidak bermakna Internet boleh disalah guna secara sewenang-wenangnya.

Selain aspek kandungan media sosial, kajian semula ke atas AKM 1998 turut menyentuh mengenai pemisahan peranan Ketua Eksekutif dan Pengerusi MCMC. Langkah ini diambil bagi memperkukuhkan aspek tadbir urus MCMC dengan memastikan wujudnya kesinambungan dan imbangan tanggungjawab.

Di pihak kami, MCMC akan terus memastikan pelaksanaan sebuah kerangka kawal selia yang progresif bagi menyemai pembangunan industri secara teratur di sebalik kewujudan elemen-elemen destruktif.

iv. Salah Guna Media Sosial

Seperti tahun lalu, isu penyalahgunaan media sosial masih berlaku apabila terdapat segelintir individu yang menggunakan platform berkenaan untuk memfitnah dan menguar-uarkan berita-berita yang tidak benar. Hasil siasatan dan penguatkuasaan yang dijalankan secara konsisten bersama dengan pihak polis, mereka yang terbabit telah dibawa ke muka pengadilan.

Sepanjang 2015 sahaja, sejumlah 1,974 kes telah diklasifikasikan di bawah kategori aduan kandungan. Daripada jumlah tersebut, 57% daripada isu-isu kandungan adalah berkaitan dengan kandungan media sosial umpamanya profil-profil palsu, paparan yang menyakiti hati, lucah dan kandungan yang tidak senonoh.

Dalam aspek penguatkuasaan pula, sejumlah 125 kertas siasatan yang berkaitan dengan salah guna media sosial di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya. Hingga kini, sejumlah 67 kertas siasatan telah memperoleh izin pendakwaan dan daripada jumlah berkenaan, 34 kes telah dijatuhi hukuman denda.

Oleh yang demikian, program advokasi MCMC, Klik Dengan Bijak (KDB) yang dilancarkan pada 2012 terus diperhebatkan ke seluruh negara. Di samping itu, MCMC turut menekankan pentingnya untuk mengamalkan konsep kawalan kendiri ketika menggunakan media sosial. Biarpun tiada kawalan kandungan atau tapisan undang-undang dalam media sosial, pengguna media sosial harus mengamalkan kawalan kendiri terhadap kandungan dan maklumat yang dikongsi serta tidak menghantar sesuatu kandungan berbaur negatif.

"JUMLAH LANGGANAN JALUR LEBAR NEGARA TELAH MENCECAH 77.3% PADA AKHIR 2015. BEGITU JUGA DENGAN LIPUTAN LTE 4G YANG BERADA PADA PARAS 53.6% MENGATASI SASARAN YANG DITETAPKAN KERAJAAN UNTUK TAHUN 2017"

v. Pengagihan Spektrum

Dalam isu ini pula, MCMC akan terus menguruskan sumber-sumber utama dengan cermat bagi memastikan pengagihan spektrum dapat dijalankan secara berkesan. Untuk makluman semua, proses pengagihan spektrum 900 MHz dan 1800 MHz telah selesai dijalankan. Namun demikian, proses pelaksanaan sepenuhnya pengagihan spektrum akan berlangsung pada Julai 2017 nanti.

Prospek Industri Komunikasi & Multimedia Negara

Pendekatan dasar yang diambil oleh MCMC ketika ini yang berpandukan kepada strategi-strategi menyeluruh di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, melihat bagaimana industri komunikasi dan multimedia dapat menyesuaikan diri dengan cabaran semasa dan melangkah menjadi sebuah negara pintar.

Dalam usaha untuk melangkah ke negara pintar, pelbagai aspek perlu diperhalusi secara mendalam. Aspek-aspek yang dimaksudkan itu merangkumi tindakan menambah baik infrastruktur digital yang mampan, menggalakkan transformasi digital dalam perkhidmatan-perkhidmatan utama, penambahbaikan dalam pembangunan kandungan tempatan, tampil dengan langkah-langkah bernas dalam menangani cabaran-cabaran yang dicetuskan oleh media sosial dan kewujudan aplikasi mudah alih baharu serta pemerkasaan peranan pengguna. Tidak lupa juga, penyertaan bersama antara sektor awam dan swasta adalah penting ke arah menjayakan inisiatif itu.

Kesemua elemen ini bakal menjadi penentu kepada hala tuju industri komunikasi dan multimedia negara. Kepada pihak industri pula, mereka perlulah lebih strategik dan bersepadu dalam tindak-tanduk mereka.

PENGHARGAAN

Akhir sekali, saya di sini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemegang berkepentingan seperti Menteri, Kementerian, industri dan ahli-ahli Suruhanjaya atas sokongan yang diberikan selama ini. Kepada semua kakitangan MCMC, terima kasih juga kepada semua atas sokongan dan dedikasi yang diberikan selama ini dalam menjadikan 2015 suatu tahun yang bukan sahaja bermakna tetapi juga tahun yang produktif.

DATO' SRI DR. HALIM SHAFIE
Pengerusi
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

AHLI - AHLI SURUHANJAYA

TAN SRI DR. MADINAH MOHAMAD

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tan Sri Dr. Madinah Mohamad dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 21 Mac 2014.

DATO' SRI DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD

Ketua Setiausaha,
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Dato' Sri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 22 Disember 2014.

DATO' MOHID MOHAMED

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar),
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Dato' Mohid Mohamed dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 1 Januari 2015.

EN. CHEW LIONG KIM

Ahli Suruhanjaya Bukan Kerajaan

Encik Chew Liong Kim dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 1 Mei 2013.

DATUK IDRIS ABDULLAH

Ahli Suruhanjaya Bukan Kerajaan

Datuk Idris Abdullah dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 7 November 2013.

DATUK WATSON PETERS

Ahli Suruhanjaya Bukan Kerajaan

Datuk Watson Peters dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 16 Januari 2015.

EN. MOHAMED HASNAN CHE HUSSIN

Ahli Suruhanjaya Bukan Kerajaan

Encik Mohamed Hasnan Che Hussin dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 24 Julai 2015.

DATUK MD AFENDI HAJI HAMDAN

Ahli Suruhanjaya Bukan Kerajaan

Datuk Md Afendi Haji Hamdan dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 1 November 2015.

DR. ABANG AZHARI ABANG HADARI

Ahli Suruhanjaya Bukan Kerajaan

Dr. Abang Azhari Abang Hadari dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya untuk tempoh 2 tahun berkuat kuasa 7 November 2015.

PENGURUSAN TERTINGGI MCMC

DR. MAZLAN ISMAIL

Ketua Pegawai, Operasi Rangkaian, Keselamatan dan Pengurusan Media Baharu

DATO' MOHD ALI HANAFIAH MOHD YUNUS

Ketua Pegawai, Ekosistem Digital

TENGKU ZAIB RAJA AHMAD

Ketua Pegawai, Perkhidmatan Korporat

MENGENAI MCMC

NORIZAN BAHARIN

Ketua Pegawai, Komunikasi, Pengurusan Spektrum dan Kawal Selia Ekonomi

NUR SULYNA ABDULLAH

Ketua Pegawai, Strategi Korporat



ZULKARNAIN MOHD YASIN

Ketua Pegawai, Keselamatan Rangkaian, Penguatkuasaan dan Advokasi

UNTUK RAKYAT

PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT

Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) adalah inisiatif Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang dilaksanakan bagi mencapai objektif utama berikut:

- Menyediakan capaian komunikasi kepada kumpulan dan individu di kawasan kurang liputan.
- Meningkatkan penggunaan ICT untuk membina masyarakat berasaskan pengetahuan.
- Menyumbang ke arah pembangunan sosio ekonomi masyarakat setempat.
- Merapatkan jurang digital.

Bagi tahun 2015, antara inistiatif yang telah dilaksanakan bagi tujuan ini termasuk:

PUSAT INTERNET 1MALAYSIA (PI1M)

PI1M merupakan antara Program PPS terawal yang mula dilaksanakan sejak 2007. Bermula 2013, fokus PI1M diperluaskan kepada golongan miskin bandar dan kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan. 31 PI1M telah diperuntukkan untuk kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan yang tinggal di kawasan bandar seperti di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan kawasan perumahan Staf Sokongan Kerajaan di seluruh negara. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 657 PI1M telah dilaksanakan dengan jumlah ahli berdaftar seramai 549,000 orang.

WiFi KOMUNITI (WK)

Inisiatif WK (dahulu dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia – KTW1M) telah dilaksanakan sejak 2010 dengan menyediakan capaian internet tanpa wayar (WiFi) secara kolektif kepada komuniti kampung di pedalaman terutamanya kepada penerima Netbook 1Malaysia. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 2,978 WK menyediakan capaian WiFi kepada komuniti di seluruh negara.



PELUASAN LIPUTAN SELULAR

Inisiatif yang melibatkan pembinaan menara ini adalah bertujuan untuk meluaskan liputan geografi bagi capaian selular di seluruh negara merangkumi perkampungan di pedalaman, kawasan yang mempunyai kurang populasi dan kawasan yang tidak mempunyai nilai komersial termasuk ladang-ladang pertanian, penempatan orang asli, kawasan pelancongan baru dan lebuh raya persekutuan. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 1,000 menara telekomunikasi telah dibina.

PELUASAN LIPUTAN JALUR LEBAR MUDAH ALIH 3G

Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G merupakan satu inisiatif untuk meluaskan liputan jalur lebar mudah alih 3G di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan tersebut. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 1,409 lokasi telah dinaik taraf kepada perkhidmatan 3G di seluruh negara.

PELUASAN RANGKAIAN FIBER OPTIK

Peluasan Rangkaian Fiber Optik merupakan satu inisiatif menaik taraf rangkaian teras sedia ada kepada fiber optik untuk perkhidmatan mudah alih berkelajuan tinggi. Sehingga 31 Disember 2015, sepanjang 336km rangkaian fiber optik telah dipasang di negeri Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Pahang.

PAKEJ PERANTI PINTAR DENGAN INTERNET

Pakej Peranti Pintar Dengan Internet merupakan satu lagi inisiatif yang dilaksanakan dengan kerjasama penyumbang utama Dana PPS yang menawarkan subsidi peranti pintar seperti telefon pintar dan tablet yang dimuatkan aplikasi terpilih dan disertakan bersama pakej internet.

Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan orang ramai di kawasan kurang liputan untuk menaik taraf penggunaan telefon mudah alih kepada peranti pintar dan melanggan akses internet. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 1,243,889 pakej telah diaktifkan.

SISTEM KABEL RAKYAT 1MALAYSIA (SKR1M)

SKR1M merupakan satu inisiatif yang melibatkan pemasangan kabel fiber optik dasar laut yang bertujuan untuk menambah baik sambungan jalur lebar dengan kapasiti sehingga 4 Tbps antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan anggaran jarak panjang kabel sejauh 3,500 kilometer. Sehingga kini, SKR1M masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada 2017.

JALUR LEBAR BERKELAJUAN TINGGI (HSBB)

a. Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB Fasa 2)

HSBB merupakan satu inisiatif untuk melaksanakan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 10 Mbps di kawasan Lembah Klang, kawasan perindustrian dan Iskandar Malaysia dengan menaik taraf 103 ibu sawat dengan sasaran awal sebanyak 1.3 juta port. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 1,792,176 port telah disiap dilaksanakan.

HSBB Fasa 2 pula merupakan kesinambungan daripada HSBB yang bertujuan untuk meluaskan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi di setiap ibu negeri dan bandar-bandar utama dengan kelajuan jalur lebar sehingga 100 Mbps. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 111,302 port telah dilaksanakan dan 282,524 port masih dalam peringkat pelaksanaan.

b. Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB)

SUBB mula dilaksanakan pada tahun 2015 untuk menyediakan kapasiti jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20 Mbps di kawasan pinggir bandar dengan menaiktaraf 421 ibu sawat yang melibatkan 420,000 port di seluruh negara. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 90,172 port telah dilaksanakan dan 331,604 port masih dalam pelaksanaan.

Rajah 1: Pelaksanaan kempen media bagi program advokasi MCMC pada tahun 2015

Video Pendek

- Dihasilkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
- Diterbit dan dipromosikan dalam laman sosial KDB dan platform media sosial yang lain
- Selebriti tempatan dijadikan sebagai medium pengantara bagi mempromosi dan menyampaikan mesej kepada peminat melalui akaun media sosial mereka

Media Cetak

- Disiarkan dalam akhbar-akhbar berbahasa Inggeris dan vernakular
- 20 papan iklan dinaikkan bagi menyampaikan mesej Maklumat Palsu dan Penipuan Perbankan Internet di kawasan bandar dan luar bandar

Laman Sosial KDB

- Video-video pendek yang dimuat naik di laman YouTube KDB mendapat hampir 1 juta tontonan
- Jumlah ‘Like’ di laman Facebook KDB meningkat 478% pada tahun 2015 berbanding 2014.
- Bilangan pengikut akaun Instagram KDB meningkat sebanyak 767 orang kepada 4,303 pada akhir tahun 2015.

ADVOKASI

Mutakhir ini, semakin ramai rakyat Malaysia melayari perkhidmatan dalam talian dan oleh sebab itu, dijangkakan pendedahan mereka terhadap risiko-risiko dalam talian juga akan meningkat. Tindakan oleh MCMC untuk mewujudkan peranan advokasi adalah perlu bagi menangani pelbagai isu yang dihadapi oleh orang awam ketika menggunakan aplikasi komunikasi dan multimedia, perkhidmatan dan rangkaian.

Sehubungan itu, usaha-usaha advokasi telah diperluaskan sejak 2012 untuk mendidik orang awam mengenai isu-isu berkaitan dengan keselamatan dan penggunaan perkhidmatan dalam talian yang bertanggungjawab. Pendedahan kepada manfaat teknologi komunikasi dan aplikasi dalam mempertingkat kualiti kehidupan serta pembelajaran sepanjang hayat juga dipertingkat ke arah mewujudkan ‘rakyat digital’ yang berupaya menyumbang secara positif dalam persekitaran digital yang semakin mencabar.

KEMPEN-KEMPEN MEDIA

Pada 2015, MCMC meneruskan usaha-usahanya untuk mempromosikan kesedaran awam mengenai keselamatan Internet dan etika melalui program ‘Klik Dengan Bijak® atau Click Wisely (KDB).’ Fasa Ke-2 kempen KDB selama enam bulan bermula pada awal Januari 2015 bagi menyampaikan empat (4) mesej utama iaitu Maklumat Palsu, Buli Siber, Perkongsian Berlebihan dan Penipuan Perbankan Internet.

Beberapa siri bengkel persediaan melibatkan kakitangan daripada Pejabat Wilayah telah diadakan bagi merancang aktiviti-aktiviti baharu yang bertujuan untuk memastikan acara-acara di peringkat bawah dan komitmen di seluruh negara dilaksanakan secara konsisten dan bersepadu serta mengandungi empat mesej utama seperti yang disasarkan.

Usaha-usaha advokasi MCMC turut mendapat sokongan penuh daripada pihak media. Lebih 260 artikel mengenai topik-topik advokasi diperoleh menerusi lebih 30 temuramah eksklusif yang disiarkan dalam TV, radio, media cetak dan dalam talian; lawatan ke organisasi-organisasi media, taklimat media dan liputan 10 acara advokasi.

01

02

03

JANGKAUAN DAN ADVOKASI DALAM PERKONGSIAN STRATEGIK

MCMC juga telah meneruskan perkongsian strategik dengan pelbagai agensi, kementerian, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pemain-pemain industri. Usahasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan UNICEF Malaysia telah membawa kepada kejayaan penganjuran Persidangan Serantau Mengenai Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 24 - 25 Mac 2015. Tahun ini juga turut menyaksikan kem tahunan Klik Dengan Bijak di Perak telah dianjurkan secara bersama dengan Persekutuan Pengakap Malaysia pada 21 - 26 November 2015. Meneruskan usahasama dengan Kidzania buat tahun kedua, 86 buah sekolah telah menyertai Program Kidzaniago! yang mana antara aktiviti yang dijalankan termasuklah MCMC *Cyber Crime Lab* di mana kanak-kanak sekolah berpeluang untuk menyertai dalam sebuah permainan yang menyerupai proses penyiasatan jenayah siber.

Acara dan Aktiviti Sepanjang 2015

Acara-acara dan aktiviti-aktiviti seperti karnival, bengkel dan seminar membuka peluang kepada MCMC untuk berinteraksi secara langsung dengan orang awam bagi memastikan mesej-mesej advokasi disampaikan dengan jayanya. Dengan usaha bersama Pejabat-pejabat Wilayah MCMC, lebih 430 acara dan aktiviti telah dianjurkan sepanjang 2015 dan berjaya menarik penyertaan kira-kira 200,000 orang dalam golongan sasaran. Pusat Internet 1Malaysia turut memainkan peranan dalam menyampaikan mesej-mesej advokasi dan sepanjang tempoh itu, lebih 15,500 latihan telah diadakan di seluruh negara. Latihan-latihan ini digabungkan dengan usaha-usaha oleh MCMC berjaya sampai kepada 600,000 orang pengunjung.

Program ITU-IIV 2015

Malaysia, melalui MCMC telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada 100 peserta daripada Program Sukarelawan ICT Antarabangsa (IIV) dalam sebuah *boot camp* yang berlangsung di Kota Kinabalu dari 9 - 11 Julai 2015. Program berkenaan yang dianjurkan secara bersama dengan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) dan Agensi Masyarakat Bermaklumat Kebangsaan Korea (NIA), merupakan sebuah platform terbuka untuk pelbagai pihak berkepentingan termasuk kerajaan, NGO, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dalam usaha menggerakkan sumber-sumber manusia dan sumber lain bagi memperkasakan masyarakat di semua peringkat.

Dua pasukan yang terdiri daripada empat orang sukarelawan telah ditugaskan ke Tenom, Sabah dan Kemaman, Terengganu selama dua bulan, yang mana mereka ditempatkan di Pusat Internet 1Malaysia untuk memberikan latihan ICT selain mempromosikan pertukaran kebudayaan dengan penduduk-penduduk kampung.

04

05

01 Peserta dan Pegawai di Boot Camp Sukarelawan ICT Antarabangsa 2015
02 Para pengakap yang mengambil bahagian dalam Perkhemahan KDB di Perak
03 Aktiviti KDB di Pusat Internet 1Malaysia, Kota Samarahan, Sarawak
04 Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak merasmikan MyMaker
05 Pegawai MCMC menerangkan contoh penggunaan teknologi IoT kepada Ketua Setiausaha Negara di dalam Pameran bersempena Forum dan Wadah Perkhidmatan Digital Kerajaan 2015

Selepas menimba pengalaman dan pendedahan yang perlu dalam aspek ini, usaha-usaha kini sedang giat dijalankan untuk membangunkan program Sukarelawan ICT Malaysia sendiri yang akan bermula pada 2016.

Melangkah ke tahun 2016, inisiatif-inisiatif advokasi akan difokuskan kepada usaha mempromosikan kecelikan media dan digital, kesedaran undang-undang daripada aspek hak dan tanggungjawab, serta usaha mempromosikan keterangkuman digital. Program KDB akan terus diperluaskan untuk meliputi kumpulan sasar yang lebih luas dan isu-isu berbangkit khasnya etika-etika media sosial.

MEWUJUDKAN RAKYAT DIGITAL MASA HADAPAN

Selain isu etika dan keselamatan Internet, sebuah modul advokasi baharu bertajuk 'Rakyat Digital Masa Hadapan' telah dibangunkan untuk mempromosikan kecelikan media dan digital dalam kalangan rakyat Malaysia. Modul tersebut diharap dapat mewujudkan pemahaman yang lebih baik mengenai teknologi komunikasi dan multimedia, kepimpinan digital, dan memperkenalkan konsep *Internet of Things* (IoT) kepada orang awam.

Antara kandungan baharu yang ditambah termasuklah inisiatif MCMC seperti 'Periksa Label Anda' dan Program e-Sisa Mudah Alih. Modul berkenaan telah berjaya disampaikan kepada semua Pejabat Wilayah melalui bengkel 'Melatih Jurulatih' yang diadakan pada September 2015.

Inisiatif Gaya Hidup Digital Malaysia

Fokus utama insiatif Gaya Hidup Digital Malaysia (DLM) adalah untuk memudahkan penyelarasan antara pihak industri dan masyarakat berkenaan penggunaan IoT dalam menuju ke arah negara digital pintar dengan penuh efisien dan berproduktif. Ia tertumpu kepada lima (5) ekosistem iaitu Pengangkutan, Pertanian, Peruncitan dan Pembayaran, Penjagaan Kesihatan dan Jejak dan Kesan.

myMaker

myMaker adalah sebuah komuniti yang mereka cipta produk berasaskan sains dan teknologi. Tujuan utamanya adalah untuk membina landasan sains dan teknologi serta memberi inspirasi kepada masyarakat dan industri melalui ciptaan mereka.

Kesedaran Masyarakat

MCMC turut bekerjasama dengan pelbagai pertubuhan dan segenap lapisan masyarakat seperti golongan kurang upaya, wanita serta kanak-kanak dalam memberi kesedaran dan pendidikan berkenaan *Internet of Things* (IoT).

Aktiviti-aktiviti DLM Sepanjang 2015

Pelbagai program kesedaran, seminar dan bengkel serta pameran teknologi bagi mempromosikan gaya hidup digital telah dijalankan sepanjang 2015. Ini termasuk memperkenal dan mempromosikan myMaker, menjalankan projek-projek *Proof of Concept* (PoC) untuk DLM dan myMaker, membina ruang Makers *(Maker Space)* dan lain-lain lagi. Ringkasan aktiviti yang dijalankan adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 6: Aktiviti-aktiviti mempromosikan gaya hidup digital dan teknologi IoT bagi tahun 2015

Program	Butiran
1. *Asia Pacific Broadcasting Union* (ABU) Digital Symposium 2015	MCMC bekerjasama dengan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan MyNIC Berhad menjayakan pameran bersempena dengan simposium ini serta membekalkan maklumat dan informasi mengenai Gaya Hidup Digital dan Masyarakat kepada peserta yang hadir.
2. *Digital Empowerment: 360º of Retail Transformation with Internet of Things and Payment*	Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada usahawan menerima pakai pembayaran menggunakan telefon pintar melalui *Near Field Communication* (NFC), *bluetooth* dan *sensor beacon*.
3. Simposium Memperkasa Negara Pintar Digital dan Pameran Gaya Hidup Digital Malaysia	Simposium ini diadakan dengan kerjasama Universiti Multimedia (MMU) bersempena KL Converge! 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Ia bertujuan untuk menyediakan platform kepada pakar, golongan profesional dan pembuat keputusan daripada Kerajaan, industri dan ahli akademik untuk berkongsi pengetahuan, idea dan pandangan ke arah negara pintar digital.
4. *Kuala Lumpur Engineering & Science Fair* (KLESF) 2015	Pameran bagi mempromosikan myMaker, eWaste dan Klik Dengan Bijak dalam kalangan pengunjung yang terdiri daripada murid sekolah rendah, menengah dan warga pendidik. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan dan menanam minat para pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).
5. Forum dan Wadah Perkhidmatan Digital Kerajaan 2015 oleh MAMPU	Program usahasama MCMC dengan pihak industri bagi mewujudkan sebuah negara pintar digital dengan memberi penekanan dalam aspek IoT. Antara teknologi yang diketengahkan di ruang pameran ialah cetakan 3D dan juga sistem penggera banjir. Pameran ini turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.
6. *Malaysia Cybergames* 2015	Gerai pameran MCMC yang menampilkan beberapa inovasi dan rekacipta oleh anak tempatan seperti mesin cetak 3D, permainan animasi dan *drone* ini turut dilawati oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Rajah 1: Tatacara pelaksanaan projek 'Alamat Untuk Semua'



POS DAN KURIER

Sepanjang tahun 2015, MCMC telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan dan kawal selia bagi memperkasakan industri pos dan kurier di Malaysia.

PEMBANGUNAN POS LUAR BANDAR

Projek Alamat Untuk Semua

Pos Malaysia menganggarkan 1 juta premis di seluruh negara tidak mempunyai nombor premis dan alamat yang lengkap. Jumlah tersebut adalah agak besar dan perlu ditangani secara berperingkat bagi membolehkan sistem perkhidmatan pos dan kurier negara dapat disediakan dengan berkesan selain memastikan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih sempurna. Justeru, projek 'Alamat Untuk Semua' dilaksanakan dengan objektif untuk memastikan setiap premis mempunyai alamat yang lengkap, sistem poskod yang efisien sesuai dengan keperluan semasa dan pangkalan data alamat dan poskod kebangsaan yang boleh diakses oleh semua pihak berkepentingan dapat diwujudkan.

Parlimen Kemaman dan Hulu Terengganu telah dipilih untuk menjadi dua kawasan Parlimen pertama untuk projek ini. Jika berjaya, pelaksanaan projek di peringkat kebangsaan akan diteruskan pada tahun 2016. Setiap premis akan diberikan plak rumah beserta dengan kod QR.

Jadual 1: Perincian pelaksanaan projek 'Alamat Untuk Semua' di Kemaman dan Hulu Terengganu

Parlimen	Kampung Terlibat	Premis Terlibat
Kemaman	128	18,900
Hulu Terengganu	78	14,605

Rajah 2: Contoh Kod QR yang dipasang di setiap premis terlibat

Pelan Transformasi Pos Sabah dan Sarawak (PTPSS) Fasa 3 (2015-2016)

Perkhidmatan pos luar bandar di Sabah dan Sarawak telah berjaya dipertingkatkan di bawah PTPSS melalui pelaksanaan projek posmen komuniti dan penyediaan kemudahan pejabat pos bergerak sejak tahun 2010. Penambahbaikan utama pelaksanaan PTPSS Fasa 3 adalah menjadikan rangkaian posmen komuniti luar bandar sebagai rangkaian guna sama bagi perkhidmatan kurier di bawah 2kg bermula dengan perkhidmatan PosLaju sebelum ia dibuka kepada syarikat-syarikat kurier yang lain.

01

02

Projek Perintis Posmen Pintar (*Smart Postman*)

Kerangka program posmen pintar melibatkan 4,700 posmen dan 2,000 penghantar kurier PosLaju di seluruh Malaysia untuk kerja penghantaran sedang disiapkan. Tiada organisasi lain yang sedia ada bergerak setiap hari seperti ini.

Pos Pelancongan

a. Peti Pos Pertama di Altitud Tertinggi (Gunung Kinabalu)

Peti pos ini yang terletak di *Pendant Hut*, Laban Rata pada ketinggian 3,289 meter di atas paras laut telah diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* (MBoR) sebagai peti pos aras tertinggi di Malaysia. Peti pos berkenaan telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani Johari pada 14 Februari 2015 di kaki Gunung Kinabalu.

Satu cap pos khas yang memaparkan lukisan Gunung Kinabalu dengan aras ketinggiannya disediakan bagi pendaki yang ingin memperingati pendakian bersejarah mereka dengan menghantar surat dan poskad dari ketinggian 3,289 meter.

b. Peti Pos Dasar Laut Negara di Pulau Layang-Layang

Peti pos dasar laut di Pulau Layang-Layang telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani Johari pada 7 Ogos 2015 dan telah mencipta nama di dalam *Malaysia Book of Records* sebagai peti pos dasar laut terdalam di negara dengan kedalaman 40 meter dari permukaan laut.

Ia juga mengatasi rekod dunia yang dipegang oleh Susami, Wakayama di Jepun dengan kedalaman 10 meter. Peti pos ini menjadi produk pelancongan baharu serta daya tarikan kepada komuniti penyelam dari seluruh dunia. Poskad kalis air dengan cap pos khas dan logo *Malaysia Book of Records* juga disediakan. Turut dilancarkan ialah poskod khas bernombor 88005 kepada Pulau Layang-Layang sebagai usaha meningkatkan kemudahan pos kepada para pelancong dan kakitangan yang tinggal di pulau itu.

PEMBANGUNAN FILATELI

Tema Setem dan Sampul Surat Hari Pertama

MCMC telah meluluskan 20 tema setem dan sampul surat hari pertama sepanjang tahun 2015 untuk dikeluarkan oleh Pos Malaysia.

Sambutan Ulang Tahun ke-175 Setem Pertama Dunia

Pada 30 April 2015, MCMC dengan kerjasama Pos Malaysia, Persatuan Filateli Malaysia dan Perbadanan Muzium Melaka telah merayakan ulang tahun ke-175 setem pertama di dunia, iaitu Penny Black.



03

01 Peti Pos Gunung Kinabalu.
02 Pendakian ke Laban Rata, Gunung Kinabalu.
03 Peti Pos Pulau Layang-Layang.
Foto Ihsan: Pos Malaysia Berhad.

Pameran Setem FourNation

Pameran Setem Empat Negara yang merupakan pameran setem yang melibatkan Thailand, Malaysia, Singapura dan Indonesia telah berlangsung pada 4 - 6 Disember 2015 di Dataran Pahlawan Megamall, Melaka.

PENGAWALSELIAAN INDUSTRI

Polisi Harga Minimum

Pada 1 Januari 2015, MCMC telah melaksanakan polisi harga minimum RM5.00 bagi penghantaran setiap surat di bawah 500 gram oleh syarikat-syarikat kurier. Intervensi kawal selia ekonomi ini bertujuan bagi memacu pertumbuhan, meningkatkan standard industri serta membendung persaingan yang tidak sihat dalam kalangan pemain industri.

Pewartaan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos

Dua peraturan perkhidmatan pos telah diwartakan di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012 pada 15 April 2015 iaitu Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Pelesenan) 2015 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Perkhidmatan Sejagat) 2015.

Kepuasan pelanggan

Sepanjang tahun 2015, pihak MCMC dan industri telah menerima sebanyak 143 aduan berkaitan perkhidmatan pos dan kurier. Jumlah tersebut merupakan peningkatan sebanyak 26.5% berbanding dengan 113 kes yang diterima pada tahun 2014. Peningkatan aduan ini adalah selari dengan ledakan e-dagang yang telah memacu peningkatan jumlah trafik bungkusan dan paket kecil.

Penubuhan Forum Pos

MCMC juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan mengenai penubuhan Forum Pos yang dijangka dapat dilantik pada tahun 2016 bagi memperkasakan lagi hak-hak pengguna dalam hal-hal berkaitan perkhidmatan pos dan kurier.

PERANCANGAN UNTUK 2016

Pelbagai program dan projek yang telah dirancang bagi terus memacu perkhidmatan e-dagang dan industri pos pada tahun 2016 seperti program membantu usahawan industri kecil, sederhana dan mikro (IKSM). Isu keselamatan pos juga perlu terus dititikberatkan dan diperkemaskan untuk menghalang rangkaian pos ini daripada disalah guna oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab.

PEMBANGUNAN INDUSTRI

Rajah 1: Projek yang telah disiapkan di bawah DPIK-MCMC bagi tahun 2011 – 2015



RM5.62 JUTA
JUMLAH JUALAN YANG DIJANA

684
JUMLAH PEKERJAAN YANG DIWUJUDKAN

3	Portal / e-Pembelajaran **RM1,315,000.00**
4	Program Kandungan Animasi di bawah Konsortium Cartoonist At Work (CAW) **RM1,448,000.00**
3	Program Khas Animasi Kenegaraan **RM1,066,000.00**
3	Siri Animasi **RM244,682.00**
4	Dokumentari **RM887,600.00**
4	Kandungan Mudah Alih/ Permainan/Tablet **RM662,915.90**
12	Siap dibina tapi belum dikomersialkan. • 5 siri animasi • 3 Kandungan Mudah Alih/ Permainan/Tablet • 3 portal / e-Pembelajaran • 1 Program 1Malaysia (Drama Bersiri)
5	Bantuan Kewangan Kepada Agensi Kerajaan
28	Kerjasama Strategik MCMC-RTM untuk Saluran TVi
66	**Jumlah Projek Siap**

PEMBANGUNAN KANDUNGAN

MCMC terus memainkan peranan penting dan mengambil pelbagai langkah proaktif dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kandungan kreatif utama di rantau Asia. Bagi memastikan objektif ini tercapai, pelbagai inisiatif dipertingkatkan menerusi lima (5) bidang tumpuan utama seperti berikut:

i. Insentif
ii. Pembangunan Kapasiti
iii. Inisiatif Strategik
iv. Pembangunan Peningkatan Kompetensi
v. Komuniti Pintar

INSENTIF

Bagi tempoh antara 1 Januari - 31 Disember sahaja, RM10.89 juta telah diagihkan kepada penerima Dana Pembangunan Industri Kreatif-MCMC berdasarkan pencapaian *milestone* yang telah dipersetujui. Manakala, jumlah keseluruhan yang diagihkan sejak Januari 2011 hingga 31 Disember 2015 ialah RM49.4 juta.

Setakat 31 Disember 2015, 586 permohonan telah diterima di bawah DPIK-MCMC; yang mencatatkan sebanyak 142 projek telah diluluskan dan daripada jumlah tersebut, 66 projek berjaya disiapkan. Manakala baki 76 projek masih dalam proses disiapkan dan berada di bawah pemantauan MCMC.

PEMBANGUNAN KAPASITI

Liga Remaja Kreatif 2015 (LRK 2015)

Tema LRK bagi tahun 2015 adalah 'Inovasi Jalur Lebar – Gaya Hidup Digital Malaysia' dan pada tahun ini, satu kategori baharu telah diperkenalkan iaitu kategori Raspberry Pi dan Arduino. MCMC telah menerima lebih daripada 4,000 penyertaan dalam talian dari seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 1,368 video telah dinilai oleh juri bagi memilih pemenang di peringkat negeri dan kebangsaan.



01 Pemenang-pemenang MYDD 2015
02 Johan Appster Boss
Kumpulan: Sining
Aplikasi: Mamashroom
03 Naib Johan Appster Boss
Kumpulan: Penyu Nelang
Aplikasi: Help2Go

02

03

Kem Pembangunan Remaja Kreatif 2015 (#KAMERA2015)

Kem Pembangunan Remaja Kreatif 2015 adalah program susulan kepada Liga Remaja Kreatif di mana kem pembangunan ini diadakan selama lima hari yang memberi tumpuan bagi meningkatkan bakat pelajar dalam menghasilkan kandungan kreatif. Sebanyak lima video pendek pesanan khidmat awam telah berjaya dihasilkan oleh pelajar dengan tema kemerdekaan.

Malaysia Developers' Day 2015 (MYDD 2015) – EDISI ASEAN

Tahun ini, MCMC dan AT&T sekali lagi telah bekerjasama untuk menganjurkan *Malaysia Developers' Day 2015*– Edisi ASEAN di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 27 - 28 Ogos 2015 bersempena KL Converge! 2015. Acara ini telah menarik lebih daripada 128 peserta dari seluruh Asia yang bersaing membangunkan aplikasi terbaik mengikut kategori yang dipertandingkan iaitu Penglibatan Komuniti, Bandar Pintar dan Pengkomersialan.

Appster Boss 2015

Pertandingan ini telah diadakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik, Terengganu pada 8 - 9 Mei 2015. Peserta perlu membangunkan aplikasi secara berkumpulan dan bersaing dalam tiga kategori di bawah tema yang ditetapkan iaitu Aplikasi Mudah Alih Kerajaan, Komuniti Pintar dan Pengurusan Banjir bagi memenangi hadiah berjumlah RM21,000.00.

Pertandingan ini berjaya menarik 83 peserta yang terdiri daripada orang awam yang berumur 18 tahun ke atas. Sebanyak 26 aplikasi berjaya dibentangkan kepada panel penilai.

Pemenang tempat pertama dan kedua telah dipilih untuk membentangkan aplikasi mereka semasa lawatan delegasi ASEAN ke Kemaman sempena KL Converge! 2015 pada 28 Ogos 2015.

Setakat Disember 2015, dua aplikasi tersebut telah mendaftar untuk menyertai StartupMalaysia.org untuk "*ASEAN Accelerator Program*" dan berpeluang mendapat pembiayaan sebanyak RM25,000.00 untuk pembangunan penuh aplikasi mereka dan kedua-dua aplikasi ini akan dimuat naik ke dalam *AppStore* pada Januari 2016.

04

Game Jam 2015

Program *Game Jam* 2015 ini merupakan kolaborasi MCMC dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bertujuan mencungkil bakat-bakat muda bagi menghasilkan pelbagai produk kandungan tempatan melalui pembangunan aplikasi permainan mudah alih. Ia melibatkan penyertaan 12 buah sekolah di peringkat rendah dan menengah dengan kerjasama syarikat Tracdisk Technogreen Sdn Bhd (TTSB) untuk membimbing pelajar menghasilkan aplikasi permainan mudah alih mengikut tema yang diberikan melalui sesi bimbingan yang dijalankan selama dua hari iaitu pada hujung minggu (Sabtu dan Ahad) di setiap sekolah dari bulan Mac sehingga Jun 2015.

Hasil daripada pembangunan aplikasi permainan mudah alih ini dinilai melalui sesi *pitching* dan pemenang tempat pertama daripada setiap sekolah dibawa ke acara KL Converge! 2015 untuk bertanding di peringkat kebangsaan. Peserta dikehendaki membangunkan aplikasi permainan mudah alih mengikut tema yang ditetapkan iaitu Budaya, Komuniti Pintar dan Teknologi Hijau. Pemenang tempat pertama kategori sekolah rendah dimenangi oleh SK Merpati Jepang, Sarawak manakala pemenang tempat pertama kategori sekolah menengah dimenangi oleh SM Sains Muzaffar Syah, Melaka.

Menerusi program Game Jam ini, para pelajar telah didedahkan dengan konsep '*education gamification*' yang bukan sahaja membolehkan mereka menghasilkan aplikasi permainan mudah alih tetapi juga mendedahkan pelajar kepada persekitaran pembelajaran yang dapat memberi inspirasi kepada mereka untuk berfikir secara kreatif.

Bengkel LEGO Education Sempena KL Converge! 2015

Bengkel LEGO Education ini merupakan satu program kerjasama antara MCMC dan Sasbadi Learning Solution Sdn Bhd bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta dalam membina satu asas yang kukuh dalam bidang Matematik, Sains, Teknologi, Reka Bentuk serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) melalui pengalaman *hands-on* dan penyelidikan.

Pelajar diberikan pendedahan menerusi bengkel mengenai pembangunan robotik dan seterusnya diadakan pertandingan mini untuk menguji hasil kerja mereka secara berkumpulan. Pemenang pertama pertandingan mencipta robotik ini dimenangi kumpulan yang diwakili pelajar-pelajar SK (P) Sultan Ibrahim, Johor; SM Sains Sabah dan SK Merpati Jepang, Sarawak.

04 Peserta Kem Pembangunan Remaja Kreatif 2015 (#KAMERA2015)
05 Program pertandingan mencipta trailer *Malaysia Dokumentary Pitch Trailer (DocsTrailer)* yang dianjurkan oleh MCMC dengan kerjasama antara History Channel dan Persatuan Dokumentari Malaysia (MyDocs)

05

Dermasiswa kepada Pelajar bagi Mencipta Harta Intelek (IP)

Program ini merupakan kerjasama antara MCMC dengan dua institusi akademik iaitu Akademi KRU dan Kolej Point bertujuan menyediakan bantuan kewangan secara separa kepada pelajar yang layak mengikuti pengajian diploma dalam bidang multimedia. Setiap institusi diberikan peruntukan sebanyak RM1 juta iaitu RM20,000.00 kepada setiap pelajar dengan sasaran keseluruhan 50 orang pelajar dari setiap institusi.

Jumlah bilangan pelajar yang terpilih di bawah program dermasiswa MCMC setakat 31 Disember 2015 adalah seramai 93 pelajar di mana sejumlah RM810,000.00 telah diagihkan kepada kedua-dua institusi berkenaan.

Program Penerokaan Pasaran Luar Negara

MCMC meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti FINAS, MDeC dan syarikat-syarikat tempatan untuk memasarkan kandungan tempatan melalui penerokaan pasaran global.

Antara pasaran antarabangsa yang disertai adalah MIPTV 2015, MIPCOM 2015, MyContent Dubai 2015 dan Asian Television Forum 2015.

INISIATIF STRATEGIK

Malaysia Documentary Pitch Trailer

Pada tahun 2014, MCMC memulakan kerjasama dengan History Channel dan Persatuan Dokumentari Malaysia (MyDocs) untuk melaksanakan program pertandingan mencipta trailer iaitu *Malaysia Dokumentary Pitch Trailer (DocsTrailer)* yang bertujuan mengasah bakat penerbit tempatan dan membawa kandungan tempatan ke peringkat antarabangsa. Lanjutan daripada program ini, kesemua 18 syarikat yang terpilih telah berjaya menyiapkan penyelidikan dan trailer masing-masing pada bulan Mac 2015. Semua trailer dan hasil penyelidikan telah dibentangkan kepada panel juri yang terdiri daripada wakil-wakil stesen penyiar antarabangsa dan tempatan pada 8 dan 9 April 2015 di Pitching Center, Kuala Lumpur.

Lima (5) trailer terbaik telah terpilih untuk menerima sejumlah RM200,000.00 pembiayaan untuk penerbitan penuh dokumentari mereka di bawah DPIK-MCMC bagi tujuan komersial di mana empat daripada dokumentari tersebut bakal disiarkan oleh History Channel pada bulan April 2016 manakala 1 program lagi untuk siaran stesen penyiar tempatan.

PROGRAM PENINGKATAN KOMPETENSI

MCMC dengan usahasama Universiti Multimedia (MMU) telah menganjurkan dua bengkel mengenai penulisan skrip dan jalan cerita iaitu *Story And The Art of Scriptwriting* dan *Advanced Storytelling For A Glocal Audience* dalam usaha menghasilkan kandungan kreatif yang lebih berkualiti dan berdaya saing di pasaran global.

Dua bengkel yang diadakan selama enam hari ini telah disertai oleh 50 orang penulis skrip dan penerbit tempatan. Ia adalah bertujuan meningkatkan kemahiran para peserta dalam penulisan skrip dan penceritaan bagi menghasilkan kandungan kreatif tempatan yang mempunyai pasaran global.

Inisiatif ini juga adalah salah satu usaha untuk melahirkan penulis skrip terlatih dan profesional dan diharap dapat menangani masalah kekurangan kemahiran dalam penulisan dan pembangunan skrip yang dihadapi industri kreatif tempatan.

KOMUNITI PINTAR

MCMC telah melaksanakan projek perintis iaitu inisiatif Komuniti Pintar di Kemaman, Terengganu bagi mendedahkan penduduk tempatan kepada teknologi ICT dan bagaimana ia boleh membantu dalam menangani masalah kehidupan harian. Ia juga merupakan satu objektif utama di bawah visi negara pintar yang diterajui oleh MCMC yang memberikan penekanan kepada penggunaan ICT untuk meningkatkan taraf kehidupan.

Konsep inisiatif komuniti pintar dibangunkan atas tujuh (7) prinsip utama dan pelaksanaan enam (6) program utama seperti berikut:

Jadual 1: Tujuh (7) prinsip utama bagi inisiatif Komuniti Pintar

Prinsip	Butiran
1. *Bottom Up*	Melalui penglibatan pelbagai pihak, pembentukan konsep komuniti pintar ditentukan oleh komuniti tempatan tersebut di mana ia amat bergantung kepada keperluan dan komitmen secara menyeluruh.
2. Penambahbaikan Infrastruktur	Infrastruktur komunikasi yang utuh bagi pembentukan inovasi dan penglibatan yang kompetitif bagi mendukung pembangunan ekosistem digital.
3. Pembangunan Kandungan dan Aplikasi Tempatan	Mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat dan sejahtera merentasi semua sektor penting dan hubungan sosial.
4. Peranan Pihak Berkuasa Tempatan	Membangunkan dasar-dasar bagi memudah cara proses yang lebih berkesan dan keberkesanan kos bagi pembangunan infrastruktur komunikasi dan lain-lain perkhidmatan.
5. Kerjasama bersama Institusi	Mewujudkan perkongsian antara organisasi tempatan bagi memberikan akses teknologi dan perkhidmatan.
6. Peranan Peneraju Utama	Mengemudi inisiatif dan membantu dalam memberi pendedahan dan penggunaan teknologi di kalangan masyarakat.
7. *Replicability, Scalability, Reachability & Sustainability*	Memastikan ekosistem yang kukuh bagi menggalakkan pembangunan inovasi kepada masyarakat tempatan yang memerlukan akses kepada teknologi digital; penyelesaian yang berpotensi untuk dikembangkan bagi menampung keperluan dan pembangunan masa hadapan.

Rajah 2: Enam (6) program utama yang dijalankan sepanjang tahun 2015 bagi projek Komuniti Pintar Kemaman

PEMBANGUNAN DIGITAL

PENCIPTAAN DIGITAL DAN PLATFORM PENGEDARAN

Fungsi Penciptaan Digital dan Platform Pengedaran bertujuan memastikan kejayaan peralihan penyiaran percuma televisyen (TV) terestrial daripada teknologi analog kepada digital yang disasarkan pada 2018. Projek ini yang juga dikenali sebagai projek Pendigitalan Penyiaran Nasional melibatkan peralihan sistem pemancaran dan rangkaian TV daripada analog kepada digital bagi stesen-stesen TV seperti RTM, Media Prima, TV AlHijrah dan Bernama TV.

FOKUS 2015

Pembinaan infrastruktur penyiaran TV digital disasarkan siap untuk memberi liputan penyiaran kepada 85% kawasan berpenduduk pada 2015. Liputan pemancaran TV digital bakal disediakan daripada 14 stesen pemancar TV di seluruh negara.

Di samping itu, program pensijilan dan pemerakuan TV digital dan '*set top box*' perlu dijalankan untuk memastikan peralatan-peralatan tersebut telah diperakukan oleh SIRIM sebelum berada di pasaran apabila perkhidmatan Televisyen Terestrial Digital (DTT) dilancarkan. Perancangan untuk kempen promosi dan publisiti melalui pelbagai platform media, termasuk TV dan radio, serta jerayawara *(road show)* juga dirancang bagi menjelaskan kepada rakyat tentang peralihan kepada TV digital.

PENCAPAIAN 2015

Ujian Siaran Perkhidmatan TV Digital di Kawasan Pantai Timur dan Negeri Sabah

Ujian siaran perkhidmatan TV digital telah dilaksanakan di kawasan pantai timur melibatkan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang pada awal Mei 2015. Liputan pemancaran TV digital adalah daripada tiga stesen pemancar TV di Bukit Besar, Bukit Pelindung dan Bukit Bakar. Sebanyak 5,000 unit set percubaan Peralatan Premis Pelanggan (CPE) terdiri daripada dekoder atau '*set top box*' (STB), Alat Kawalan Jauh (RCU) dan Antena Dalaman Mudah Alih (PI) atau Antena Bumbung Tetap (FRT) telah diagihkan.



Manakala bagi negeri Sabah pula, ujian siaran perkhidmatan TV Digital ini dilaksanakan pada bulan Ogos 2015. Penyampaian 30 set percubaan CPE kepada peserta ujian siaran perkhidmatan TV digital telah disempurnakan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang baharu, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak di Kampung Likas, Kota Kinabalu.

Seminar Label Pengguna

Seminar Label Pengguna untuk peralatan TV digital dan STB telah dianjurkan pada 27 Oktober 2015 dengan kerjasama MCMC, MYTV, SIRIM QAS International dan Malaysian Technical Standards Forum Berhad (MTSFB). Seminar ini bertujuan untuk memperkenal dan menggalakkan pengeluar TV dan peruncit mengguna pakai label pengguna 'DTTV Malaysia'. Label tersebut berfungsi sebagai instrumen pendidikan dan kesedaran untuk memberi jaminan kepada pengguna dalam membuat pembelian peralatan penerima sama ada dekoder STB atau TV Digital Bersepadu (iDTV) perkhidmatan TV digital telah disahkan dan mematuhi standard untuk menikmati siaran TV digital percuma. Peserta yang menghadiri seminar ini terdiri daripada pengeluar TV digital dan pihak penyiar.

Perluasan Ujian Siaran Perkhidmatan TV Digital

Pada awal Disember 2015, dua lagi pemancar TV di Menara KL dan Gunung Ulu Kali telah memulakan pemancaran ujian TV digital bagi kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor. Manakala, tiga lagi pemancar TV di kawasan utara dan Sabah memulakan siaran ujian pada penghujung Disember 2015.

Sehingga akhir 2015, siaran ujian TV digital telah dijalankan di sembilan tapak pemancar TV di seluruh negara. Pelaksanaan sepenuhnya dijangka dapat disiapkan pada suku pertama tahun 2016. Manakala, senarai dan perancangan pemberian subsidi *set top box* kepada isi rumah BR1M serta rangka kerja kempen promosi dan publisiti telah siap disediakan.

PERANCANGAN UNTUK 2016

Kempen kesedaran akan bermula pada awal 2016 melibatkan pelbagai platform media di seluruh negara bagi mendidik rakyat dalam menghadapi proses peralihan kepada siaran TV digital. Sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan secara bersama oleh MCMC, syarikat MYTV serta para penyiar TV percuma (FTA) di bawah kumpulan yang dinamakan sebagai *Broadcasters Alliance* (BA) dalam memastikan kejayaan kempen tersebut.

Seawal suku kedua 2016, rakyat dijangka dapat menikmati perkhidmatan TV digital secara percuma dengan mendapatkan peralatan STB atau iDTV serta antena dalaman atau luaran. Perkhidmatan TV digital percuma dijangka dapat merancakkan sektor pembangunan kandungan dan aplikasi di negara ini memandangkan platform TV digital ini berkeupayaan menyalurkan sehingga 100 lebih saluran TV digital.

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

MCMC sebagai pembangun industri komunikasi dan multimedia turut memberi tumpuan terhadap aspek pemacuan pertumbuhan industri komunikasi hijau bagi mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau sehingga 40% berbanding paras tahun 2005. Ini termasuk mewujudkan platform pengurusan e-sisa mudah alih yang berhemah serta merangsang penerapan teknologi hijau dalam fasiliti ICT.

PENGURUSAN E-SISA

MCMC dengan kerjasama Malaysian Technical Standards Forum Berhad (MTSFB) dan enam syarikat telekomunikasi tempatan iaitu Altel Communications, Celcom, DiGi, Maxis, TM dan U Mobile telah melancarkan satu inisiatif pengurusan e-sisa berasaskan SIM secara selamat dan mesra alam melalui pendekatan '*urban mining*'.

Program 'Mobile e-Waste: Telefon Lama, Kehidupan Baharu' telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani Johari pada 18 Ogos 2015 bertujuan memberi kesedaran terhadap kesan buruk pada kesihatan dan persekitaran akibat pelupusan peranti mudah alih yang tidak terkawal. Pelaksanaan *Mobile e-Waste* berjalan secara berperingkat bermula dengan premis syarikat telekomunikasi dan kini telah mula berkembang ke beberapa pusat pengajian tinggi serta sekolah menengah terutamanya di Lembah Klang. Sebanyak 1 juta e-sisa peranti mudah alih disasarkan dapat dikumpul dalam tempoh setahun selepas program ini dilancarkan di seluruh negara.

Rajah 1: Trend pertumbuhan MyIX pada tahun 2015



ICT HIJAU

MCMC turut memperuntukkan dana sejumlah RM1 juta kepada MTSFB untuk merangsang pembangunan dan penggunaan ICT Hijau dalam infrastruktur serta rangkaian komunikasi. Antara bidang tumpuan utama termasuklah penempatan rangkaian cekap tenaga, reka bentuk struktur rendah karbon dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui. Tahun ini, sebanyak tiga projek hijau sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada awal tahun 2016 iaitu:

i. Penilaian garis dasar ke atas ICT Rendah Karbon dalam fasiliti komunikasi untuk menilai ukuran penggunaan tenaga dan pelepasan karbon ICT;
ii. Pembangunan aplikasi mudah alih dikenali sebagai 'Sahabat Hijau' menggunakan maklumat orang awam bagi melaporkan isu-isu hijau seperti pembakaran terbuka kepada agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya; dan
iii. Bukti Konsep Sistem Grid Luar *(Off-Grid)* Hibrid Sel Bahan Api Hidrogen dan Solar PV sebagai sumber tenaga alternatif di tapak stesen pemancar komunikasi luar bandar yang tidak mempunyai bekalan tenaga elektrik.

EMISI MEDAN ELEKTROMAGNETIK (EMF) DARI INFRASTRUKTUR RADIO KOMUNIKASI

Dua kolaborasi penyelidikan sedang dijalankan bersama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berkenaan kesan jangka pendek pendedahan LTE terhadap kanak-kanak dan kesan LTE terhadap biologikal orang awam. Penyelidikan ini mengambil masa setahun dan dijangka berakhir pada penghujung 2015.

MALAYSIA INTERNET EXCHANGE (MyIX)

MyIX atau *Malaysia Internet Exchange* yang ditubuhkan pada 15 Disember 2006 bertujuan untuk memastikan trafik Internet tempatan kekal dalam negara dengan menggalakkan pertukaran trafik Internet tempatan berlaku dalam negara.

Sepanjang tahun 2015, 95 entiti telah membuat pertukaran trafik di MyIX dan mencatatkan bacaan tertinggi iaitu 109.720 Gbps trafik maksimum pada bulan Disember 2015.

PEMBANGUNAN STANDARD

MCMC bertanggungjawab membangunkan standard atau kod teknik yang meliputi aspek-aspek kesalingbolehkendalian dan keselamatan kemudahan rangkaian melalui Forum Standard Teknik. MCMC turut menjalankan program pemerakuan bagi kelengkapan komunikasi dan kecekapan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000.

PENDAFTARAN KOD TEKNIK

Selaras dengan peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), MCMC telah mendaftarkan Malaysian Technical Standards Forum Berhad (MTSFB) sebagai Forum Industri bermula pada 27 Oktober 2004 untuk membangunkan Kod Industri Sukarela. Pada 2015, MTSFB telah mengemukakan tiga kod teknik untuk didaftarkan dan kesemua dokumen telah diluluskan untuk pendaftaran pada 17 Disember 2015. Sehingga Disember 2015, 36 kod teknik telah berjaya didaftarkan sebagai Kod Industri Sukarela di bawah Seksyen 95 AKM 1998.

Senarai Kod Teknik yang didaftarkan pada 2015:

- MCMC MTSFB TC G003:2015 - *International Mobile Telecommunications – Advanced (IMT- Advanced) System and Specifications*
- MCMC MTSFB TC G004:2015 - *Specification for Green Data Centres*
- MCMC MTSFB TC T012:2015 - *Specification for Land Mobile Radio Equipment, First Revision*

PROGRAM PEMERAKUAN

Setakat 31 Disember 2014, empat organisasi telah dilantik sebagai Agensi Pemerakuan Berdaftar. Untuk tahun 2015, empat organisasi yang sama masih mengekalkan status pendaftaran mereka seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.

PENGAWASAN PASARAN

MCMC telah melantik SIRIM QAS International Sdn Bhd (SQASI) untuk menjalankan program Pengawasan Pasaran bagi kelengkapan komunikasi. Fasa 1 yang dijalankan dari 15 Oktober 2014 hingga 31 Disember 2014 kemudiannya diteruskan pada 1 Januari 2015 sehingga 20 Mac 2015 untuk Fasa 2. Sebanyak 145 sampel telah diperoleh dari seluruh negara yang terdiri dari 17 kategori peralatan komunikasi. Kesemua sampel tersebut telah menjalani penilaian dan ujian yang tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan dalam program pengawasannya (rujuk Rajah 1).

Jadual 1: Senarai Agensi Pemerakuan Berdaftar MCMC

Organisasi	Kategori Pendaftaran	Tarikh Pelantikan
SIRIM QAS International Sdn Bhd (SQASI)	Pemerakuan Kelengkapan Komunikasi	3 September 2003
Akademi Laut Malaysia (ALAM)	Pemerakuan kecekapan dalam bidang kemahiran yang ditetapkan untuk pengendali radio Maritim	3 September 2003
Akademi Teknikal, Telekom Malaysia Berhad (TA,TM)	Pemerakuan kecekapan dalam bidang kemahiran yang ditetapkan untuk selain dari pengendali radio (Pemberi Pengkabelan)	15 Julai 2002
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Pemerakuan kecekapan dalam bidang kemahiran yang ditetapkan untuk pengendali radio Maritim	1 Mac 2011

Jadual 2: Jumlah Pemerakuan yang dikeluarkan pada tahun 2015

Agensi Pemerakuan	Kategori	Jumlah Keluaran	Jumlah
MCMC	a) Pengendali Radio Amatur (Kelas A)	20	**1,408**
	b) Pengendali Radio Amatur (Kelas B)	1,388	
SIRIM QAS International Sdn Bhd (SQASI)	a) Kelengkapan Komunikasi (Telefoni)	303	**4,505**
	b) Kelengkapan Komunikasi (Radio)	4,202	
Akademi Laut Malaysia (ALAM)	a) Perakuan Pengendali Am (GOC)	643	**797**
	b) Perakuan Pengendali Terhad (ROC)	154	
Akademi Teknikal, Telekom Malaysia Berhad (TA,TM)	a) Pemberi Pengkabelan (Pengeluaran Baru)	3,415	**3,415**
JUMLAH			**10,125**

Rajah 1: Statistik Keseluruhan Program Pengawasan Pasaran 2014-2015



Rajah 2: Pelaksanaan Program Pelabelan Kendiri

INISIATIF-INISIATIF BAHARU

Sepanjang tahun 2015, MCMC telah memperkenalkan tiga (3) inisiatif baharu bagi program pembangunan standard iaitu:

i. Program Pelabelan Kendiri;
ii. Kempen Semak Label Anda; dan
iii. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan)(No.4) 2015.

Program Pelabelan Kendiri dilaksanakan pada 1 Jun 2015 bagi memudahkan pelabelan kelengkapan komunikasi yang mempunyai sijil sah oleh pengeluar dan pembekal (rujuk Rajah 2).

Kempen Semak Label Anda pula telah dijalankan melalui hebahan di media cetak, media elektronik dan media sosial untuk memberi kesedaran kepada orang ramai supaya membeli kelengkapan komunikasi yang telah diperakui.

Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan)(No. 4) 2015 mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2015 bertujuan untuk mengawal pengimportan produk hibrid iaitu produk yang fungsi utamanya bukan untuk komunikasi tetapi disepadukan dengan modul komunikasi seperti Wi-Fi, Bluetooth, NFC, GSM, 3G dan 4G untuk disambung kepada rangkaian komunikasi awam atau untuk radio komunikasi menggunakan frekuensi sehingga 420 THz. Produk-produk yang tertakluk kepada pindaan ini ialah kelengkapan elektrik, komputer peribadi, peranti perubatan, peralatan mainan alat kawalan jauh dan peralatan mainan video yang disepadukan dengan modul komunikasi.

PERANCANGAN UNTUK 2016

MCMC dengan kerjasama MTSFB akan memberikan lebih fokus terhadap pembangunan standard dalam bidang baharu pada 2016. Program pemerakuan juga akan terus dipergiat untuk memastikan pematuhan terhadap standard dan tahap kecekapan dilaksanakan seperti yang ditetapkan.

PERANCANGAN DAN PENGUNTUKAN SPEKTRUM

PERANCANGAN SPEKTRUM

Sumber spektrum adalah aset negara yang diuruskan oleh MCMC berdasarkan peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000. Pengurusan spektrum secara umumnya termasuk aktiviti-aktiviti seperti berikut:

i. Peruntukan spektrum yang dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu spektrum, radas dan kelas;
ii. Koordinasi teknikal dengan negara-negara jiran dan antarabangsa;
iii. Koordinasi dua hala di peringkat domestik antara pihak agensi Kerajaan dan MCMC; dan
iv. Peruntukan spektrum dan polisi penggunaan seperti Rancangan Spektrum dan Piawai Pelan Sistem Radio (SRSP).

AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015

Peranan MCMC di dalam pengurusan spektrum melibatkan hal ehwal penyelarasan dengan pentadbiran luar negara dan badan antarabangsa, Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) termasuk penyelarasan untuk sistem satelit ruang angkasa dan sistem terestrial. Aktiviti-aktiviti ini adalah selaras dengan syarat-syarat dalam Peraturan Radio (RR) ITU, di mana ianya merupakan peraturan - peraturan antarabangsa yang menetapkan penggunaan frekuensi di seluruh dunia. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

Koordinasi Sistem Satelit Ruang Angkasa

Sepanjang tahun 2015, proses mengenai koordinasi satelit telah diadakan dengan negara-negara yang berkaitan bagi menangani gangguan frekuensi. Penyelarasan antara negara-negara secara bilateral dilakukan untuk mencapai perjanjian bagi memastikan rangkaian satelit yang berkaitan boleh berkongsi penggunaan frekuensi dan kawasan liputan tanpa menimbulkan gangguan antara satu sama lain.

Sehingga kini, Malaysia mempunyai keutamaan di lebih lima belas (15) kedudukan orbit di mana tiga (3) daripadanya telah dibangunkan dengan satelit komunikasi untuk perkhidmatan jalur lebar dan penyiaran 'terus-ke-rumah' (DTH).

Pendaftaran Nombor Pengenalan Kapal Bergerak Maritim (MMSI)

MMSI adalah satu nombor yang terdiri daripada sembilan angka dengan maksudnya yang tersendiri bagi mengenal pasti secara unik setiap kapal dalam perkhidmatan bergerak maritim. Nombor pada tiga angka yang pertama atau lebih dikenali sebagai *Maritime Identification Digits* (MID) adalah untuk mengenal pasti negara pengeluar lesen kapal berkenaan.

ITU telah memperuntukkan Malaysia dengan MID 533, diikuti oleh enam angka berikutnya untuk mengenal pasti identiti kapal berkenaan. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 1,584 nombor MMSI bagi stesen kapal telah didaftarkan ke ITU.

Persidangan Radio Komunikasi Sedunia 2015

Persidangan Radio Komunikasi Sedunia 2015 (WRC 2015) telah berlangsung pada 2 hingga 27 November 2015 di Geneva, Switzerland. Pada persidangan ini, Malaysia telah diwakili oleh Kementerian Kommunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), MCMC, Jabatan Penerbangan Awam, Makmal Metrologi Kebangsaan (NML-SIRIM) dan pemegang lesen daripada sektor komunikasi dan multimedia yang terlibat.

MCMC bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan pandangan dan pendirian Malaysia terhadap setiap agenda WRC yang telah dikenal pasti. Antara keputusan WRC 2015 ialah peruntukan jalur frekuensi bagi kegunaan pengesanan penerbangan secara global *(Global Flight Tracking)*. Ini adalah inisiatif yang telah diambil berikutan kehilangan pesawat Malaysia, MH370.

Koordinasi Teknikal Antara Sempadan Negara

Koordinasi teknikal di kawasan sempadan negara adalah penting untuk memastikan penggunaan frekuensi yang lebih cekap dan mengatasi masalah gangguan. Koordinasi ini dikendalikan mengikut spesifikasi dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di peringkat domestik dan juga antarabangsa.

Terdapat empat (4) platform koordinasi yang ditubuhkan iaitu:

i. Koordinasi Peruntukan dan Penguntukan Frekuensi antara Singapura, Malaysia, Agensi Pertahanan dan Brunei (FACSMAB);
ii. Jawatankuasa Teknikal Bersama antara Malaysia-Thailand (JTC);
iii. Jawatankuasa Bersama Terhadap Komunikasi antara Malaysia-Indonesia (JCC); dan
iv. Mesyuarat Koordinasi Tiga Hala antara Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Antara aktiviti-aktiviti utama yang dibincangkan oleh jawatankuasa di atas adalah berkaitan dengan penentuan jarak zon koordinasi yang terlibat, penyelarasan perancangan radio spektrum, pendaftaran penggunaan frekuensi di kawasan sempadan dan penyelesaian gangguan frekuensi di kawasan tersebut.

Pada masa yang sama, pendaftaran penggunaan frekuensi radio kepada ITU juga dilaksanakan bagi melindungi penggunaan frekuensi di Malaysia terutamanya di kawasan sempadan antarabangsa.

PIAWAI PELAN SISTEM RADIO (SRSP)

Spesifikasi teknikal serta batasan teknikal bagi penggunaan jalur frekuensi tertentu untuk sistem atau perkhidmatan tanpa wayar dijelaskan dalam dokumen Piawai Pelan Sistem Radio (SRSP). Perkara-perkara berkaitan piawaian sistem radio telah dibincangkan untuk menghasilkan dokumen SRSP melalui penubuhan beberapa kumpulan kerja yang dianggotai oleh MCMC, agensi-agensi kerajaan berkaitan komunikasi dan multimedia, badan penyiaran, persatuan pengguna sistem radio dan juga institusi pengajian tinggi,. Dokumen-dokumen ini akan dikaji dan disemak untuk memastikan keperluan penggunaan jalur frekuensi semasa dapat ditepati.

Pada tahun 2015, MCMC telah menerbitkan sebanyak dua dokumen SRSP bagi penggunaan sistem telekomunikasi mudah alih dan perkhidmatan tetap. Jalur frekuensi yang terlibat dalam dokumen SRSP tersebut adalah seperti berikut:

i. SRSP 504 yang mengandungi keperluan untuk penggunaan sistem selular mudah alih dan Sistem "*International Mobile Telecommunications*" (IMT) yang beroperasi dalam jalur frekuensi 824MHz hingga 834MHz berpasangan dengan 869MHz hingga 879MHz dan jalur frekuensi 880MHz hingga 915MHz berpasangan dengan 925MHz hingga 960MHz; dan
ii. MCMC SRSP FS 12.75 yang mengandungi keperluan untuk Perkhidmatan Tetap Tanpa Wayar yang beroperasi dalam jalur frekuensi 12.75GHz hingga 13.25GHz bagi menggantikan dokumen SRSP 525.

Manakala, dokumen SRSP 518 yang mengandungi keperluan untuk Perkhidmatan Tetap "*Line of Sight Radio-Relay System*" yang beroperasi dalam jalur frekuensi 10.70GHz hingga 11.70GHz telah dibatalkan berkuat kuasa mulai 29 Oktober 2015.

PENGUNTUKAN KELAS

Spesifikasi teknikal bagi penggunaan spektrum tertentu untuk sistem atau peralatan tanpa wayar melalui penguntukan kelas dijelaskan di dalam dokumen *'Class Assignment'*. Dokumen ini juga dikaji dan disemak untuk memastikan keperluan penggunaan spektrum mengikut perkembangan industri global dan domestik.

Pada tahun 2015, MCMC telah menerbitkan tiga versi *'Class Assignment'* iaitu Class Assignment No.1, No.2 dan No. 3.

PENGGUNAAN FREKUENSI UNTUK SISTEM PESAWAT TANPA PEMANDU

Pada 2 Disember 2015, MCMC telah menerbitkan notis awam yang mengandungi syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi oleh sistem pesawat tanpa pemandu (UAS) seperti dalam Jadual 1.

PENGUNTUKAN SPEKTRUM DAN RADAS

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bertanggungjawab mengeluarkan penguntukan yang memberi kebenaran untuk menggunakan frekuensi radio. Ianya merangkumi penggunaan frekuensi radio di bawah kategori Penguntukan Spektrum (SA) dan Penguntukan Radas (AA).

Sepanjang 2015, sebanyak 21,426 stesen pangkalan bagi SA IMT2000 telah dipasang dan sejumlah 144,321 permohonan AA telah diproses merangkumi permohonan baharu dan permohonan pembaharuan. MCMC juga telah mengutip fi berjumlah RM563,638,308.00 bagi penguntukan spektrum dan penguntukan radas yang diberi. Perincian mengenai aktiviti di atas ditunjukkan di dalam jadual-jadual di bawah.

Jadual 1: Parameter Teknikal bagi Sistem Pesawat Tanpa Pemandu

Frekuensi Radio	Had Maksimum *Equivalent Isotropically Radiated Power (EIRP)*
433.00 MHz – 435.00 MHz	100 mW
2400.00 MHz – 2500.00 MHz	500 mW
5725.00 MHz – 5875.00 MHz	1 W

Jadual 2: Jumlah stesen pangkalan yang dipasang oleh pengendali telekomunikasi

Wilayah	Pengendali				Jumlah
	Celcom	UMTS	U Mobile	DIGI	
Tengah	1,917	1,922	1,780	2,238	7,857
Utara	873	905	916	1,141	3,835
Selatan	857	895	914	1,027	3,693
Timur	763	746	549	759	2,817
Sarawak	545	324	180	521	1,570
Sabah	448	405	146	655	1,654
JUMLAH	**5,403**	**5,197**	**4,485**	**6,341**	**21,426**

Jadual 4: Jumlah kutipan keseluruhan fi SA IMT2000 dan AA bagi tahun 2015

Kategori FI	Jumlah Kutipan FI (RM)
Penguntukan Spektrum (SA)	212,388,080.00
Penguntukan Radas (AA)	351,250,228.00
JUMLAH	**563,638,308.00**

MCMC juga bertanggungjawab untuk melakukan pemantauan terhadap pengendali telekomunikasi bagi memastikan setiap peralatan radiokomunikasi mempunyai AA yang sah dan mematuhi peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000. Sebanyak 34 pemeriksaan, pengesahan pematuhan dan pemancaran percubaan AA telah dijalankan sepanjang tahun 2015 di seluruh Malaysia melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

i. Pemeriksaan tapak secara bersepadu;
ii. Pemeriksaan AA milik agensi atau jabatan kerajaan;
iii. Pengesahan pemancaran percubaan perkhidmatan WCDMA900 menggunakan jalur P-GSM;
iv. Pengesahan pemancaran percubaan Aoptix Intellimax MB2000;
v. Pengesahan pemancaran percubaan perkhidmatan radio FM; dan
vi. Pengesahan pemancaran percubaan perkhidmatan penyiaran Televisyen Terestrial Digital (DTT).

Migrasi Sistem Pengurusan Spektrum (SpMS)

Perkembangan semasa projek Migrasi Sistem Pengurusan Spektrum (SpMS) pada tahun 2015 bermula dengan memuktamadkan dokumen reka bentuk dan spesifikasi sistem untuk fasa pertama, kedua dan ketiga.

Penyediaan infrastruktur peralatan dan perkakasan telah dijalankan oleh pembekal tempatan pada bulan Julai 2015. Seterusnya, konfigurasi perisian sedia ada telah dilakukan oleh pembekal LS telcom AG pada Ogos 2015.

Pemetaan data dan migrasi pangkalan data sedia ada ke pangkalan data baharu bagi data untuk Fasa 1 telah dijalankan untuk kali pertama pada bulan Ogos 2015. Proses pemeriksaan dan pengesahan pemetaan data ini masih diteruskan bagi memastikan tiada ketirisan data berlaku. Projek ini akan menjalani pembangunan selanjutnya untuk Fasa 1 dan 2 berlandaskan reka bentuk dan spesifikasi mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Jadual 3: Jumlah permohonan AA mengikut jenis perkhidmatan

Jenis Perkhidmatan	Pemohanan Baharu	Pembaharuan	Jumlah
Stesen Gelombang Mikro	7,830	55,354	63,184
Stesen Pangkalan Radio Selular	4,056	36,705	40,761
Stesen Darat Tetap	7,246	12,927	20,173
Stesen Bumi	802	6,599	7,401
Stesen Amatur	2,192	2,746	4,938
Stesen Bergerak Darat	1,628	3,380	5,008
Stesen Kapal	220	788	1,008
Stesen Pemancar Penyiaran	130	819	949
Stesen Pesawat Udara	153	348	501
Stesen Perkhidmatan Penerbangan	66	327	393
Stesen Angkasa Lepas	1	4	5
JUMLAH	**24,324**	**119,997**	**144,321**

KOORDINASI ANTARABANGSA

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Aktiviti-aktiviti antarabangsa MCMC telah dilaksanakan dengan merujuk kepada Dasar Luar Negara Malaysia dan berpandukan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 khususnya Matlamat Dasar Kebangsaan iaitu bagi membantu transformasi Malaysia ke arah hab industri global.

Pada masa yang sama, MCMC turut memupuk jalinan kerjasama dengan pelbagai organisasi antarabangsa seperti yang termaktub dalam Arahan Menteri di bawah Seksyen 269 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

PENGANJURAN ACARA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Kerjasama erat antara MCMC dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) membuka ruang kepada MCMC sebagai badan pengawal selia industri komunikasi dan multimedia untuk menganjurkan acara-acara penting di peringkat antarabangsa bagi mempromosikan kepentingan Malaysia dalam pembangunan industri komunikasi dan multimedia serta mengekalkan visibiliti Malaysia di arena antarabangsa.

Tahun 2015 menyaksikan MCMC aktif menganjurkan acara antarabangsa di peringkat ASEAN, Asia Pasifik dan Asia.

KL Converge! 2015

Penganjuran tahun kedua program KL Converge! ini telah berlangsung selama tiga hari mulai 27 - 29 Ogos 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Upacara perasmian KL Converge! 2015 yang bertemakan '*Convergence and Digital Inclusion*' telah disempurnakan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

KL Converge! 2015 telah menarik penyertaan sembilan buah negara anggota ASEAN dan empat negara rakan dialog iaitu China, India, Korea dan Jepun. Seramai tujuh orang wakil menteri yang bertanggungjawab dalam bidang komunikasi dan industri kandungan kreatif dari negara-negara berkenaan telah hadir dan turut serta dalam program-program KL Converge! 2015. Turut hadir adalah Setiausaha Agung Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang tiga hari penganjuran KL Converge! 2015 seperti pameran industri komunikasi dan industri kandungan kreatif, ekspo TV dan persidangan, bengkel perfileman, teater digital, pertandingan muzik dan video pendek dan sesi pemadanan perniagaan industri kandungan kreatif.

Salah satu program sampingan yang dianjurkan untuk para ketua delegasi adalah program lawatan ke Pusat Komuniti Pintar Kemaman *(Kemaman Smart Community)* di Kemaman, Terengganu. Program ini juga turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan negara yang terlibat dan ketua-ketua syarikat telekomunikasi serta penggiat industri kandungan tempatan. Peserta diberikan pendedahan mengenai inisiatif kerajaan Malaysia dalam usaha membangunkan infrastruktur dan kemudahan berkaitan telekomunikasi serta usaha-usaha ke arah mendidik masyarakat luar bandar supaya bijak menggunakan telekomunikasi dan ICT serta memanfaatkannya dalam kehidupan seharian. Seramai lebih 50 peniaga dalam talian telah mengambil bahagian dalam Karnival Komuniti Pintar Kemaman yang diadakan selama sehari pada 28 Ogos 2015 bersempena dengan program KL Converge! 2015.

Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan Informasi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik Ke-10 (APEC TELMIN 10)

Kerajaan Malaysia menerusi KKMM dan MCMC yang merupakan negara ekonomi yang mempengerusikan APEC TEL bagi tahun 2015 telah menganjurkan Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan Informasi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik Ke-10 *(10th APEC Telecommunications and Information Ministerial Meeting)* yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 26 - 31 Mac 2015. Seramai 141 perwakilan dari 19 ekonomi APEC kecuali Kanada dan Chile telah menghadiri APEC TELMIN 10. Turut hadir bersama adalah Pengarah Eksekutif Sekretariat APEC dan wakil dari Pusat Rangkaian Maklumat Asia Pasifik (APNIC).

Mesyuarat APEC TELMIN 10 ini telah dirasmi dan dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang mana beliau menekankan tentang peranan penting infrastruktur dan perkhidmatan ICT dalam memudah cara dan mempercepatkan pelaksanaan pelbagai aktiviti ekonomi di rantau ini. Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai keperluan perundangan yang sesuai, keselamatan infrastruktur dan rangkaian ICT serta budaya inovasi yang dinamik bagi membolehkan ICT menyumbang kepada pertumbuhan sosio ekonomi Asia Pasifik.

Perbincangan Mesyuarat APEC TELMIN 10 ini telah merangkumi perkara-perkara berikut:

i. Pelaporan pencapaian aktiviti APEC TEL selepas TELMIN 9;
ii. Kenyataan oleh menteri atau wakil menteri mengenai tema mesyuarat iaitu *'The Future of APEC TEL'*;
iii. Dialog dengan wakil industri dan ahli akademik berhubung visi dan masa depan APEC TEL;
iv. Pembentangan Pelan Tindakan Strategik APEC TEL 2016- 2020 oleh wakil APEC TELSOM dan APEC TEL; dan
v. Perakuan dan penerimaan Pelan Tindakan Strategik APEC TEL 2016- 2020.

01

01 Menteri-Menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik bagi Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat yang hadir ke Mesyuarat Ke-10 APEC TELMIN

02

Mesyuarat Majlis Pengawal Selia Telekomunikasi ASEAN (ATRC) ke-21 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan

Mesyuarat tahunan ATRC dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan diadakan pada setiap tahun dan dihoskan secara bergilir oleh negara anggota ASEAN. Mesyuarat ATRC ke-21 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang dihoskan oleh Malaysia telah berlangsung pada 27-28 Oktober 2015 di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur. Pengerusi MCMC, Dato' Sri Dr. Halim Shafie telah dilantik mewakili Malaysia untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan pengurusan tertinggi kementerian dan badan kawal selia yang bertanggungjawab dalam bidang telekomunikasi dari 10 negara anggota ASEAN selain negara-negara rakan dialog ASEAN iaitu China dan Jepun. Mesyuarat ini telah berjaya memuktamadkan draf Pelan Induk ICT ASEAN 2020 (AIM2020). Malaysia akan memegang jawatan pengerusi ATRC selama setahun sehinggalah kepengerusian tersebut berakhir pada tahun 2016 dan diserahkan kepada Myanmar.

Mesyuarat Meja Bulat Pengawal Selia Asia Pasifik Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa Ke-5 (5th ITU AP-RR), Forum Pengawal Selia Telekomunikasi/ICT dan Kewangan Rantau Asia Pasifik Mengenai Rangkuman Kewangan Digital (ITU AP DFI) dan Program Latihan Antarabangsa Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa 2015 (ITU ITP 2015)

Malaysia merupakan anggota Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) yang aktif melibatkan diri dalam mesyuarat, perbincangan dan bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh ITU dan merupakan ahli majlis ITU bagi sesi 2010 – 2014 yang mewakili negara-negara dalam Wilayah E (Asia dan Australia).

Mesyuarat 5th ITU AP-RR, ITU AP DFI dan ITU ITP 2015 telah dihoskan oleh Malaysia dan telah berlangsung pada 24 - 28 Ogos 2015 di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur. Mesyuarat melibatkan penyertaan seramai 50-80 peserta bagi setiap program dan dihadiri oleh pakar-pakar industri komunikasi dan multimedia dan kewangan serta wakil-wakil dari negara-negara anggota ITU.

Sepanjang ketiga-tiga acara ini berlangsung, pelbagai isu berkaitan industri komunikasi dan multimedia meliputi aspek pengawalseliaan, akses kewangan dan ekonomi digital dibincangkan melalui perkongsian pengalaman, pembentangan idea dan sesi interaktif bersama peserta dan panel jemputan.

03

02 Pengerusi MCMC, Dato' Sri Dr. Halim Shafie mempengerusikan Mesyuarat ATRC ke-21 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang telah berlangsung di Kuala Lumpur

03 Peserta dan panel jemputan Mesyuarat ITU AP-RR ke-5 yang telah diadakan pada 24 - 25 Ogos 2015 di Kuala Lumpur

PENGLIBATAN MCMC DI PERINGKAT ANTARABANGSA

MCMC sebagai badan kawal selia bagi industri komunikasi dan multimedia di Malaysia telah memainkan peranan penting melalui penglibatan dan penyertaan dalam aktiviti antarabangsa terutamanya di dalam mesyuarat-mesyuarat pembangunan dasar, kerjasama dua hala atau pelbagai hala, forum dan persidangan meja bulat. Ini dapat memacu profil negara di persada antarabangsa di samping mewujudkan hubungan kerjasama yang erat demi memastikan dasar-dasar negara berkaitan bidang komunikasi, teknologi maklumat dan multimedia dilaksanakan dengan efisien dan efektif.

Usaha-usaha MCMC juga telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa di mana pegawai-pegawai MCMC diberi penghormatan menjawat jawatan penting di dalam kumpulan kerja organisasi besar seperti APEC, ASEAN, Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), Kesatuan Pos Sedunia (UPU) dan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO), Telekomuniti Asia Pasific (APT) membabitkan kerjasama ekonomi di peringkat serantau seperti ASEAN, Asia dan Asia Pasifik.

Antara acara, mesyuarat, forum dan persidangan yang menjadi tumpuan penglibatan MCMC pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

Kongres Sedunia Mengenai Teknologi Komunikasi Mudah Alih (GSMA)

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan disertai oleh beberapa orang pegawai kanan MCMC telah mengadakan lawatan kerja ke Barcelona untuk menghadiri Persidangan Peringkat Menteri Kongres Sedunia Mengenai Teknologi Komunikasi Mudah Alih (GSMA) yang diadakan pada 2 – 5 Mac 2015.

Persidangan GSMA pada kali ini menyaksikan penyertaan 93,000 profesional industri mudah alih daripada 200 buah negara manakala persidangan peringkat menteri pula dihadiri oleh seramai 350 pegawai-pegawai kerajaan dan badan kawal selia dari 131 buah negara.

Persidangan peringkat menteri di Persidangan GSMA pada kali ini lebih tertumpu kepada isu-isu yang terkini dan cabaran semasa yang relevan kepada sektor perkhidmatan mudah alih. Antara isu yang diberikan tumpuan dan perbincangannya relevan kepada Malaysia ialah:

i. Isu penetapan dan peruntukan jalur spektrum untuk perkhidmatan mudah alih;
ii. Inovasi teknologi terkini yang ditawarkan dalam perkhidmatan mudah alih;
iii. Ekosistem *Internet of Things* (IOT) yang menjadi pemangkin kepada gaya hidup digital melalui pembangunan inovasi;
iv. Isu berkaitan pembangunan dan perkembangan aplikasi mudah alih; dan
v. Masa depan industri mudah alih dan peranan penggerak polisi serta pengawal selia dalam usaha memacu pembangunan industri berkenaan.

Pada keseluruhannya, Persidangan GSMA tahun ini telah membuka ruang dan peluang untuk Malaysia mengetengahkan dan memberikan tumpuan kepada isu berkaitan keperluan spektrum terutamanya peruntukan jalur spektrum 700Mhz untuk kegunaan perkhidmatan mudah alih.

04

04 Puan Nur Sulyna Abdullah, Ketua Pegawai Strategi Korporat MCMC mempengerusikan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APEC TEL semasa APEC TELMIN 10 di Kuala Lumpur

Kumpulan Kerja Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik bagi Telekomunikasi dan Informasi (APEC TEL)

Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik bagi Telekomunikasi dan Informasi (APEC TEL) yang ditubuhkan pada tahun 1990 merupakan salah satu kumpulan kerja di bawah forum APEC yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di rantau Asia Pasifik dengan membangunkan dan melaksanakan dasar ICT yang bersesuaian termasuk bidang sumber manusia dan pembangunan strategi secara usaha sama. Ianya bersidang dua kali dalam setahun.

APEC TEL melaksanakan programnya melalui tiga (3) Jawatankuasa Pemandu iaitu Kumpulan Pemandu Liberalisasi (LSG), Kumpulan Pemandu Pembangunan ICT (DSG) dan Kumpulan Pemandu Keselamatan dan Kemakmuran (SPSG). Manakala Pasukan Petugas Khas Pengiktirafan Bersama (MRATF) di bawah LSG telah diwujudkan untuk melaksanakan *Mutual Recognition Arrangement* ke atas penyesuaian penilaian peralatan telekomunikasi.

Fungsi Jawatankuasa Pemandu dan Pasukan Petugas Khas ini adalah untuk mencadangkan dan melaksanakan projek-projek keutamaan yang telah ditetapkan oleh Pemimpin Negara dan Menteri ICT di rantau Asia Pasifik Penglibatan Malaysia dalam APEC TEL sangat prominen dan Malaysia sebelum ini telah diberikan kepercayaan untuk menjadi Pengerusi APEC TEL bagi tempoh dua tahun iaitu bermula dari bulan April 2013 hingga April 2015. Puan Nur Sulyna Abdullah, Ketua Sektor Strategi Korporat MCMC mewakili Malaysia telah menerajui kumpulan kerja tersebut sebagai pengerusi dan memimpin keputusan-keputusan penting bagi menetapkan hala tuju APEC TEL dan merangka Pelan Tindakan Strategik APEC TEL 2016-2020. Pelan Tindakan Strategik 2016-2020 ini kemudiannya dibentang dan dibincangkan dan seterusnya diluluskan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Telekomunikasi dan Informasi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ke-10 (APEC TELMIN 10) yang dianjurkan oleh MCMC dan KKMM pada 26 – 31 Mac 2015 di Kuala Lumpur.

Mesyuarat Kali Pertama Kumpulan Pemandu Ad Hoc bagi Ekonomi Internet APEC (AHSGIE 1)

Setelah melepaskan jawatan sebagai pengerusi APEC TEL, Malaysia sekali lagi diberikan penghormatan untuk mempengerusikan satu kumpulan kerja APEC TEL. Malaysia telah diberikan kepercayaan oleh Pegawai-pegawai Kanan APEC TEL (SOM) untuk mempengerusikan Kumpulan Pemandu Ad Hoc bagi Ekonomi Internet APEC (AHSGIE). Puan Nur Sulyna Abdullah, Ketua Pegawai Strategi Korporat MCMC mewakili Malaysia telah dilantik dan dipersetujui sebulat suara oleh Ekonomi APEC pada 28 Julai 2015 untuk menerajui AHSGIE.

Penubuhan AHSGIE bertujuan sebagai platform bagi Ekonomi APEC berbincang dan memutuskan isu-isu yang timbul berkaitan Ekonomi Internet. Kumpulan Kerja ini akan diberikan mandat selama 2 tahun untuk melaksanakan fungsinya dan tempoh berkenaan boleh diperbaharui selepas itu atas persetujuan oleh Pegawai-pegawai Kanan APEC (APEC TELSOM).

Mesyuarat kali pertama AHSGIE telah diadakan di Cebu, Filipina pada 2 September 2015 dan dihadiri oleh wakil-wakil daripada 16 Ekonomi APEC dan wakil dari Kumpulan Kerja TEL. Dalam pertemuan berkenaan, AHSGIE telah menjadi platform untuk bertukar-tukar pandangan dan idea serta mencapai persetujuan terhadap lima prinsip berikut untuk membimbing kerja-kerja kumpulan dalam 2 tahun akan datang:

i. Mengelakkan pertindihan kerja yang sedia ada dalam aliran kerja pelbagai dalam APEC;
ii. Mengkaji, menganalisis dan mengambil-laksana kerja yang sedia ada dalam aliran kerja pelbagai dalam APEC;
iii. Mengenal pasti jurang dalam kerja-kerja yang sedia ada;
iv. Memberi nilai tambah kerja sedia ada; dan
v. Menangani isu-isu 'sukar', termasuk isu-isu kawal selia yang tidak boleh dilakukan dalam arus kerja yang sedia ada.

Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan Informasi ASEAN (ASEAN TELMIN) Ke-15

Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan Informasi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN TELMIN) merupakan platform penting bagi negara anggota ASEAN. Mesyuarat ini merupakan wadah untuk menteri-menteri bertanggungjawab dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membincang dan menyuarakan pendapat serta pendirian negara masing-masing tentang hal berkaitan pembangunan ICT di rantau ASEAN.

Mesyuarat ASEAN TELMIN kali ke-15 telah diadakan pada 23- 27 November 2015 di Da Nang, Viet Nam. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Duta Besar Malaysia ke Viet Nam, Dato' Azmil Mohd Zabidi yang mewakili Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia ke mesyuarat tersebut. Pelan Induk ICT 2020 (AIM 2020) yang merupakan wadah penting untuk ASEAN TELMIN untuk membincang, merancang dan mencorakkan hala tuju kerjasama ICT di rantau ini juga telah dilancarkan secara rasmi dalam mesyuarat ini.

Visi AIM 2020 adalah untuk memberi tumpuan kepada pembangunan ICT di rantau ASEAN dan akan berusaha untuk mencapai matlamat pendigitalan ASEAN secara menyeluruh. Ia juga turut bertujuan untuk memastikan ekosistem ICT selamat dan terjamin serta digunakan secara mampan dan lestari di rantau ASEAN. AIM 2020 merangkumi 8 teras strategik utama yang akan menjadi pemacu dan penggerak utama pelan strategik ICT ASEAN menjelang tahun 2020 dan menjadi rujukan penting untuk menyokong kemajuan dan pembangunan Komuniti ASEAN iaitu:

i. Pembangunan Ekonomi dan Transformasi;
ii. Integrasi Masyarakat dan Pemerkasaan melalui ICT;
iii. Inovasi;
iv. Pembangunan Infrastruktur ICT;
v. Pembangunan Modal Insan;
vi. ICT dalam Pasaran Tunggal ASEAN;
vii. Media Baharu dan Kandungan; dan
viii. Keselamatan dan Jaminan Maklumat.

CommunicAsia 2015

Pada tahun ini sekali lagi Malaysia mengambil bahagian dalam CommunicAsia di Singapura. Acara ini merupakan platform pameran mengenai teknologi ICT, peralatan telekomunikasi dan inovasi daripada syarikat-syarikat telekomunikasi dan ICT dari seluruh dunia khasnya daripada rantau Asia. MCMC sebagaimana tahun-tahun sebelumnya sekali lagi diberikan kepercayaan untuk menjadi teraju utama Astaka Malaysia di CommunicAsia 2015.

Sebanyak 11 agensi dan syarikat telekomunikasi Malaysia telah mengambil bahagian mempamerkan produk mereka di Pavilion Malaysia sempena CommunicAsia 2015. Di antara lain yang mengambil bahagian adalah MCMC, TM, Celcom, Maxis, DiGi, MEASAT, RedTone, TIME dotCom, U Mobile, Altel dan Premium Radius Sdn Bhd.

Majlis perasmian Pavilion Malaysia telah disempurnakan oleh Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada 2 Jun 2015 sejurus selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Komunikasi dan Informasi Singapura.

Hadir sama semasa Majlis Perasmian Pavilion Malaysia ialah Setiausaha Agung ITU, Menteri-menteri komunikasi daripada Singapura, Brunei Darussalam dan Republik Indonesia serta pegawai-pegawai kanan ASEAN yang bertanggungjawab dalam bidang telekomunikasi dan ICT.

Secara keseluruhannya, MCMC telah menyertai 197 mesyuarat dan aktiviti antarabangsa, selain menerima beberapa lawatan kerja dan lawatan akademik daripada beberapa delegasi luar negara sepanjang tahun 2015.

KAWAL SELIA

PEMBANGUNAN DASAR

MCMC bertanggungjawab untuk memastikan dasar yang memandu industri komunikasi dan multimedia kekal relevan dan dikemas kini seiring dengan trend global. Selaras dengan fungsi dan peranan MCMC sebagai badan kawal selia industri komunikasi dan multimedia di Malaysia, beberapa inisiatif kajian semula telah dimulakan MCMC pada tahun 2014.

MENANGANI ISU PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

Antara langkah awal yang diambil termasuklah mengadakan sesi perundingan awam dengan pemain industri serta pihak-pihak berkepentingan yang lain bagi mengenal pasti isu-isu serta kelompangan kawal selia. Ini termasuklah isu panggilan terputus serta perkhidmatan kandungan mudah alih dan kod ringkas pesanan teks. MCMC juga turut terlibat secara aktif dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) terutamanya dalam perkara yang menyentuh isu infrastruktur komunikasi dan perkhidmatan jalur lebar di Malaysia.

Lanjutan daripada sesi rundingan awal yang telah diambil MCMC pada tahun 2014, MCMC telah mengenal pasti keperluan untuk menyemak semula standard mutu perkhidmatan sedia ada bagi perkhidmatan selular awam. Standard baharu ini telah ditetapkan melalui Standard Mandatori bagi Mutu Perkhidmatan Selular Awam yang telah dikeluarkan pada 1 Julai 2015 dan akan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2016.

Dasar sedia ada yang menggalakkan penggunaan spektrum secara optimum bagi perkhidmatan tertentu telah menyumbang kepada peningkatan jumlah pemberi perkhidmatan Rangkaian Maya Mudah Alih (MVNO) di Malaysia. Sehingga suku keempat tahun 2015, jumlah MVNO meningkat dua kali ganda dari tahun 2013. Dengan peningkatan ini, MCMC merasakan keperluan untuk mewujudkan suatu rangka kerja kawal selia baharu yang berfungsi untuk memastikan kepentingan dan hak pengguna perkhidmatan MVN dilindungi.

Hasil daripada kajian dan sesi rundingan ini, satu Standard Mandatori yang merangkumi antara lain, tanggungjawab minimum MVNO telah dikeluarkan pada 13 Oktober 2015 dan akan berkuatkuasa pada 15 Januari 2016.

PENAMBAHBAIKAN AKTA-AKTA BERKAITAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Tahun 2015 turut menyaksikan kajian semula terbesar dilakukan MCMC terhadap dua akta utama di bawah bidang kuasa MCMC iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM 1998).

Sejak penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan penguatkuasaan kedua-dua AKM dan ASKMM pada tahun 1998, tiada semakan semula yang holistik dilakukan ke atas kedua-dua rangka kerja perundangan ini.

Beberapa siri perundingan telah dilaksanakan MCMC bermula dari April 2015 sehingga Oktober 2015 bersama 300 pihak berkepentingan bagi membolehkan rangka kerja kemas kini yang komprehensif dibangunkan dengan mengambil kira semua aspek.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, beberapa teras dasar yang telah dikenal pasti oleh pihak MCMC dengan mengambil kira evolusi industri komunikasi dan multimedia, pindaan holistik ke atas AKM 1998 dan ASKMM 1998 telah dicadangkan untuk:

i. Menambah baik rangka kerja kawal selia sedia serta struktur tadbir urus MCMC sedia ada secara keseluruhan;
ii. Memudah cara penyediaan infrastruktur komunikasi masa hadapan bagi menyokong penyediaan perkhidmatan digital; dan
iii. Meningkatkan keselamatan rangkaian serta memastikan penggunaan ruang siber secara berhemah.

Proses penambahbaikan AKM 1998 dan ASKMM 1998 dijangka akan dibentangkan di Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas pada bulan Mac 2016 untuk kelulusan.

PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 2020

Teras dasar yang telah dikenal pasti berikutan kajian semula AKM dan ASKMM turut menjadi titik tolak kepada pembangunan Pelan Tindakan Komunikasi dan Multimedia 2020. Beberapa sesi rundingan dalam bentuk kumpulan khusus bersama pemain industri dan pihak berkepentingan yang lain telah diadakan sepanjang tempoh pembangunan Pelan Tindakan Komunikasi dan Multimedia 2020 ini.

Pembangunan Pelan Tindakan ini turut mengambil kira sasaran yang ditetapkan di bawah pelan kebangsaan termasuklah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) serta ASEAN ICT Masterplan 2020. Pelan ini dijangka akan dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2016 dan akan diterbitkan untuk rujukan semua pihak.

Pelan Tindakan Komunikasi dan Multimedia 2020 yang telah dimuktamadkan akan menentukan hala tuju industri komunikasi dan multimedia untuk tempoh 5 tahun akan datang. Pelan Tindakan tersebut mengambil kira kepentingan untuk mengutamakan pengguna, merapatkan jurang dalam aspek perkhidmatan digital serta memastikan negara mencapai tahap Negara Ekonomi Digital pada tahun 2020 kelak.

AKTA TANDATANGAN DIGITAL

Malaysia adalah negara peneraju bidang Prasarana Kekunci Awam (PKA) di rantau ASEAN yang juga merupakan negara perintis di rantau ASEAN yang menggubal Akta Tandatangan Digital 1997 selari dengan dasar pembangunan siber negara. Penggunaan PKA yang meluas dalam aplikasi digital sektor awam dan swasta dengan pengeluaran sijil digital melebihi 7.2 juta di Malaysia dan menjadi negara pertama di rantau ASEANdi mana kesemua Pihak Berkuasa Pemerakuan (PBP) mendapat pengiktirafan antarabangsa Webtrust.

MCMC telah dilantik sebagai Pengawal kepada persijilan pihak berkuasa pada 1 November 2011 dan merupakan sebuah badan yang berfungsi terutamanya untuk mengawasi dan menyelia aktiviti PBP di bawah Akta Tandatangan Digital 1997. MCMC bertanggungjawab ke atas hal-hal pentadbiran, pelesenan, penguatkuasaan, perjalanan dan pelaksanaan peruntukan kepada pihak berkuasa pemerakuan seperti yang dianugerahkan di bawah akta berkenaan.

Peranan MCMC untuk membangunkan Prasarana Kekunci Awam (PKA) negara juga perlu terus dipergiat bagi membina kejayaan yang lebih besar dalam mewujudkan ekosistem digital yang boleh dipercayai bagi kerajaan, perniagaan dan masyarakat. Bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keyakinan pengguna di alam maya atau dalam talian, PKA yang dipantau oleh MCMC dapat membantu pengguna runcit dan organisasi untuk mengelakkan kecurian identiti dan lain-lain insiden penipuan atas talian.

Persidangan Prasarana Kekunci Awam (PKA) Asia 2015

Persidangan PKA Asia yang diadakan pada 9-10 Jun 2015 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur merupakan persidangan pertama kali dianjurkan di Asia. Ia juga bersempena pemilihan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN yang juga relevan dengan peranan MCMC sebagai pengawal PKA negara di bawah Akta Tandatangan Digital 1997.

Persidangan ini telah memberi manfaat dari segi memperkukuhkan kedudukan MCMC dalam mewujudkan infrastruktur digital yang boleh dipercayai dan selari dengan itu dapat membangunkan kapasiti PKA di Malaysia. Persidangan ini juga mengukuhkan lagi rangkaian jalinan kerjasama serantau dalam bidang PKA terutamanya dalam aspek standard dan kesalingfungsian antara negara serantau Asia.

Persidangan PKA Asia telah melibatkan penyertaan seramai 200 orang dari kalangan pihak pengawal selia PKA, Pihak Berkuasa Pemerakuan, pakar-pakar kriptografi, pembekal PKA (e-kerajaan, e-perbankan dan e-dagang), pakar integrasi sistem, pengguna PKA dan badan persijilan keselamatan.

Rajah 1: Pembangunan Prasarana Kekunci Awam (PKA) di Malaysia



PELESENAN

MCMC dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan lesen-lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), Akta Perkhidmatan Pos 1991 (APP 1991) dan Akta Tandatangan Digital 1997 (ATD 1997).

LESEN - LESEN DI BAWAH AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

Terdapat empat kategori aktiviti untuk dipertimbangkan iaitu:-

i. Pemberi Kemudahan Rangkaian (NFP)
ii. Pemberi Perkhidmatan Rangkaian (NSP)
iii. Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (ASP)
iv. Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP)

Di bawah keempat-empat kategori tersebut, dua jenis lesen dikeluarkan, iaitu Lesen Individu dan Lesen Kelas. Lesen Individu dikeluarkan bagi aktiviti-aktiviti yang memerlukan tahap kawal selia yang lebih tinggi, manakala Lesen Kelas pula hanya memerlukan pendaftaran dan tahap kawal selia yang lebih rendah. Senarai pemegang-pemegang lesen terdapat dalam daftar yang diselenggarakan oleh MCMC.

Secara khususnya, terdapat tiga (3) kategori lesen individu:

Lesen Individu Pemberi Kemudahan Rangkaian [NFP(I)]

Memiliki dan/atau menyediakan kemudahan-kemudahan rangkaian tertentu seperti stesen bumi, kabel dan penghubung tetap, pemancar dan penghubung radiokomunikasi, stesen kawalan satelit, tumpuan satelit, stesen angkasa lepas, pusat pendaratan kabel dasar laut serta menara, tiang, saluran dan lubang yang digunakan bersama dengan kemudahan rangkaian lain.

Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Rangkaian [NSP(I)]

Perkhidmatan-perkhidmatan yang tertakluk di bawah kategori ini termasuklah perkhidmatan lebar jalur, pengagihan penyiaran, selular mudah alih, aplikasi capaian, angkasa lepas, pensuisan dan get laluan.

Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan [CASP(I)]

Menyediakan perkhidmatan aplikasi kandungan seperti penyiaran satelit, penyiaran langganan, penyiaran TV bebas ke udara terestrial dan penyiaran radio terestrial.

PERMOHONAN LESEN INDIVIDU

Sepanjang 2015, MCMC telah menilai 110 permohonan lesen individu bagi pelbagai tujuan yang menyaksikan 45% peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

Permohonan Baharu

Menteri telah meluluskan sejumlah 23 lesen merangkumi 12 lesen NFP (I), sembilan (9) lesen NSP (I) dan dua (2) lesen CASP (I) sehingga 30 November 2015. Manakala, hanya tiga (3) lesen NFP (I) dan satu (1) lesen NSP (I) tidak diluluskan oleh Menteri. Jumlah permohonan baharu lesen individu yang diluluskan/tidak diluluskan oleh Menteri adalah seperti Rajah 1.

Bagi tahun 2015, secara kolektifnya permohonan bagi lesen individu NFP (I) dan NSP (I) adalah untuk menyediakan kemudahan atau prasarana jalur lebar di Malaysia. Bagi permohonan CASP (I) pula, Menteri telah meluluskan permohonan bagi aktiviti penyiaran radio terestrial di Sabah dan Sarawak kepada Cense Media Sdn Bhd, manakala syarikat Pr1ma Communications Sdn Bhd telah diberi kelulusan bagi memberikan perkhidmatan penyiaran langganan meliputi kawasan perumahan PR1MA seluruh Malaysia.

Permohonan Membaharui Lesen

MCMC telah menilai kesemua 57 permohonan pembaharuan lesen individu untuk lesen NFP (I), NSP (I) dan CASP (I) sepanjang tahun 2015. Rajah statistik bagi permohonan pembaharuan ini adalah seperti di dalam Jadual 2.

Permohonan Mengubah Suai Syarat Lesen

Sejumlah 13 permohonan untuk mengubah suai syarat lesen individu telah diluluskan oleh Menteri merangkumi enam (6) pengubahsuaian untuk lesen NFP (I), dua (2) untuk lesen NSP (I) dan lima (5) untuk CASP (I).

Jadual 1: Jenis permohonan lesen individu yang diterima oleh MCMC bagi tahun 2015

Kategori Lesen Individu	Jumlah
Lesen Baharu	27
Pembaharuan Lesen	57
Mengubah suai Syarat Lesen	13
Menyerah Semula Lesen	8
Memindah Hak Milik Lesen	4
Pemberi Kemudahan Yang Dinamakan	1
JUMLAH PERMOHONAN DIPROSES	**110**

Rajah 1: Jumlah permohonan baharu lesen individu bagi tahun 2015



Jadual 2: Jumlah pembaharuan lesen individu yang telah diluluskan oleh Menteri

Jenis Lesen Individu	Jumlah
Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP)	14
Pemberi Perkhidmatan Rangkaian (NSP)	17
Pemberi Kemudahan Rangkaian (NFP)	26
JUMLAH KESELURUHAN	**57**

Jadual 3: Jumlah permohonan lesen kelas didaftarkan oleh MCMC bagi tahun 2015

Jenis Lesen Individu	Jumlah
Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP)	20
Pemberi Perkhidmatan Rangkaian (NSP)	16
Pemberi Kemudahan Rangkaian (NFP)	16
Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (ASP)	452
JUMLAH KESELURUHAN	**504**

Permohonan untuk Menyerahkan Semula dan Memindahkan Hakmilik Lesen

Sepanjang tahun 2015, enam pemegang lesen telah menyerahkan semula lesen individu iaitu:

i. U-Print Sdn Bhd [CASP (I)];
ii. VTEL Malaysia Sdn Bhd [CASP (I)];
iii. Jaring Communications Sdn Bhd [NFP (I) dan NSP (I)];
iv. Teliti Computers Sdn Bhd [NFP (I) dan NSP (I)];
v. Threesixty Technologies Sdn Bhd [NSP (I)]; dan
vi. Jalur Dimensi Sdn Bhd [NSP (I)].

Sebanyak tiga pemegang lesen telah memohon untuk memindahkan hakmilik lesen individu mereka. Menteri telah meluluskan pemindahan hakmilik lesen NFP (I) dan NSP (I) Komasi Communications Sdn Bhd kepada Speedlink Communications Sdn Bhd, hakmilik lesen CASP (I) ISY Holdings Sdn Bhd kepada Capital FM Sdn Bhd dan hakmilik lesen NSP (I) Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd kepada TPM IT Sdn Bhd.

Pemberi Kemudahan Yang Dinamakan

Pada 2015, permohonan Asian Broadcasting Network (M) Sdn Bhd untuk menjadi pemberi kemudahan yang dinamakan telah dinilai oleh MCMC dan diluluskan oleh Menteri.

PENGELUARAN LESEN KELAS DI BAWAH AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

MCMC telah mengeluarkan 504 lesen kelas yang telah didaftarkan atas kelulusan Menteri sepanjang tahun 2015. Sebanyak 16 pendaftaran bagi kategori lesen Kelas Pemberi Kemudahan Rangkaian [NFP (C)], 16 pendaftaran bagi kategori lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Rangkaian [NSP (C)], 20 pendaftaran kategori lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan [CASP (C)] dan 452 pendaftaran lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi [ASP (C)]. Rajah statistik bagi permohonan ini adalah seperti di dalam Jadual 3.

Pegawai MCMC melaksanakan aktiviti pemantauan di sekitar tapak perkhidmatan telekomunikasi

PEMANTAUAN PELAKSANAAN PEMEGANG LESEN DI BAWAH AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

Bagi tahun 2015, MCMC telah memproses lima (5) permohonan lanjutan tempoh pelaksanaan oleh pemegang lesen yang gagal di dalam pematuhan syarat lesen individu yang memerlukan pelaksanaan perkhidmatan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pemberian lesen. Manakala, lapan (8) permohonan bagi pemegang lesen yang melakukan perubahan Pelan Perniagaan Terperinci (PPT) kerana gagal mencapai sasaran asal PPT.

Jadual 4: Bilangan lokasi pemantauan tapak seluruh Malaysia bagi tahun 2015

Lokasi	Bilangan
Wilayah Utara	1
Wilayah Timur	2
Wilayah Tengah	24
Wilayah Selatan	2
Sarawak	3
Sabah	5
JUMLAH	**37**

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 37 pemantauan tapak telah dijalankan ke atas 21 pemegang lesen individu sama ada yang baharu atau lama. Jadual 4 menunjukkan bilangan lokasi-lokasi pemantauan yang telah diadakan.

Pengendalian lawatan pemantauan ke tapak perkhidmatan amat penting bagi memastikan MCMC dapat melakukan audit ke atas pelaksanaan perkhidmatan oleh pemegang lesen individu dan pematuhan kepada syarat lesen bagi melaksanakan perkhidmatan seperti sasaran PPT.

Tahun 2015 merupakan tahun ketiga pelaksanaan perkhidmatan 4G LTE bagi jalur 2600MHz kepada lapan (8) pemegang lesen iaitu Maxis, DiGi, Celcom, U Mobile, Redtone, Altel, P1 dan YTL. Rajah 2 menunjukkan prestasi pelaksanaan sehingga 31 Disember 2015 (tahun ketiga) berbanding dengan sasaran asal di dalam Pelan Perniagaan Terperinci (PPT).

Tahun 2015 turut menyaksikan permulaan pelaksanaan Penyiaran Televisyen Digital Terestrial (DTTB) di seluruh Malaysia di mana penyediaan infrastruktur oleh MYTV Broadcasting Sdn Bhd akan dipantau. Pelaksanaan DTTB Fasa 1 adalah bagi menyediakan 85% liputan rangkaian sebelum 16 Januari 2016. Sebanyak 14 lokasi pemancar perlu disediakan untuk mencapai sasaran liputan tersebut. Lokasi-lokasi yang dimaksudkan adalah seperti di dalam Rajah 3.

Rajah 2: Peratus liputan sebenar 4G LTE 2600MHz setakat 31 Disember 2015



Rajah 3: Lokasi pemancar DTTB yang dipantau sepanjang 2015



PERSAINGAN DAN CAPAIAN

Fungsi MCMC dalam aspek persaingan dan capaian merangkumi tanggungjawab merangka, mengkaji semula dan melaksanakan dasar dan instrumen kawal selia termasuk memantau pematuhan pemegang lesen terhadap peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) di samping menyiasat dan menyelesaikan aduan mengenai tingkah laku antipersaingan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan capaian.

PERSAINGAN

Pengasingan Perakaunan

Mulai tahun 2015, Penyata Kewangan Kawal Selia (PKKS) diaudit dan disediakan berdasarkan kaedah *'Properly Prepared in Accordance with'*. Mulai 2018 pula, PKKS akan disediakan berdasarkan kos semasa. MCMC telah mengambil pendekatan untuk melaksanakan pengasingan perakaunan secara berperingkat untuk memberi ruang kepada pemegang lesen mengubah suai sistem yang sedia ada serta melaksanakan proses-proses yang berkaitan.

Berdasarkan laporan-laporan yang diterima setakat ini, MCMC mendapati segmen runcit dalam pasaran mudah alih mengalami penurunan dalam pendapatan untuk perkhidmatan suara dan pesanan ringkas disebabkan oleh penggunaan aplikasi *Over-The-Top* (OTT) secara meluas. Perkhidmatan data yang digunakan untuk OTT menunjukkan peningkatan dalam pendapatan pada tahun 2014, tetapi peningkatan tersebut belum cukup untuk mengimbangi penurunan di dalam pendapatan untuk perkhidmatan suara dan pesanan ringkas.

Aduan Persaingan

Pada tahun 2015, MCMC telah menerima dua aduan antipersaingan daripada pemberi perkhidmatan Rangkaian Maya Mudah Alih (MVNO). Aduan pertama adalah terhadap pemberi perkhidmatan mudah alih yang didakwa telah memberi arahan kepada pengedar-pengedar di lokasi tertentu untuk menurunkan papan tanda dan logo MVNO yang membuat aduan. MCMC telah mengkaji aduan tersebut dan telah mengambil tindakan yang sewajarnya.

Aduan kedua adalah terhadap pemberi perkhidmatan mudah alih yang didakwa telah melibatkan diri dalam tingkah laku antipersaingan iaitu *'predatory pricing'*, *'margin squeeze'* dan strategi lain untuk menyingkirkan pesaing di dalam pasaran. Aduan diterima dan siasatan lanjut masih dijalankan.

CAPAIAN KEPADA PERKHIDMATAN

Kajian Semula Mengenai Senarai Capaian

Pada tahun 2015, MCMC telah menjalankan kajian semula Senarai Capaian dan kajian ini adalah susulan daripada siasatan awam mengenai takrif pasaran dan penilaian kedudukan dominan dalam pasaran komunikasi pada tahun 2014.

MCMC telah menjalankan siasatan awam mengenai Senarai Capaian dari 15 Mei hingga 10 Julai 2015. Siasatan awam ini bertumpu kepada lima perkara, iaitu:

i. meningkatkan pengawalseliaan capaian;
ii. pengawalseliaan yang berasaskan insentif;
iii. meningkatkan pengawalseliaan terhadap perkhidmatan transmisi;
iv. mempertingkat capaian untuk rangkaian generasi akan datang; dan
v. menggalakkan pelaburan di dalam infrastruktur rangkaian capaian.

Lanjutan daripada siasatan awam tersebut, MCMC telah menerbitkan Laporan Siasatan Awam dan Penentuan Suruhanjaya Mengenai Senarai Capaian. Secara umumnya, beberapa perkhidmatan telah diubah suai dan empat perkhidmatan yang baharu telah disenaraikan di dalam Senarai Capaian iaitu:

i. Perkhidmatan Rangkaian Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi *(Layer 3)*;
ii. Akses Lurang dan Sesalur;
iii. Perkhidmatan Transmisi *'End-to-End'*; dan
iv. Capaian Pemberi Perkhidmatan Rangkaian Maya Mudah Alih (MVNO).

Pelaksanaan Senarai Capaian

Selepas menerbitkan Senarai Capaian, MCMC telah mengadakan sesi taklimat pada 5 Oktober 2015 untuk memberi penerangan kepada pemberi perkhidmatan mengenai pindaan yang dibuat terhadap Senarai Capaian. MCMC juga telah mengadakan beberapa sesi berasingan dengan beberapa pemberi perkhidmatan untuk menerangkan secara lebih terperinci mengenai keperluan menyediakan Dokumen Rujukan Capaian (ARD).

Kajian semula mengenai Standard Mandatori Mengenai Capaian

MCMC juga membuat persediaan untuk mengkaji semula Standard Mandatori Mengenai Capaian supaya ia selaras dengan Senarai Capaian 2015. Setakat ini, MCMC telah menerima maklum balas dari pemberi perkhidmatan dan siasatan awam mengenainya dijangka dilaksanakan pada awal 2016.

PENGAWALSELIAAN KADAR

Pemantauan Kadar Runcit

Pada tahun 2015, MCMC mendapati tahap persaingan adalah sengit dalam pasaran telefoni mudah alih dan jalur lebar mudah alih, manakala tahap persaingan dalam pasaran telefoni tetap, jalur lebar tetap dan perkhidmatan IPTV adalah agak terhad.

Dalam pasaran mudah alih, terdapat peningkatan dalam pakej-pakej yang bertumpu kepada perkhidmatan data dan keadaan ini menunjukkan bahawa pengguna menggantikan perkhidmatan suara dan pesanan ringkas dengan OTT. Secara umumnya, terdapat juga penurunan dalam harga perkhidmatan mudah alih dan peningkatan dalam peruntukan data percuma (GB) di dalam pakej-pakej mudah alih.

Pemberi perkhidmatan secara beransur telah mengenakan kadar runcit yang sama untuk pesanan ringkas dan perkhidmatan suara bagi rangkaian perkhidmatan mereka, berbanding dengan panggilan antara rangkaian perkhidmatan yang berlainan. Walau bagaimanapun, terdapat juga pemberi perkhidmatan yang mengenakan kadar yang berbeza.

Secara umumnya, tiada perbezaan ketara dalam kadar runcit untuk perkhidmatan jalur lebar. Bagaimanapun, MCMC mendapati pakej jalur lebar yang berkelajuan rendah tidak lagi ditawarkan kerana kurang mendapat sambutan. Ini menunjukkan permintaan pengguna lebih tertumpu kepada pakej jalur lebar berkelajuan tinggi.

Kadar runcit dan pakej-pakej untuk perkhidmatan IPTV adalah agak stabil dan tidak menunjukkan perubahan yang mendadak.

Kajian Semula Kaedah-Kaedah Kadar

MCMC telah menjalankan rundingan awam terhadap Kaedah-kaedah Komunikasi dan Multimedia (Kadar) 2002 (Kaedah-kaedah Kadar 2002) dari 13 Mac 2015 sehingga 30 April 2015. Kajian semula ini mencadangkan pendekatan berdasarkan amalan terbaik *(best practice)* antarabangsa; iaitu penumpuan kawal selia terhadap perkhidmatan borong melalui peruntukan-peruntukan capaian dan persaingan di bawah AKM 1998. Oleh itu, MCMC telah mencadangkan agar kadar runcit untuk semua perkhidmatan selain daripada perkhidmatan kecemasan tidak dikawal selia. Namun, MCMC akan terus memantau supaya kadar-kadar perkhidmatan runcit adalah berpatutan dan selaras dengan AKM 1998. Sekiranya perlu, MCMC boleh mengambil tindakan berdasarkan peruntukan lain di bawah AKM 1998 yang bersesuaian dengan keadaan situasi. MCMC akan mengesyorkan hasil kajian semula ini kepada YB Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Kajian Mengenai Pakej-Pakej Jalur Lebar Yang Berpatutan

MCMC telah menjalankan rundingan awam mengenai pakej-pakej jalur lebar yang berpatutan dari 13 Mac 2015 sehingga 27 Mac 2015. Kajian itu mencadangkan dua kriteria untuk pakej jalur lebar mudah alih dan pakej jalur lebar tetap yang berpatutan. Pihak industri menyokong cadangan MCMC dan mengemukakan cadangan untuk pakej-pakej jalur lebar yang berpatutan. Mereka mencadangkan pakej jalur lebar mudah alih dengan kuota data 1GB pada harga RM25.00 sebulan dan pakej jalur lebar tetap berkelajuan 1Mbps dengan kuota data 1GB pada harga RM38.00 sebulan.

PERANCANGAN UNTUK 2016

Melangkah ke tahun 2016, kajian semula mengenai Standard Mandatori Mengenai Capaian dan Standard Mandatori mengenai harga capaian akan dilaksanakan. Lanjutan daripada semakan semula AKM, rangka kerja persaingan sedia ada juga perlu disemak semula dan garis panduan baharu mengenai Penggabungan dan Pengambilalihan akan diterbitkan.

Rajah 1: Tindakan sekatan laman sesawang bagi tahun 2015



KESELAMATAN SIBER

PENGAWASAN DIGITAL

Kawal Selia Kandungan Media Baharu

Sepanjang tahun 2015, MCMC telah menerima sebanyak 2,614 aduan daripada orang ramai. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,776 kesalahan dalam talian telah dilaporkan berlaku di laman media sosial.

Kesemua aduan yang diterima MCMC telah diteliti dan diambil tindakan penyelesaian susulan. Daripada jumlah tersebut, 60% aduan telah diselesaikan dalam tempoh tiga hari bekerja atau kurang. Statistik pecahan aduan mengikut jenis platform Internet dan jenis kesalahan ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2.

Langkah sekatan laman sesawang merupakan salah satu langkah penguatkuasaan bagi menyekat akses kepada laman sesawang atau kandungan khususnya daripada luar negara yang melanggar mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia. Sekatan-sekatan yang dilakukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) termasuk laman berbentuk pornografi.

Jadual 1: Pecahan aduan mengikut jenis platform Internet

Platform Internet	Jumlah Aduan
Rangkaian Media Sosial	1,776
Emel	104
Laman Web / Blog / Forum	734
JUMLAH	**2,614**

Jadual 2: Bilangan aduan mengikut kesalahan bagi tahun 2015

Kesalahan	Bilangan
Jelik / Mengancam	411
Lucah / Sumbang	629
Palsu / Mengelirukan	639
Jenayah Siber (Penggodaman / Penipuan / Phishing)	375
Lain - lain	560
JUMLAH	**2,614**

Pengurusan Nama Domain '.my';

Selaras dengan Seksyen 181 (1) AKM 1998, MCMC telah melantik MYNIC Berhad (MYNIC) sebagai pihak pentadbir bagi mengurus serta menyelenggarakan pangkalan data alamat elektronik bersepadu di Malaysia.

Sehingga Disember 2015, sebanyak 321,794 nama domain telah didaftarkan. Ini merupakan peningkatan pendaftaran nama domain sebanyak 52,454 berbanding 2014, iaitu 269,340 yang memberi gambaran kepesatan perkembangan kandungan dalam talian di Malaysia.

Pengurusan Keselamatan Infrastruktur Maklumat

MCMC bertanggungjawab dalam melaksanakan program tadbir urus keselamatan maklumat menerusi pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat *(Information Security Management System - ISMS)* dan Sistem Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan *(Business Continuity Management System - BCMS)*. Justeru, pada tahun 2015, MCMC telah menggerakkan inisiatif pensijilan semula terhadap organisasi yang telah melaksanakan pensijilan ISMS yang menerapkan perubahan dan penambahbaikan berdasarkan standard yang terkini.

Pengenalpastian Organisasi CNII

Pada 2015, MCMC telah menyenarai pendek beberapa organisasi yang berpotensi dikenal pasti sebagai *Critical National Information Infrastructure (CNII)* untuk melaksanakan program-program keselamatan maklumat. Antara organisasi yang dimaksudkan untuk tujuan itu ialah Al-Hijrah Media Corporation, YTL Communications Sdn Bhd, AIMS Data Centre Sdn Bhd, Measat Satellite System Sdn Bhd dan Sacofa Sdn Bhd.

Pembangunan Standard Keselamatan Maklumat

Sepanjang 2015, MCMC telah terlibat dalam kumpulan kerja (*Working Group* atau WG) pembangunan standard keselamatan maklumat seperti berikut:

i. Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (WG/G/5-1)
ii. Perkhidmatan dan Kawalan Keselamatan (WG/G/5-4)
iii. Teknologi Pengurusan Identiti dan Privasi (WG/G/5-5)
iv. Pembuktian Identiti (WG/G/5-8)

MCMC dengan kerjasama Malaysian Technical Standards Forum Berhad (MTSFB) telah menubuhkan satu Kumpulan Kerja Keselamatan Rangkaian/ Maklumat (INS WG) yang bertanggungjawab menilai dan mengkaji keperluan semasa serta akan menerbitkan garis panduan berkaitan dengan keselamatan maklumat, rangkaian serta kesinambungan perkhidmatan untuk panduan dan rujukan sektor komunikasi dan multimedia.

Memorandum Persefahaman (MoU) antara MCMC dan Cybersecurity Malaysia

Pada 9 November 2015, Mesyuarat Kick-Off dan Majlis Pertukaran MoU antara MCMC dan Cybersecurity Malaysia (CSM). Bidang kerjasama yang telah dipersetujui adalah seperti:

i. Kerjasama Teknikal Keselamatan Siber;
ii. Pembangunan Kompetensi dan Program Advokasi;
iii. Jaminan Keselamatan;
iv. Pensijilan Produk Keselamatan Siber;
v. Pelaksanaan Program Malaysia Trustmark; dan
vi. Kerjasama Antarabangsa.

PENGAWASAN RANGKAIAN

Pusat Keselamatan Rangkaian MCMC (SNSC) telah ditubuhkan pada tahun 2008 bertujuan untuk mengawasi, memantau, mencegah dan juga memberi amaran awal daripada ancaman kepada mana-mana rangkaian di peringkat nasional. Jumlah insiden keselamatan rangkaian yang dipantau dan dilaporkan kepada SNSC sepanjang tahun 2015 adalah sebanyak 8,421 kes berbanding dengan 23,405 kes pada tahun 2014.

Berdasarkan pemantauan tersebut, jumlah laporan insiden yang diterima telah dipecahkan kepada kategori kes seperti berikut:

Jadual 3: Jumlah laporan insiden keselamatan rangkaian mengikut kategori kes bagi tahun 2015

Kategori Kes	Jumlah
Kecacatan Laman Sesawang *(Defacement)*	2,214
Penipuan Perbankan *(Fraud)*	987
Kod Berbahaya *(Malware)*	4,929
Cubaan Serangan ke atas Sistem Rangkaian *(Network Attempt)*	191
Kelemahan Sistem *(Vulnerability)*	69
Pencerobohan Sistem *(Intrusion)*	28
Penafian Perkhidmatan	3

Projek MADUNET

Sejak tahun 2010, SNSC telah menjalankan projek *Malaysian Network Attack Detections Using HoneyNet* atau nama singkatannya MADUNET yang mengggunakan teknologi *Honeypot* untuk mengumpul dan menganalisa aktiviti-aktiviti serangan siber yang berpotensi untuk mengancam dan menganggu rangkaian Malaysia. MADUNET telah berjaya mengesan kira-kira 5,000,000 aktiviti serangan dan 7,000 unik perisian perosak (*unique malware*).

DIGITAL FORENSIK

Fungsi Digital Forensik oleh MCMC berfokus kepada memberi bantuan kepakaran digital forensik, khidmat nasihat dalam membantu siasatan jenayah siber dan perkara-perkara berkaitan sektor komunikasi dan multimedia serta penguatkuasaan undang-undang siber kepada MCMC dan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain.

Salah satu daripada inisiatif MCMC dalam menangani dan mengendali kes-kes jenayah siber adalah dengan menubuhkan Makmal Digital Forensik. Perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh makmal ini adalah seperti forensik komputer, forensik telefon mudah alih, pemeliharaan data dan pemulihan data digital.

Sepanjang tiga tahun tempoh operasi, makmal ini telah menerima sebanyak 487 kes. Bagi tahun 2015, jabatan ini telah menerima sebanyak 209 kes. Jumlah kes yang diterima mengikut bulan adalah seperti di dalam Rajah 2.

Kebanyakan kes yang diterima sepanjang 2015 adalah daripada Jabatan Penguatkuasaan dan Siasatan MCMC, PDRM dan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain.

Bagi tahun 2015, 659 ekshibit dalam pelbagai bentuk pemacu elektronik berbanding 743 ekshibit pada tahun 2014.

Rajah 2: Jumlah kes jenayah siber yang diterima sepanjang tahun 2015



Seminar dan Ceramah

Selain daripada kursus dan latihan, program kesedaran dan latihan berkaitan keselamatan siber turut dianjurkan dengan matlamat menambahkan pengetahuan dan berkongsi pengalaman dan kepakaran bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain dan masyarakat umum tentang kesedaran, tadbir urus dan jenayah siber. Sepanjang 2015, 25 program telah diadakan dengan kerjasama erat agensi-agensi kerajaan.

Akreditasi Makmal Digital Forensik

Pada 2015, aktiviti pematuhan kepada aplikasi Sistem Pengurusan Kualiti dalam usaha untuk mencapai akreditasi makmal digital forensik mengikut Standard MS ISO 17025:2005 telah dimulakan.

Tujuan dokumen standard ini dirujuk adalah sebagai garis panduan bagi mendapatkan pensijilan akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia (JSM). Akreditasi ini adalah penting sebagai:

i. Pengiktirafan ujian analisa yang kompeten;
ii. Penanda aras prestasi makmal;
iii. Pengiktirafan antarabangsa ke atas makmal; dan
iv. Strategi perkembangan makmal pada masa hadapan.

Kumpulan Kerja Digital Forensik (KKDF)

Sebuah Kumpulan Kerja Digital Forensik (KKDF) telah ditubuhkan pada25 Ogos 2015. Kumpulan ini turut mendapat penglibatan daripada agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia yang mempunyai makmal digital forensik.

PERANCANGAN UNTUK 2016

Selaras cabaran keselamatan yang semakin kritikal di masa hadapan, beberapa fokus dan inisiatif telah dirangka MCMC untuk tahun 2016 dan seterusnya. Antara inisiatif yang telah dirangka adalah seperti berikut:

Penubuhan Forum Keselamatan Rangkaian

MCMC akan menyelaras dan mewujudkan Forum Keselamatan Rangkaian. Forum ini akan membangunkan kod-kod, garis panduan, amalan terbaik berkaitan keselamatan rangkaian dan maklumat untuk sektor komunikasi dan multimedia.

Pengukuhan Pembangunan Keupayaan Industri

Pada 2016 dan seterusnya, MCMC akan mempergiatkan usaha pembangunan keupayaan untuk membina program keupayaan yang berkesan yang menyasarkan kepada industri komunikasi dan multimedia termasuklah pembangunan instrumen bagi penggunaan standard yang berkesan, program meningkatkan bilangan profesional dalam bidang keselamatan rangkaian dan sebagainya.

Pusat Keselamatan Rangkaian MCMC (SNSC)

Bagi tahun 2016, pihak SNSC bercadang untuk menambah sebanyak 50 sensor bagi mengumpul dan mengesan lebih banyak serangan siber khususnya serangan yang menyasarkan rangkaian Malaysia.

Kemahiran dan Latihan

Dengan bertambahnya jumlah kes jenayah siber, latihan yang secukupnya perlu diberikan kepada semua pegawai digital forensik dalam mengendalikan peranti digital, sistem-sistem dan peralatan yang baharu seperti *Memory Forensic*, *Network Forensic*, *JTAG Phone Extraction* dan *Professional Certification*.

'Forensic-on-the-Go'

Forensic-on-the-Go merupakan inisiatif mewujudkan sebuah makmal bergerak yang akan digunakan di lokasi jenayah semasa serbuan. Kenderaan yang boleh memuatkan ruang kerja digital forensik yang lengkap dengan peralatan dan capaian internet bagi membolehkan analisa segera dilakukan akan diperolehi.

Makmal Forensik Rangkaian

Di samping makmal forensik komputer, makmal telefon mudah alih dan makmal pemulihan digital, sebuah lagi makmal iaitu Makmal Forensik Rangkaian sedang dirancang pembinaannya. Makmal ini akan digunakan bagi menganalisa kes-kes yang melibatkan storan awan *(cloud storage)*, pelayan *(server)*, penggodaman *(hacking)* dan pencerobohan *(intrusion)*.

Rajah 1: Tindakan sekatan laman sesawang bagi tahun 2015

PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

ADUAN DAN SIASATAN

Sejumlah 299 aduan sepanjang tahun 2015 telah diterima oleh pihak MCMC. Jumlah tersebut menurun sebanyak 16% berbanding tahun 2014. Aduan-aduan tersebut merangkumi 272 aduan yang diterima daripada jabatan-jabatan dalaman MCMC dan 27 aduan daripada agensi-agensi penguatkuasaan lain dan telah disiasat secara terperinci, sama ada dalam bentuk *MCMC Enquiry Paper (EP)* ataupun Kertas Siasatan (KS).

Kategori Aduan

Aduan-aduan yang diterima dikategorikan kepada tiga jenis aduan iaitu:

i. Aduan berhubung penggunaan kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian tidak wajar;
ii. Aduan berkenaan kesalahan regulatori; dan
iii. Aduan berkaitan kesalahan standard teknik.

Jadual 1: Statistik aduan bagi tahun 2015 mengikut kategori.

Kategori Kesalahan	Jumlah Kes
Kategori: Penggunaan Kemudahan Rangkaian atau Perkhidmatan Rangkaian Tidak Wajar	
SMS/MMS/ Panggilan Palsu	105
E-mel	3
Laman Blog	5
Laman Sesawang	11
Laman Sosial	18
Kategori: Regulatori	
S.105 AKM 1998	93
S.126 AKM 1998	2
S.127 AKM 1998	4
S.143 AKM 1998	1
S.157 AKM 1998	1
S.188 AKM 1998	23
S.206 AKM 1998	4
S.238 AKM 1998	2
Kategori: Standard Teknik	
P 16 PPKM (ST) 2000	20
S.239 AKM 1998	7
JUMLAH	**299**

Aduan dan Siasatan di bawah Seksyen 233 AKM 1998

Fokus siasatan bagi tahun 2015 adalah lebih tertumpu kepada siasatan kesalahan di bawah Seksyen 233 AKM 1998. Kesalahan penghantaran kandungan lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya melalui perkhidmatan SMS/MMS dan juga panggilan palsu *(crank call)* mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 35% daripada keseluruhan aduan yang diterima bagi kesalahan di bawah Seksyen 233 AKM 1998.

Kertas Siasatan (KS)

Sejumlah 144 KS telah dibuka daripada aduan yang diterima pada tahun 2015 dan tahun-tahun sebelumnya. Bulan Jun mencatatkan bilangan tertinggi KS dibuka yang mewakili 31% daripada keseluruhan bilangan KS yang dibuka sepanjang tahun 2015.

KS bagi kesalahan berkaitan penyalahgunaan media baharu yang disiasat di bawah Seksyen 233 AKM 1998 masih merupakan kesalahan utama yang dirujuk untuk pertimbangan dan arahan lanjut Timbalan Pendakwa Raya (TPR) iaitu sejumlah 125 KS, dan diikuti dengan 79 KS bagi kesalahan di bawah Peraturan 16 Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Mutimedia (Standard Teknik) 2000 dan 60 KS adalah berkaitan pelanggaran syarat lesen yang disiasat di bawah Seksyen 242 AKM 1998.

Pendakwaan di Mahkamah

Sejumlah 67 KS telah memperolehi izin mendakwa daripada TPR. Daripada jumlah ini, 34 kes dijatuhkan hukuman denda berjumlah RM278,000.00. Julat hukuman denda yang dijatuhkan oleh Mahkamah adalah di antara RM2,000.00 sehingga RM50,000.00 bagi setiap kes. Perbicaraan bagi 6 kes masih berjalan di Mahkamah.

Jadual 2: Statistik aduan diterima dan disiasat bagi kesalahan di bawah Seksyen 233 AKM 1998 sepanjang tahun 2015 berdasarkan medium kesalahan

Jenis Aduan	Jumlah
SMS / MMS / Panggilan Palsu	105
Emel	3
Blog	5
Laman Sesawang	11
Laman Sosial	18
JUMLAH ADUAN	**142**

Jadual 3: Statistik bilangan KS dibuka berdasarkan bilangan aduan pada 2015 dan tahun-tahun sebelumnya

Bulan	Jumlah KS
Januari	21
Februari	3
Mac	3
April	5
Mei	4
Jun	44
Julai	2
Ogos	2
September	26
Oktober	15
November	15
Disember	4
JUMLAH KS DIBUKA	**144**

Jadual 4: Statistik KS yang telah memperoleh izin mendakwa daripada TPR berdasarkan peruntukan kesalahan

Kesalahan Mengikut Akta	Jumlah
P . 16 PPKM (ST) 2000	49
S . 211 AKM 1998	14
S . 233 AKM 1998	4
JUMLAH	**67**

Rajah 2: Pencapaian penguatkuasaan dan siasatan pada tahun 2015



Pada 2015, empat (4) Kertas Siasatan telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah. Antara kes yang menarik perhatian media massa ialah kes Wan Fatul Bin Johari yang dituduh sebanyak tiga pertuduhan di bawah Seksyen 233(1)(a) AKM 1998 kerana menyalahgunakan perkhidmatan aplikasi internet secara sedar dengan membuat dan memulakan penghantaran tiga komen yang jelik sifatnya yang menghina Sultan Kelantan, Raja-Raja Melayu dan YDP Agong pada 3 tarikh yang berbeza di laman sosial.

Tiada Tindakan Lanjut (NFA)

Hasil siasatan lanjut dan lebih terperinci terhadap aduan yang diterima, sejumlah 48 aduan daripada keseluruhan 299 aduan telah diklasifikasikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut atau *'No Further Action'* (NFA).

Analisis maklumat yang diperolehi mendapati siasatan lanjutan bagi sesuatu aduan tidak dapat dilakukan disebabkan faktor-faktor berikut:

i. Maklumat yang didaftarkan adalah palsu;
ii. Tiada kerjasama daripada pengadu;
iii. Pengadu menarik semula aduan;
iv. Kandungan aduan tidak memenuhi elemen atau intipati kesalahan;
v. Tiada keterangan kukuh terhadap orang yang disyaki; dan
vi. Aduan adalah di luar bidang kuasa AKM 1998.

Pencapaian Keseluruhan

Secara keseluruhannya, fungsi penguatkuasaan dan siasatan MCMC menunjukkan peningkatan pencapaian dan prestasi yang ketara dan memberangsangkan bagi tahun 2015. Ini dapat dilihat dengan peningkatan peratusan dalam aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan siasatan seperti di dalam Rajah 2.

PENGAWASAN DAN PEMATUHAN (PENYIARAN)

Pada tahun 2015, fungsi pengawasan dan pematuhan untuk sektor penyiaran terus memberi tumpuan dalam meningkatkan tahap pematuhan para pemegang lesen dan memperkukuh aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi menjaga perlindungan pengguna.

PEMANTAUAN KANDUNGAN PENYIARAN

Pada awal tahun 2015, MCMC telah memulakan projek Pusat Pemantauan Kandungan (CMC) bagi memantapkan aktiviti pemantauan kandungan penyiaran oleh badan penyiar swasta atau pemegang Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP-I) dengan kemudahan yang lebih sistematik dan tersusun. CMC mempunyai fungsi yang mampu untuk merakam, menyimpan, dan mengekstrak kandungan siaran yang telah dirakam. Pendekatan pemantauan yang berstruktur sedang dibangunkan dan CMC dijangka akan dilancarkan pada bulan Januari 2016.

USAHA MENINGKATKAN PEMATUHAN PEMEGANG LESEN CASP-I

Langkah proaktif untuk memastikan para pemegang Lesen CASP-I mematuhi peraturan dan peruntukan berkenaan penyiaran kandungan telah diambil, antaranya:

Bengkel Laporan Pematuhan Kandungan

Bengkel laporan pematuhan kandungan telah diadakan pada suku pertama 2015 untuk mengkaji semula dan menambah baik templat laporan pematuhan kandungan suku tahunan bagi memastikan kesempurnaan, ketepatan, konsistensi dan ketepatan masa data yang dikemukakan oleh para pemegang Lesen CASP-I.

Lawatan Pematuhan Tapak

Beberapa lawatan pematuhan tapak telah diadakan secara berkala kepada pemegang Lesen CASP-I sepanjang tahun 2015. Pemegang lesen telah dimaklumkan mengenai status pematuhan dan nasihat telah diberikan untuk memperbaiki atau mematuhi sebarang ketidakpatuhan.

Kelulusan untuk Menyiar

Semua pemegang Lesen CASP-I dikehendaki memohon kelulusan MCMC untuk menyiar semua siaran sama ada secara langsung dan tertunda. Sebanyak 255 permohonan siaran langsung dan tertunda telah diterima sepanjang tahun 2015.

PEMBANGUNAN DAN PENGLIBATAN

Sepanjang tahun 2015, MCMC banyak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan program kolaborasi, penganjuran bengkel dan seminar serta lawatan akademik berkaitan pengawasan dan pematuhan penyiaran di Malaysia. Bagi memastikan keberkesanan tadbir urus kawal selia, MCMC telah menjalin kerjasama dengan rakan kongsi strategik daripada pelbagai Kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KDPNKK), Lembaga Penapis Filem (LPF), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF).

Tiga (3) seminar dan bengkel pematuhan kandungan telah dianjurkan dengan kerjasama rakan kongsi strategik bagi semua pemegang Lesen CASP-I dan pihak berkaitan pada tahun 2015 iaitu Seminar Pematuhan Syarat Lesen, Bengkel Pemerkasaan Bahasa Melayu MCMC-DBP dan Bengkel Pematuhan Kandungan Pengiklanan.

MCMC juga telah mengadakan satu lawatan akademik ke Pinewood Iskandar Malaysia Studios sebagai sebahagian aktiviti jangkauan di samping menerima lawatan daripada badan kawal selia antarabangsa seperti AITI Brunei dan Korea Communications Standards Commission (KCSC). Selain itu, fungsi lain yang dijalankan termasuk memberi input kepada soal jawab Parlimen dan memberi maklum balas, memberi taklimat dan nasihat kepada pertanyaan-pertanyaan daripada semua pihak mengenai peraturan kandungan siaran di Malaysia.

PENGENDALIAN ADUAN

Sepanjang tahun 2015, MCMC telah menerima 44 aduan yang berkenaan kandungan penyiaran iaitu iklan komersial dan kandungan yang disiarkan melalui televisyen dan radio. Kebanyakan aduan yang diterima adalah berkaitan dengan kandungan rancangan, iaitu 77.5% daripada jumlah aduan yang telah disiasat terdiri daripada kandungan rancangan yang sifatnya sumbang, palsu, jelik, mengancam, ganas, seram, tidak sopan dan lain-lain lagi. Sementara itu, 22.5% daripada jumlah aduan yang disiasat adalah berkaitan dengan iklan komersial. Terdapat juga aduan-aduan yang dirujuk oleh pelbagai agensi kerajaan.

Terdapat empat (4) *First Information Report* (FIR), tujuh (7) surat amaran, dan dua (2) surat nasihat telah dikeluarkan berkenaan kandungan penyiaran. Penalti telah dikenakan terhadap dua pemegang Lesen CASP-I berkenaan kandungan pada tahun 2015 iaitu Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd (ASTRO) dan TM Net Sdn. Bhd (HyppTV) dengan jumlah penalti RM30,000.00dan RM20,000.00 masing-masing.

FORUM KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYISA (CMCF)

Pada tahun 2015, CMCF telah menerima 465 aduan, iaitu 26.7% penurunan berbanding bilangan aduan yang diterima pada tahun 2014. Antara jumlah aduan yang diterima, 431 aduan adalah diterima daripada orang awam dan 28 aduan adalah daripada pihak lain seperti MCMC, KKMM, KKM dan lain-lain.

CMCF juga telah mengenakan penalti sebanyak RM5,000.00 kepada Radio Lebuhraya Sdn Bhd (THR Gegar) kerana tidak mematuhi Kod Kandungan.

RINGKASAN DAN HALA TUJU

Pada tahun 2015, Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk fungsi pematuhan dan pengawasan penyiaran yang ditetapkan dan inisiatif untuk meningkatkan pematuhan peraturan sedia ada telah tercapai. MCMC merancang untuk membentuk kerangka kerja pemantauan kandungan penyiaran yang berstruktur dan pendekatan baru untuk meningkatkan tahap pematuhan industri dan kepuasan pengguna serta terus mengenal pasti isu dan cabaran berkenaan kandungan penyiaran bagi mewujudkan amalan kawal selia kendiri yang terbaik sebagai hala tuju industri kandungan Malaysia pada tahun 2016.

Rajah 1: Pendekatan pengawalseliaan bagi perlindungan pengguna

Kualiti Perkhidmatan	Penguatkuasaan	Khidmat Kandungan Mudah Alih	Kawal Setia Tarif
• Standard Mandatori • Kajian Kepuasan Pelanggan	• Perkhidmatan Aplikasi Dikehendaki • Biro Aduan • Lain-lain	• Pemantauan Berkuatkuasa 1Julai 2010	• Pemantauan (Perkhidmatan Telefoni Tetap Sahaja)

Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan

- Telefon Berbayar Awam
- Perkhidmatan Talian Sewa Digital
- Perkhidmatan Capaian Jalur Lebar
- Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih



- Perkhidmatan Selular Awam
- Rangkaian Telefon Bersuis Awam
- Perkhidmatan Aplikasi Kandungan
- Capaian Internet Dail

PENGAWASAN DAN PEMATUHAN (KOMUNIKASI)

MCMC melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bertanggungjawab menjaga dan melindungi kepentingan pengguna dalam perihal komunikasi dan perkhidmatan multimedia dengan melaksanakan pelbagai mekanisme dalam aspek pembangunan dan penguatkuasaan kod dan standard pengguna, resolusi pertikaian pengguna serta pengawalseliaan kadar yang berkesan.

PEMATUHAN KUALITI PERKHIDMATAN

Para pengguna di Malaysia dilindungi dari segi kualiti perkhidmatan melalui kewujudan Standard Mandatori yang dikuatkuasakan oleh MCMC untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan kualiti perkhidmatan semua pemberi perkhidmatan yang berkaitan. Rajah di atas menunjukkan mekanisme pengawalseliaan untuk melindungi hak para pengguna.

Standard Mandatori diwujudkan adalah untuk:

i. Mempertingkatkan dan melindungi hak-hak pengguna;
ii. Memberi para pengguna satu kriteria yang jelas dan tertentu untuk mengukur kualiti perkhidmatan yang diterima atau diguna pakai; dan
iii. Mempertingkatkan daya saing antarabangsa dengan meneguhkan industri tempatan.

Melalui Standard Mandatori bagi Kualiti Perkhidmatan, setiap pemberi perkhidmatan dikehendaki memastikan tahap kualiti perkhidmatan yang ditawarkan kepada para pelanggan mematuhi standard khusus yang telah ditetapkan.

Jadual 1: Senarai Notis Ketidakpatuhan Standard Mandatori

Syarikat Pemberi Perkhidmatan	Kes Ketidakpatuhan
Celcom Axiata Berhad	Para 9(a) dan (b) - Standard Mandatori bagi Perkhidmatan Selular Awam (PCS)
Husa Network Sdn Bhd (Manis FM)	Para 8 – Standard Mandatori bagi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CAS)
TTdotCom Sdn Bhd	Para 20 (a) – Standard Mandatori bagi Perkhidmatan Capaian Jalur Lebar (BAS)
DiGi Telecommunications Sdn Bhd	Para 9 (a) – Standard Mandatori bagi Perkhidmatan Litar Sewa Digital (DLL)
Asian Broadcasting Network (M) Sdn Bhd	Para 30 - Standard Mandatori bagi Perkhidmatan Capaian Jalur Lebar (BAS)
	Para 19 – Standard Mandatori bagi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CAS)
Net2One Sdn Bhd	Para 13, 19 dan 24 – Standard Mandatori bagi Perkhidmatan Litar Sewa Digital (DLL)

Sejumlah tujuh (7) Standard Mandatori bagi Kualiti Perkhidmatan telah didaftarkan antara tahun 2003 dan 2015, iaitu:

i. Perkhidmatan Rangkaian Telefon Talian Tetap (PSTN);
ii. Perkhidmatan Selular Awam (PCS);
iii. Perkhidmatan Capaian Internet Dail (DIAS);
iv. Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CAS);
v. Perkhidmatan Telefon Berbayar Awam (PPS);
vi. Perkhidmatan Litar Sewa Digital (DLL); dan
vii. Perkhidmatan Capaian Jalur Lebar (BAS).

Pada tahun 2015, MCMC telah menyemak semula Standard Mandatori untuk PCS dan BAS yang mana semakan terakhir bagi Standard Mandatori tersebut adalah pada tahun 2002 dan 2007 masing-masing. Standard Mandatori bagi BAS telah diasingkan kepada perkhidmatan jalur lebar berwayar dan tanpa wayar. Tujuan pemyemakan semula Standard Mandatori tersebut adalah untuk memastikan hak para pengguna terpelihara dan kekal relevan dengan perkembangan teknologi yang pesat.

Pendekatan yang diambil untuk pematuhan ke atas Standard Mandatori

i. Tindakan Penguatkuasaan bagi Ketidakpatuhan kepada Standard Mandatori

Bagi sebarang ketidakpatuhan kepada Standard Mandatori, MCMC akan membuka Kertas Siasatan (KS) ke atas pemberi perkhidmatan yang terlibat. Bagi tahun 2015, MCMC telah mengenakan kompaun sebanyak RM30,000.00 ke atas pemberi perkhidmatan yang tidak mematuhi Standard Mandatori.

ii. Tindakan Pentadbiran

Pendekatan lain yang turut diambil ialah dengan mengeluarkan notis ketidakpatuhan ke atas kesalahan yang melanggar peruntukan di bawah Standard Mandatori Seksyen 105 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Bagi tahun 2015, MCMC telah mengeluarkan enam (6) notis ketidakpatuhan seperti di dalam Jadual 1.

PERLINDUNGAN PENGGUNA DALAM PEMBERIAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN MAYA MUDAH ALIH

Dalam usaha meningkatkan perlindungan pengguna dalam perkhidmatan rangkaian maya mudah alih (MVN), MCMC telah mengeluarkan Standard Mandatori bagi Pemberian Perkhidmatan melalui Rangkaian Maya Mudah Alih yang mula dikuatkuasakan pada 15 Januari 2016.

Objektif utama pelaksanaan Standard Mandatori ini adalah membolehkan MCMC memantau perkhidmatan MVN secara lebih efektif dan memastikan perlindungan pengguna dan kesinambungan perkhidmatan kepada pengguna jika perkhidmatan MVN ditamatkan. Ia merangkumi 4 skop pelaksanaan iaitu:

i. Notis pemberitahuan ketika memulakan perkhidmatan;
ii. Notis pemberitahuan ketika penamatan perkhidmatan;
iii. Pembayaran semula kepada pengguna; dan
iv. Kesinambungan perkhidmatan.

Pemberian perkhidmatan selular juga begitu kompetitif di Malaysia dengan kehadiran 24 syarikat pemberi perkhidmatan rangkaian maya mudah alih (MVNO) seperti di dalam Jadual 2.

PEMATUHAN PERKHIDMATAN KANDUNGAN MUDAH ALIH

Berdasarkan bancian dan kaji selidik yang dibuat, perkhidmatan telefon selular di Malaysia telah mencatat kadar penembusan sebanyak 143.8% [1] bagi tahun 2015. Ini sejajar dengan perkembangan industri komunikasi dan multimedia di Malaysia, baik dalam aspek infrastruktur, pembangunan kandungan mahupun kualiti perkhidmatan.

Jadual 2: Senarai MVNO di Malaysia

Hos	Syarikat MVNO
Celcom Axiata Berhad	1. Altel Communications Sdn Bhd 2. Merchantrade Asia Sdn Bhd 3. One XOX Sdn Bhd 4. PLDT Malaysia Sdn Bhd 5. Pure Spectrum Technologies Sdn Bhd 6. Red One Network Sdn Bhd 7. Senheng Mobile (M) Sdn Bhd 8. Tune Talk Sdn Bhd 9. XOX Com Sdn Bhd
U Mobile Sdn Bhd	1. Ameen Mobile Sdn Bhd 2. Ceres Telecom Sdn Bhd 3. Clixster Mobile Sdn Bhd 4. ECI Communications Sdn Bhd 5. Mobile 8 Telco Sdn Bhd 6. MyAngkasa Holdings Sdn Bhd 7. Optic Tech Sdn Bhd 8. Prabhu Mobile Sdn Bhd 9. Telekomunikasi Indonesia (Malaysia) Sdn Bhd 10. Uni Comms International Sdn Bhd 11. Wafy Group Bhd
Digi Telecommunications Sdn Bhd	1. Pavo Communications Sdn Bhd 2. Talk Focus Sdn Bhd 3. Xiddig Cellular Communications Sdn Bhd
Maxis Berhad	1. I Tel Mobile Network Sdn Sdn

[1] Sumber: Komunikasi dan Multimedia: Buku Maklumat Statistik, Suku Ke-4 2015

Peranan dan tanggungjawab MCMC juga menjadi semakin mencabar dalam usaha untuk memastikan pembangunan perkhidmatan kandungan mudah alih ini memberi manfaat dan faedah kepada pengguna di Malaysia serta kepentingan pengguna turut terpelihara Ini dapat dinilai dan ditangani melalui aduan-aduan yang diterima daripada pengguna menerusi saluran-saluran yang telah ditetapkan.

Aduan-aduan yang kerap diterima daripada pengguna dan pelanggan perkhidmatan kandungan mudah alih adalah seperti SMS promosi, aktiviti pemasaran yang mengelirukan, dan kesahihan caj yang dikenakan kepada pengguna.

Rekod MCMC menunjukkan jumlah aduan yang diterima pada tahun 2015 adalah sebanyak 2,145 aduan. Ia telahpun menunjukkan peningkatan 40.5% berbanding pada tahun 2014. Antara aduan yang diterima adalah seperti di dalam Jadual 3.

Dalam usaha mencari penyelesaian isu-isu berkenaan dengan pemberian perkhidmatan kandungan mudah alih, MCMC juga telah mengadakan satu bengkel bersama-sama dengan pihak NGO dan agensi-agensi kerajaan bagi mendapatkan maklum balas kepada kertas cadangan semakan semula Standard Mandatori dan cadangan penambahbaikan dalam aspek pengawalseliaan yang lebih efektif.

Pendekatan yang diambil untuk menangani aduan pengguna

i. Tindakan Penguatkuasaan Standard Mandatori bagi Pemberian Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih (Standard Mandatori)

Bagi sebarang ketidakpatuhan kepada Standard Mandatori, MCMC akan mengeluarkan surat amaran kepada pembekal kandungan yang terlibat. Sepanjang tahun 2015, MCMC telah mengeluarkan empat (4) surat amaran kepada pembekal kandungan terbabit.

Bagi kesalahan berulang, tindakan undang-undang akan diambil atas kesalahan melanggar Standard Mandatori. Pelanggaran kepada Standard Mandatori ini boleh membawa kepada denda maksima RM100,000.00 atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali.

ii. Tindakan Pentadbiran

Pendekatan lain yang turut diambil ialah menggantung kod ringkas yang terlibat atas pelbagai kesalahan melanggar peruntukan Standard Mandatori. Bagi tahun 2015, MCMC telah menggantung sebanyak enam (6) kod ringkas daripada beberapa pemberi perkhidmatan atas pelbagai ketidakpatuhan Standard Mandatori.

Jadual 3: Statistik aduan yang diterima sepanjang tahun 2015

Jenis Aduan	2014	2015
Perkhidmatan Yang Tidak Dilanggan	1,476	2,034
Gagal Menamatkan Perkhidmatan	15	87
Promosi SMS	36	24
JUMLAH	**1,527**	**2,145**

RANCANGAN PEMERKASAAN PENGGUNA

Penerimaan jumlah aduan daripada para pengguna telah meningkat setiap tahun. Terdapat tiga isu utama yang dikenal pasti sebagai penyumbang utama aduan yang diterima oleh Biro Aduan Pengguna (CCB) dan Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) seperti di dalam Rajah 2 di bawah.

Pada tahun 2014, MCMC telah mengeluarkan pelan tindakan 2014-2016 yang mengandungi 13 inisiatif. Ia dikenali sebagai Pelan Tindakan Pemerkasaan Pengguna seperti di dalam Jadual 4.

Pelan Tindakan Pemerkasaan Pengguna ini masih dijalankan sehingga tahun 2016 dan dijangka dapat menghasilkan pengguna yang lebih peka dengan perkhidmatan yang ditawarkan, memperjuangkan hak-hak mereka dan mewujudkan persekitaran pengawalseliaan sendiri yang lebih berkesan.

PENDAFTARAN PENGGUNA SELULAR PRABAYAR

Setakat penghujung tahun 2015, 44,111,000 [2] pengguna telefon selular telah didaftarkan di negara ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 35,371,000 adalah pendaftaran untuk perkhidmatan telefon prabayar manakala selebihnya adalah untuk perkhidmatan selular pasca bayar.

Dengan 80% daripada jumlah keseluruhan pengguna telefon bimbit di negara ini adalah pengguna telefon prabayar, aktiviti-aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilakukan bagi memastikan proses dan prosedur pendaftaran pengguna prabayar direkodkan dengan tepat.

Selain proses pengesahan yang dijalankan oleh pemberi perkhidmatan, MCMC juga menjalankan proses pengesahan data yang direkodkan secara manual melalui kerjasama dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sehingga 2015, sebanyak 14 juta data pengguna telefon prabayar telah disahkan oleh pihak JPN dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 6% direkodkan sebagai tidak sepadan. Data-data yang tidak sah akan dikembalikan kepada pihak pemberi pekhidmatan untuk proses pengesahan semula. Sekiranya data tersebut tidak dapat disahkan pemilikannya, nombor selular tersebut akan ditamatkan perkhidmatannya.

Rajah 2: Isu-isu utama pengguna dan jumlah aduan yang diterima bagi tahun 2013-2015

Jadual 4: Senarai Pelan Tindakan Pemerkasaan Pengguna

1. Penilaian Diri dan Laporan oleh Pembekal-Pembekal Servis
2. Mekanisme Pampasan kepada Pengguna
3. Peta Liputan
4. Model yang tidak berasaskan Langganan - bagi Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih
5. Peningkatan ke Portal Pengguna (Aplikasi Mudah Alih)
6. Peningkatan Piagam Pelanggan oleh Pembekal-Pembekal Servis
7. Sistem Pengendalian Aduan Bersepadu (Pembekal Servis/Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM)/MCMC)
8. Pemprosesan/Yuran Pentadbiran terhadap Pengendalian Aduan oleh MCMC
9. Mekanisme Merit dan Demerit *'Star Rating'* terhadap Pemberi Perkhidmatan Selular
10. Kewujudan Ringkasan Maklumat Kritikal di dalam Terma dan Syarat oleh Pembekal-Pembekal Servis
11. Garis Panduan kepada Pengedar dan Ejen
12. Forum/Dialog Tahunan Bersama Pengguna; dan
13. Kempen Tindakan untuk Pemerkasaan Pengguna

[2] Sumber: Komunikasi dan Multimedia: Buku Maklumat Statistik, Suku Ke-4 2015

Tindakan Pemantauan Dan Penguatkuasaan

MCMC telah menjalankan beberapa pemeriksaan mengejut untuk memastikan pihak pembekal perkhidmatan dan wakil-wakil mereka yang sah mengikuti prosedur pendaftaran yang ditetapkan.

Pada tahun 2015, beberapa siri pemeriksaan telah diadakan di seluruh negara. Sebanyak 274 wakil pengedar telah diperiksa dan hasil pemeriksaan adalah seperti Jadual 5 di bawah.

Daripada jumlah ini, 153 pengedar telah dikenal pasti tidak mematuhi prosedur pendaftaran dan tindakan selanjutnya telah dikenakan ke atas mereka oleh pembekal perkhidmatan yang berkaitan.

MEKANISME PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) UNTUK PERKHIDMATAN PRABAYAR

Sejak pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) mula diperkenalkan pada 1 April 2015, terdapat kekeliruan dalam kalangan pengguna mengenai perkhidmatan prabayar yang dilanggan. Oleh yang sedemikian, pada 23 Oktober 2015, YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan bahawa bagi tahun 2016, semua pengguna prabayar warganegara Malaysia akan menikmati rebat bersamaan dengan nilai GST yang dibayar.

Rajah di bawah menunjukkan proses pengkreditan rebat GST yang telah diuar-uarkan di akhbar dan laman web MCMC bagi maklumat lanjut pengguna.

PENAMATAN TALIAN TELEFON YANG DIPAPARKAN PADA IKLAN TANPA PERMIT

Tindakan menamatkan talian telefon yang dipaparkan pada iklan tanpa permit merupakan komitmen MCMC dengan kerjasama pemberi perkhidmatan telekomunikasi dalam membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani isu iklan-iklan haram di tempat-tempat atau kemudahan awam oleh syarikat atau individu yang tidak bertanggungjawab.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 11,148 talian telefon telah ditamatkan perkhidmatan kerana melanggar Akta Undang-Undang Kecil (Kerajaan Tempatan). Operasi penamatan ini akan terus disokong supaya isu pengiklanan haram ini dapat diselesaikan agar tidak terus memberi ancaman kepada ekonomi, sosiopolitik, dan keselamatan negara.

Jadual 5: Tahap pematuhan pengedar dan pembekal perkhidmatan terhadap pendaftaran pengguna prabayar selular

Wilayah	Utara	Selatan	Timur	Sabah	Sarawak	Keseluruhan
Bilangan pengedar yang diperiksa	40	100	71	37	26	274
Pengedar yang melanggar syarat	23	34	51	27	18	153
Pengedar yang mematuhi syarat	17	66	20	10	8	121
% YANG MELANGGAR SYARAT	**58%**	**34%**	**72%**	**73%**	**69%**	**56%**

Rajah 3: Paparan infografik mengenai Rebat GST yang diiklankan di akhbar-akhbar utama di Malaysia

Jadual 1: Penguntukan nombor geografi bagi tahun 2015

Kategori Nombor	Kod Akses	Penguntukan Nombor	Jumlah
Nombor Geografi	03	70,000	124,000
	04	10,000	
	07	30,000	
	084	3,000	
	089	1,000	
	09	10,000	

Jadual 2: Penguntukan perkhidmatan jalur lebar (data sahaja)

Prefik	Penguntukan Nombor	Jumlah Nombor
0159	100 0000 - 109 9999	100,000
	110 0000 – 119 9999	100,000
	120 0000 – 129 9999	100,000
	130 0000 – 139 9999	100,000
	140 0000 – 149 9999	100,000
	150 0000 – 159 9999	100,000
	160 0000 – 169 9999	100,000
	170 0000 – 179 9999	100,000
	180 0000 – 189 9999	100,000
	190 0000 – 199 9999	100,000
	200 0000 – 209 9999	100,000
	210 0000 – 219 9999	100,000
	220 0000 – 229 9999	100,000
	230 0000 – 239 9999	100,000
	240 0000 – 249 9999	100,000

Jadual 3: Penguntukan nombor-nombor lain bagi tahun 2015

Jenis Nombor	Penguntukan Nombor	Jumlah
National Signalling Point Code (NSPC)	15017	5
	15018	
	15019	
	15020	
	15021	
International Signalling Point Code (ISPC)	5-002-6	2
	5-002-7	

PENGALAMATAN ELEKTRONIK DAN PENOMBORAN

MCMC, di bawah Seksyen 179 dan 180 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM 1998) bertanggungjawab untuk membuat kawalan, perancangan, pentadbiran, pengurusan dan penguntukan nombor serta pengalamatan elektronik.

PENGUNTUKAN NOMBOR

Berikut adalah kategori nombor untuk sistem rangkaian dan perkhidmatan aplikasi di Malaysia:

i. Nombor Geografi;
ii. Nombor Bukan Geografi; dan
iii. Nombor-nombor lain

Nombor Geografi

Pada tahun 2015, sejumlah 124,000 nombor untuk perkhidmatan Rangkaian Telefon Bersuis Awam (PSTN) telah diperuntukkan kepada para pemberi perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Nombor Bukan Geografi

Sebanyak lima (5) nombor *Independent Short Code* (ISC) telah diperuntukkan iaitu 13199, 13299, 13393, 13168 dan 13169. Selain itu, tahun 2015, sebanyak 34.5 juta daripada 100 juta nombor mudah alih telah diperuntukkan kepada pemberi perkhidmatan rangkaian mudah alih (MNO) dan rangkaian maya mudah alih (MVNO).

Manakala untuk perkhidmatan jalur lebar (data sahaja), sebanyak 1.5 juta nombor telah diperuntukkan kepada pemegang penguntukan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Nombor-nombor lain

Pada tahun 2015, sebanyak lima nombor *National Signalling Point Code* (NSPC) dan *International Signalling Point Code* (ISPC) telah diperuntukkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Rajah 1: Kemudahalihan nombor mudah alih dari tahun 2008 hingga 2015



INISIATIF IPv6

MCMC menyedari keperluan untuk mempersiapkan negara untuk peralihan penggunaan Protokol Internet versi 4 (IPv4) ke Protokol Internet versi 6 (IPv6) sebagaimana yang disasarkan oleh Kerajaan. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk memastikan perolehan semua perkakasan baru atau peningkatan perkakasan sedia ada menepati ciri IPv6. Ini termasuk mengeluarkan arahan melalui Arahan Suruhanjaya [*Commission Direction* (CD)] No.2/2015, bertarikh Mac 2015 kepada para pemegang lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Rangkaian [NSP (I)] bagi memastikan laman sesawang umum, e-mel dan pelayan Sistem Nama Domain *(Domain Name System server)* adalah sedia-IPv6.

Pelbagai tindakan juga telah diambil untuk memastikan para pemegang lesen NSP (I) menyokong teknologi IPv6, antaranya adalah seperti berikut:

i. Mengeluarkan Pindaan Notis kepada Seksyen 10 Pelan Penomboran dan Pengalamatan Elektronik (NEAP) untuk menggabungkan keperluan penerimaan IPv6;
ii. Arahan Suruhanjaya untuk mandat pelaksanaan IPv6 di Malaysia;
iii. Penyerahan notis kepada para pemegang lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi [ASP (C)] ke atas pelaksanaan IPv6;
iv. Penyediaan perkhidmatan rundingan IPv6 untuk industri k ecil dan sederhana bagi mendorong penggunaan IPv6; dan
v. Pemantauan dan audit pada suku keempat tahun 2015 dan diteruskan ke tahun berikutnya.

KEMUDAHALIHAN NOMBOR MUDAH ALIH (MNP)

Terdapat sejumlah 7.137 juta nombor mudah alih yang direkodkan berpindah (secara kumulatif) ke rangkaian penyedia perkhidmatan lain. Rajah 1 menunjukkan transaksi kemudahalihan nombor mudah alih daripada 2008 sehingga 2015.

Sejak MNP diperkenalkan, prefik nombor mudah alih tidak boleh lagi digunakan untuk menentukan pemberi perkhidmatan rangkaian mudah alih yang berkaitan. Pakej perkhidmatan nombor mudah alih kerap disertakan dengan caj yang berbeza apabila panggilan dibuat ke rangkaian yang lain. Justeru itu, adalah penting bagi pengguna untuk mengetahui pemberi perkhidmatan rangkaian mudah alih yang akan dipanggil. Informasi tentang nombor yang dipanggil sama ada di dalam rangkaian yang sama atau berbeza dikemas kini setiap hari dan maklumat awam ini boleh diperiksa melalui MNP Check.

Secara keseluruhannya pada tahun 2015, matlamat bagi fungsi pengalamatan elektronik dan penomboran telah dicapai. Untuk tahun seterusnya, MCMC merancang untuk menjalankan audit bagi nombor-nombor yang telah diperuntukkan kepada para pemberi perkhidmatan yang berkenaan. Selain itu, MCMC juga merancang untuk menambah baik modul dan susun atur di dalam Sistem Pengurusan Penomboran (NUMSYS) sebagai langkah untuk memastikan pengurusan penomboran di Malaysia dapat dikawal selia secara teratur dan efisien.

TADBIR URUS
KORPORAT

Rajah 1: Model Tingkah Laku dan Kompetensi



PENGURUSAN MODAL INSAN DAN KOMPETENSI

Bahagian Pengurusan Modal Insan dan Pembangunan Kompetensi bertanggungjawab memastikan keperluan dan pembangunan modal insan di MCMC dapat menyokong pencapaian teras strategi Suruhanjaya. Fokus tahun ini adalah untuk mengukuhkan nilai-nilai teras organisasi dan kompetensi kakitangan terutamanya dalam menyemarakkan semangat berpasukan dan kerjasama bagi membantu Suruhanjaya untuk menempuhi cabaran semasa dan cabaran mendatang.

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Pengukuhan Struktur Organisasi

Salah satu mandat utama Suruhanjaya pada tahun ini adalah memastikan struktur organisasi MCMC kukuh, berkesan dan merangkumi fungsi dan tanggungjawab utama MCMC. Peranan yang lebih jelas di peringkat strategik dan pelaksanaan taktikal telah dikaji, diperkukuh dan diolah sehingga ke peringkat operasi. Justeru, pada 2015 proses penyusunan semula organisasi yang meluas telah dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh tujuh bulan, di mana pembangunan modal insan merangkumi:

i. Pengurusan aktiviti komunikasi bagi menerangkan struktur organisasi yang baru serta prinsip dan tujuan pelaksanaannya;
ii. Penilaian kumpulan kakitangan berbakat berlandaskan struktur baru dan peranan kerja bagi menentukan kesesuaian pekerja. Sejumlah 109 kakitangan terlibat telah dinilai; dan
iii. Pelaksanaan penempatan dan lantikan kakitangan ke dalam jawatan di dalam struktur organisasi yang baharu.

Penstrukturan organisasi ini telah membawa kepada peningkatan bilangan pegawai di peringkat strategik daripada tiga kepada enam orang pegawai, dan melibatkan hampir 60% jawatan dan kakitangan MCMC. Cabaran pada masa kini adalah untuk memastikan pengambilan kakitangan dalam bidang utama dan baharu secara berterusan.

Rajah 2: Bilangan kakitangan tetap dari tahun 2011 hingga 2015



Pengurusan Bakat

Inisiatif program pembangunan bakat pada tahun 2015 bertujuan untuk mengenal pasti dan membangunkan kumpulan kakitangan yang berpotensi bagi pelan penggantian kepimpinan pada masa hadapan. Proses ini melibatkan penilaian kesiapsiagaan dan kesesuaian mereka terhadap tugas. Ini dilaksanakan melalui program intervensi pembangunan secara formal dan tidak formal. Khidmat perunding digunakan untuk memastikan platfom yang konsisten, jitu dan telus diguna pakai, terutama dalam mengenal pasti dan menilai calon yang sesuai untuk jawatan kritikal di dalam Suruhanjaya.

Model Tingkah Laku dan Kompetensi *(Behavioral Competency Model BCM* - COLT)

Model pembangunan bakat juga dilengkapi dengan penggubalan prinsip COLT yang bertujuan untuk memupuk budaya, kompetensi, peningkatan kemahiran dan amalan kerja dalam kalangan kakitangan Suruhanjaya.

PENGURUSAN MODAL INSAN

Selaras dengan perubahan struktur organisasi yang dilaksanakan pada tahun ini, Bahagian Pengurusan Modal Insan dan Pembangunan Kompetensi telah memberi tumpuan kepada pengambilan kakitangan MCMC dalam bidang pertumbuhan utama. Pada 2015, bilangan kakitangan MCMC telah meningkat kepada 685 orang, dengan 6.7% daripadanya adalah kakitangan kontrak.

Pelaksanaan Program Penilaian Kompetensi atau *Performance Assessment Center* (PAC) yang bertujuan untuk pemetaan *best job-fit* calon berdasarkan kompetensi diteruskan lagi pada tahun ini bagi memastikan proses pengambilan berkualiti. PAC telah diadakan pada 28 - 29 Mac 2015 dan 22 - 23 Ogos 2015. Kehadiran calon dalam kedua-dua program tersebut adalah seramai 251 orang.

01

PENJENAMAAN SEBAGAI MAJIKAN PILIHAN

Bagi memenuhi hasrat proses pengambilan kakitangan yang berkualiti, terutama dalam kalangan graduan cemerlang, beberapa inisiatif penjenamaan majikan telah dilaksanakan dengan kerjasama TalentCorp dan Jabatan Tenaga Kerja. Pada tahun 2015, MCMC telah mengambil bahagian dalam tujuh pameran kerjaya yang bertempat di universiti-universiti utama negara.

MCMC turut bekerjasama dengan TalentCorp di dalam *Cross Fertilization Programme* (CFP) dan *JPA-Management Apprentice Programme* (JPA-MAP). CFP bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan berpotensi di sektor awam untuk menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baharu dengan berkhidmat di organisasi lain. Seramai dua orang Pegawai Tadbir Diplomatik telah menyertai program selama setahun ini. JPA-MAP pula bertujuan memberi sokongan kepada inisiatif kerajaan bagi menempatkan pelajar-pelajar tajaan JPA di luar negara untuk menjalani program latihan industri di organisasi-organisasi terpilih di Malaysia. Seramai empat pelajar telah menjalani program selama tiga bulan dan ditempatkan di pelbagai Jabatan di MCMC.

PENGLIBATAN PEKERJA

Pada tahun 2015, MCMC telah menggubal perancangan serta mengkaji cara pelaksanaan inisiatif penglibatan pekerja yang menjurus kepada pembangunan modal insan. Antara inisiatif yang diperkenalkan pada tahun 2015 adalah Prinsip COLT, penyertaan program yang dianjurkan oleh badan kerajaan atau swasta yang bertauliah dan penganjuran program sukarelawan bersama komuniti. Melalui insiatif-inisiatif ini, MCMC berharap dapat meningkatkan tahap penglibatan pekerja yang tinggi dan komited untuk membina persekitaran kerja yang kondusif dan bertenaga ke arah mencapai objektif MCMC.

02

03

04

01 Kakitangan MCMC menjayakan Program 1MCMC CARE di Kundasang, Sabah
02 Para panel jemputan sempena Sambutan Hari Integriti MCMC, 10 Disember 2015
03 Para peserta Program Integriti: Business Ethics and Good Corporate Governance
04 Sesi Komunikasi Integriti MCMC, 20 April 2015

Penyertaan Program oleh Badan Bertauliah

Sejajar dengan dasar nasional yang menggalakkan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan, kakitangan yang telah dikenal pasti telah menyertai program *Women in Leadership*, Malaysia yang dianjurkan oleh The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan TalentCorp.

Manakala, bagi menyokong pelan penggantian Suruhanjaya, kakitangan yang dipilih berdasarkan pencapaian penilaian prestasi telah menyertai program *Tun Razak Youth Leadership Award* yang dianjurkan oleh Malaysian Institute of Management (MIM) dan Outward Bound Malaysia.

Penganjuran Program Sukarelawan

Di samping itu juga, MCMC telah menganjurkan program *1MCMC CARE (Community Assistance, Relief and Education)* bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan yang terpilih bagi menjalankan program bantuan kemasyarakatan, perkongsian ilmu dan pemantapan kepimpinan.

Bagi merealisasikan prinsip COLT ini juga, pelbagai inisiatif penglibatan pekerja telah dilaksanakan, antaranya:

i. Teh Tarik bersama Pengerusi;
ii. Majlis Mesra Hari Raya MCMC; dan
iii. *Teaming to Drive A Smart Nation.*

HUBUNGAN PERUSAHAAN

Fungsi Hubungan Perusahaan diwujudkan dengan matlamat untuk meningkatkan kecemerlangan serta tahap profesionalisme warga MCMC dalam memperkasakan integriti mereka melalui program-program pembudaya integriti sepanjang tahun. Antara program yang dijalankan adalah:

i. *Business Ethics and Good Corporate Governance*;
ii. Sesi-sesi Komunikasi Integriti MCMC;
iii. Bengkel Pemantapan Integriti Pegawai Eksekutif dan Bukan Eksekutif;
iv. Bengkel Pembangunan Integriti dan Sahsiah Diri untuk Pemandu dan Pekerja Am; dan
v. Sambutan Hari Integriti MCMC.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sepanjang tahun 2015, MCMC telah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui pelbagai aktiviti yang merangkumi bantuan pendidikan, peralatan ICT, tajaan, sumbangan dan bantuan kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Antaranya:

i. Menyediakan bantuan peralatan ICT bagi tujuan pendidikan berupa komputer meja, komputer riba kepada sekolah rendah dan menengah, orang-perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain. Sebanyak RM556,772.00 telah diperuntukkan bagi membantu golongan sasaran.
ii. MCMC turut menyumbang dan menaikkan sistem radio VHF bagi persatuan Malim Gunung Kinabalu berjumlah RM215,763.00, ekoran gempa bumi yang melanda Gunung Kinabalu, Sabah.
iii. Menyediakan bantuan tajaan, sumbangan derma, bantuan OKU kepada NGO, universiti awam dan swasta bagi tujuan pembangunan, pendidikan dan aktiviti masyarakat. Sebanyak RM747,140.00 telah diperuntukkan bagi membantu golongan yang memerlukan.

AKTIVITI-AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Misi Bantuan Kemanusiaan Banjir

Sebanyak RM161,000.00 telah diperuntukkan bagi membeli peralatan seperti khemah, selimut, makanan dan pakaian persekolahan untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir di beberapa buah negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Johor, Sabah dan Sarawak yang dilanda bah besar pada akhir 2014. Selain bantuan kewangan, MCMC turut menghantar sukarelawan untuk mengedarkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan.

Di samping bantuan peralatan, MCMC turut menghulurkan sumbangan kewangan kepada negeri-negeri yang terjejas teruk akibat banjir.

Rajah 1: Peratus penggunaan dana CSR MCMC bagi tahun 2015



Jadual 1: Jumlah bantuan kewangan yang disumbangkan mengikut negeri

Negeri	Jumlah Sumbangan
Sarawak	RM10,000
Kelantan	RM205,000
Pahang	RM100,000
Terengganu	RM70,000
JUMLAH	**RM385,000**

Jadual 2: Pecahan jumlah sumbangan TKKMM pada tahun 2015

Bencana	Tempoh	Jumlah	Penerima
Banjir Besar 2014	27.11.2014 hingga 31.01.2015	RM2,575,559.74	Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (MKN)
Banjir Besar 2015	01. 02. 2015 hingga 27.02.2015	RM80,768.55	Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (MKN)
Gempa Bumi - Ranau, Sabah	08.06.2015 hingga 07.07.2015	RM862,774.85	Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah

Jelajah Amal Multimedia 2015

Program Jelajah Amal ini merupakan program kebajikan yang diadakan pada setiap tahun pada bulan Ramadan. Program ini bertujuan membantu golongan kurang liputan seperti anak-anak yatim dan miskin seterusnya meraikan mereka bersempena bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Jelajah ini bermula di Negeri Sembilan dan berakhir di Negeri Melaka dan memakan masa selama 2 hari 1 malam.

Tabung Kemanusiaan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (TKKMM)

TKKMM adalah satu usaha sama antara MCMC dan syarikat-syarikat telekomunikasi di Malaysia untuk menyediakan satu platform bagi memudahkan orang ramai menderma dengan cara yang lebih mudah melalui penggunaan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) untuk membantu mangsa bencana alam.

Pada 2015, TKKMM berjaya mengumpulkan sumbangan daripada orang ramai dan organisasi sebanyak RM3,519,103.14.

PERANCANGAN UNTUK 2016

Sejak bermulanya program CSR pada tahun 2009, aktiviti CSR MCMC hanya tertumpu kepada pemberian sumbangan dan tajaan kepada individu, persatuan dan juga pertubuhan bukan kerajaan. Bagi memastikan fungsi CSR terus berkembang dan mendukung misi dan visi organisasi, pelbagai hala tuju telah dirangka agar ia memberi impak besar kepada penggunaan dana CSR MCMC dan orang ramai. Antaranya:

i. Penglibatan kakitangan menerusi program *'MCMC CSR Pool of Ideas'*;
ii. Inovasi dan kreativiti;
iii. Kelestarian;
iv. Alam semulajadi;
v. Penglibatan komuniti setempat;
vi. Perkongsian; dan
vii. Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

KKMM
Jejak Tabir Lebar Kita

MAJLIS PEMBUKAAN KEJOHANAN DAN KARNIVAL

INTERNATIONAL ICT VOLUNTEER 2015
Empowering Youth in ICT Development
Hosted by
MCMC
Supported by
In Partnership with

DTTV
MALAYSIA

GREENTUBA


klik dengan bijak
UPM

SMART DIGITAL NATION

SEK. MEN. AGAMA HJ. MOHD YATIM
ULU GADONG

MCMC & RPM

MAJLIS MESRA AIDILFITRI
MCMC 2014

PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000 Dinyatakan semula	2013 RM'000 Dinyatakan semula
Aset				
Aset bukan semasa				
Hartanah dan peralatan	3	636,881	606,174	349,993
Hartanah pelaburan	4	285,411	-	-
		922,292	606,174	349,993
Aset semasa				
Lain-lain pelaburan	5	1,600,000	1,950,000	1,550,000
Fi dan lain-lain penghutang	6	48,661	70,470	30,121
Tunai dan setara tunai	7	247,786	364,150	470,432
Jumlah aset semasa		1,896,447	2,384,620	2,050,553
Jumlah aset		2,818,739	2,990,794	2,400,546
Diwakili oleh:				
Dana terkumpul	8	1,902,361	2,258,338	1,925,832
Liabiliti				
Liabiliti bukan semasa				
Pendapatan tertunda	9	71,838	80,059	89,308
Liabiliti semasa				
Pendapatan tertunda	9	522,290	368,929	211,848
Lain-lain pemiutang dan perbelanjaan terakru	10	320,449	282,159	172,441
Cukai semasa perlu dibayar		1,801	1,309	1,117
Jumlah liabiliti semasa		844,540	652,397	385,406
Jumlah liabiliti		916,378	732,456	474,714
Jumlah dana terkumpul dan liabiliti		2,818,739	2,990,794	2,400,546

Nota pada halaman 106 hingga 131 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000
Pendapatan			
Fi lesen operasi		133,305	126,715
Fi spektrum		500,646	468,412
Pendapatan faedah		75,298	72,853
Keuntungan atas pelupusan peralatan		-	33
Pendapatan sewa	4	8,723	-
Lain-lain pendapatan		10,547	14,390
		728,519	682,403
Perbelanjaan			
Perbelanjaan sumber manusia		94,253	88,600
Perbelanjaan pentadbiran		106,129	62,123
Perbelanjaan projek khas		225,279	99,658
Perbelanjaan geran pembangunan industri		23,687	37,419
Fi audit		100	85
Perbelanjaan sewa			
- premis		3,614	3,903
- rangkaian		2,694	2,212
- lain-lain		5,253	5,564
Susut nilai hartanah dan peralatan	3	23,893	12,387
Kerugian kerosotan nilai ke atas fi belum diterima, bersih		844	450
Perbelanjaan rebat yang layak		17,245	9,653
Lain-lain perbelanjaan		10,288	9,427
		513,279	331,481
Lebihan operasi bersih		215,240	350,922
Tolak: **Bayaran mengikut Seksyen 39(2) Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 589)**		(550,000)	-
(Defisit)/Lebihan sebelum cukai		(334,760)	350,922
Perbelanjaan cukai	11	(21,217)	(18,416)
(Defisit)/Lebihan selepas cukai	8	(355,977)	332,506

Nota pada halaman 106 hingga 131 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA JUMLAH KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN DIIKTIRAF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Tidak ada keuntungan atau kerugian diiktiraf selain daripada defisit selepas cukai bagi tahun kewangan semasa sebanyak RM355.98 juta dan lebihan selepas cukai bagi tahun kewangan sebelumnya sebanyak RM332.51 juta sebagaimana dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan.

Nota pada halaman 106 hingga 131 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000
			Dinyatakan semula
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
(Defisit)/Lebihan sebelum cukai		(334,760)	350,922
Pelarasan bagi:			
Susut nilai hartanah dan peralatan		23,893	12,387
Keuntungan atas pelupusan peralatan		-	(33)
Pendapatan faedah		(75,298)	(72,853)
(Defisit)/lebihan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		(386,165)	290,423
Perubahan dalam modal kerja:			
Pendapatan tertunda		145,140	147,832
Fi dan lain-lain penghutang dan prabayaran		14,685	(25,723)
Lain-lain pemiutang dan perbelanjaan terakru		10,516	31,830
Tunai (diguna dalam)/dihasilkan daripada operasi		(215,824)	444,362
Cukai dibayar		(20,725)	(18,224)
Tunai bersih (diguna dalam)/dihasilkan daripada aktiviti operasi		(236,549)	426,138
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pembelian hartanah dan peralatan	(i)	(312,237)	(190,753)
Faedah diterima		82,422	58,227
Perolehan daripada pelupusan peralatan		-	106
Pengeluaran/(pelaburan semula) dalam lain-lain pelaburan		350,000	(400,000)
Tunai bersih daripada/(diguna dalam) aktiviti pelaburan		120,185	(532,420)
Peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai		(116,364)	(106,282)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari		364,150	470,432
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	7	247,786	364,150

(i) Pembelian hartanah dan peralatan

Sepanjang tahun, Suruhanjaya telah membeli hartanah dan peralatan dengan agregat kos sebanyak RM340,011,000 (2014: RM268,641,000), seperti berikut:

	2015 RM'000	2014 RM'000
Dijelaskan melalui bayaran	312,237	190,753
Perlu dibayar kepada pembekal	27,774	77,888
	340,011	268,641

Nota pada halaman 106 hingga 131 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Aktiviti utama

Aktiviti utama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Suruhanjaya") adalah untuk melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang komunikasi dan multimedia seperti yang telah ditetapkan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia ("CMA") 1998 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("MCMCA") 1998.

Alamat dan tempat perniagaan utama adalah seperti berikut:

Tempat perniagaan utama
Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia
MCMC Tower 1, Jalan Impact Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya pada 4 Oktober 2016

1. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Berikut adalah piawaian-piawaian perakaunan, pindaan-pindaan dan tafsiran-tafsiran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi masih belum diterima pakai oleh Suruhanjaya:

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016

- MFRS 14, *Akaun Tertunda Berperaturan*
- Pindaan kepada MFRS 5, *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Ditamatkan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan*, MFRS 12, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Entiti Pelaburan: Memakai Pengecualian Penyatuan*
- Pindaan kepada MFRS 11, *Pengaturan Bersama – Perakaunan bagi Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan – Inisiatif Pendedahan*

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. Asas penyediaan (sambungan)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016 (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan* dan MFRS 138, *Aset Tidak Ketara Penjelasan Kaedah-kaedah Susut Nilai dan Pelunasan Boleh Diterima*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan dan MFRS 141, Pertanian – Pertanian: Pokok Menghasilkan*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Manfaat Kakitangan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 127, *Penyata Kewangan Berasingan – Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan*
- Pindaan kepada MFRS 134, *Pelaporan Kewangan Interim (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017

- Pindaan kepada MFRS 107, *Penyata Aliran Tunai – Inisiatif Pendedahan*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan – Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Tidak Direalis*

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2014)*
- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan pelanggan-pelanggan*

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16, *Pajakan*

MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tarikh yang belum lagi disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Jualan atau Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Samanya*

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. Asas penyediaan (sambungan)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

Suruhanjaya merancang untuk menggunakan piawaian perakaunan terpakai, pindaan dan tafsiran tersebut di atas seperti berikut:

- Dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2016 bagi piawaian perakaunan, pindaan atau tafsiran tersebut yang berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, kecuali bagi MFRS 14, Pindaan kepada MFRS 5, Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 128, Pindaan kepada MFRS 11, Pindaan kepada MFRS 138, Pindaan kepada MFRS 141, Pindaan kepada MFRS 119, Pindaan kepada MFRS 127 dan Pindaan kepada MFRS 134 yang tidak terpakai kepada Suruhanjaya.

- Dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2017 bagi pindaan tersebut yang berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017.

- Dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2018 bagi piawaian perakaunan tersebut yang berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

- Dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2019 bagi piawaian perakaunan tersebut yang berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019.

Penggunaan awal piawaian perakaunan, pindaan atau tafsiran tidak dijangka akan mempunyai apa-apa kesan kewangan material kepada tempoh semasa dan tempoh penyata kewangan Suruhanjaya terdahulu kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah:

MFRS 15, ***Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan***

MFRS 15 menggantikan panduan dalam MFRS 111, *Kontrak Pembinaan*, MFRS 118, *Hasil*, Tafsiran IC 13, *Program Kesetiaan Pelanggan*, Tafsiran IC 15, *Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah*, Tafsiran IC 18, *Pemindahan Aset daripada Pelanggan* dan Tafsiran IC 131, *Hasil – Urus Niaga Barter Melibatkan Perkhidmatan Pengiklanan*.

Suruhanjaya pada masa ini sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penerimaan pakai MFRS 15.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. Asas penyediaan (sambungan)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

MFRS 9, ***Instrumen Kewangan***

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran ke atas pengelasan dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan*, dan perakaunan melindung nilai.

Suruhanjaya pada masa ini sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penerimaan pakai MFRS 9.

MFRS 16, ***Pajakan***

MFRS 16 menggantikan panduan dalam MFRS 117, *Pajakan*, Tafsiran IC 4, *Menentukan sama ada Pengaturan mengandungi Pajakan*, Tafsiran IC 115, *Pajakan Kendalian – Insentif* dan Tafsiran IC 127, *Menilai Intipati Urus Niaga Melibatkan Bentuk Undang-undang Pajakan*.

Suruhanjaya pada masa ini sedang menilai kesan kewangan yang mungkin timbul daripada penerimaan pakai MFRS 16.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah selain daripada sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.

(c) Mata wang kefungsian dan mata wang pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”), yang merupakan mata wang kefungsian Suruhanjaya. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada jumlah ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang melibatkan penggunaan polisi-polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan dilaporkan. Keputusan-keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Semakan kepada anggaran-anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh dalam mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh pada masa hadapan yang terlibat.

Tidak terdapat bahagian ketidakpastian anggaran tidak ketara dan pertimbangan kritikal dalam menggunakan polisi-polisi perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2(g)(i), kerosotan nilai penghutang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. Polisi-polisi perakaunan penting

Polisi-polisi perakaunan dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten kepada tempoh-tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama ditambah, kos urus niaga yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pemerolehan atau terbitan instrument kewangan.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Suruhanjaya mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

Aset kewangan

Pinjaman dan penghutang

Kategori pinjaman dan penghutang terdiri daripada instrumen hutang yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif.

Aset kewangan dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang kemudiannya diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Semua aset kewangan tertakluk kepada semakan bagi kerosotan nilai (lihat Nota 2(g)(i)).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan mengguna kaedah faedah berkesan.

(iii) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak lagi diiktiraf apabila, dan hanya apabila hak-hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat atau kawalan aset tidak dikekalkan atau sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan kepada pihak yang lain. Atas penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara jumlah dibawa dan jumlah balasan diterima (termasuk mana-mana aset baru yang diperoleh tolak mana-mana liabiliti baru yang diambil alih) dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak lagi diiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatal atau tamat. Atas penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara jumlah dibawa liabiliti kewangan dilupuskan atau dipindah kepada pihak lain dan balasan dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai dipindah atau liabiliti diambil alih, diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. Polisi-polisi perakaunan penting (sambungan)

(b) Hartanah dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Item-item hartanah dan peralatan diukur pada kos tolak sebarang susut nilai terkumpul atau sebarang kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembelian aset dan sebarang kos lain yang secara langsung boleh dikaitkan dalam membawa masuk aset kepada keadaan kerja bagi kegunaan yang dihasratkannya, dan kos perobohan dan mengalih barang-barang dan menyimpan semula tapak di atas mana aset-aset terletak. Kos aset dibina sendiri juga termasuk kos bahan-bahan dan buruh langsung.

Perisian dibeli yang merupakan bahagian penting kepada kebolehan berfungsi peralatan berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian ketara perkara hartanah dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, ia diakaunkan sebagai perkara berasingan (komponen-komponen utama) hartanah dan peralatan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan perkara hartanah dan peralatan ditentukan dengan membandingkan perolehan daripada pelupusan dengan jumlah dibawa hartanah dan peralatan dan diiktiraf bersih masing-masing dalam “lain-lain pendapatan” atau “lain-lain perbelanjaan” dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(ii) Kos susulan

Kos menggantikan komponen perkara hartanah dan peralatan diiktiraf dalam jumlah dibawa perkara sekiranya ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang terbentuk dalam komponen akan mengalir kepada Suruhanjaya, dan kosnya boleh diukur dengan betul. Jumlah dibawa komponen diganti tidak lagi diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Kos penyelenggaraan harian hartanah dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagaimana ditanggung.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. Polisi-polisi perakaunan penting (sambungan)

(b) Hartanah dan peralatan (sambungan)

(iii) Susut nilai

Susut nilai adalah berdasarkan kos aset tolak nilai bakinya. Komponen-komponen ketara aset individu dinilai, dan sekiranya komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada yang selebihnya aset tersebut, maka komponen disusutnilaikan secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat berguna setiap komponen perkara hartanah dan peralatan dari tarikh ia sedia untuk digunakan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan. Hartanah dan peralatan dalam pembinaan tidak disusutnilaikan sehingga aset sedia bagi kegunaan dihasratkannya.

Anggaran hayat berguna bagi tempoh-tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

- Peralatan pejabat dan komunikasi 6 – 7 tahun
- Peralatan komputer 3 – 5 tahun
- Kelengkapan perabot 6 – 7 tahun
- Kenderaan bermotor 5 tahun
- Bangunan 50 tahun

Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai baki disemak pada akhir tempoh pelaporan dan diselaraskan sebagaimana sesuai.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. Polisi-polisi perakaunan penting (sambungan)

(c) Hartanah pelaburan

i) Hartanah pelaburan dibawa pada kos

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau bagi peningkatan modal atau untuk kedua-duanya, tetapi bukan untuk jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, diguna dalam pengeluaran atau bekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran.

Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak mana-mana susut nilai terkumpul dan mana-mana kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Susut nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian atas dasar garisan lurus pada 2.5% setahun.

Hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf atas pelupusannya, atau apabila ia secara kekal ditarik balik daripada penggunaan dan tidak ada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusannya. Perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan jumlah dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh dalam mana perkara tidak lagi diiktiraf.

Pihak pengurusan menganggarkan nilai saksama hartanah pelaburan Suruhanjaya tanpa penglibatan juru nilai bebas. Nilai saksama dicapai berdasarkan nilai pasaran, merupakan anggaran jumlah untuk yang mana hartanah boleh ditukar pada tarikh penilaian di antara pembeli bersedia dan penjual bersedia dalam urus niaga atas terma-terma biasa selepas pemasaran sewajarnya di mana pihak-pihak setiap satunya telah bertindak secara berpengetahuan, berhemah dan tanpa paksaan.

(d) Pajakan kendalian

Pajakan, di mana Suruhanjaya tidak mengambil alih hampir kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kendalian dan aset-aset dipajak tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Bayaran dibuat di bawah pajakan kendalian diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan diterima diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagai bahagian penting daripada jumlah perbelanjaan pajakan, sepanjang tempoh pajakan. Sewa kontigen dicaj kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan dalam tempoh pelaporan dalam mana ia ditanggung.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. Polisi-polisi perakaunan penting (sambungan)

(e) Fi dan lain-lain penghutang

Fi dan lain-lain penghutang dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan penghutang selaras dengan polisi Nota 2(a)(ii).

(f) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko tidak ketara perubahan dalam nilai saksama dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Suruhanjaya dalam pengurusan komitmen jangka pendeknya.

(g) Kerosotan nilai

(i) Aset kewangan

Semua aset kewangan dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif kerosotan nilai berpunca daripada satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset. Kerugian dijangka berpunca daripada peristiwa-peristiwa masa hadapan, tidak kira sejauh mana kemungkinannya, tidak diiktiraf.

Kerugian kerosotan nilai berhubung dengan pinjaman dan penghutang diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah berkesan aset yang asal. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, kerugian kerosotan nilai diterbalikkan, sehingga tahap yang jumlah dibawa aset tidak melebihi apa yang jumlah dibawa mungkin ada sekiranya kerosotan nilai tidak diiktiraf pada tarikh kerosotan nilai diterbalikkan. Jumlah keterbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. Polisi-polisi perakaunan penting (sambungan)

(g) Kerosotan nilai (sambungan)

(ii) Aset-aset lain

Jumlah dibawa lain-lain aset disemak pada akhir setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan nilai. Sekiranya apa-apa petunjuk sedemikian wujud, maka jumlah boleh diperoleh semula aset dianggarkan.

Untuk tujuan pengujian kerosotan nilai, aset dikumpulkan bersama ke dalam kumpulan aset terkecil yang menghasilkan aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya adalah bebas daripada aliran masuk tunai lain-lain aset atau unit penghasilan tunai.

Jumlah boleh diperoleh semula aset atau unit penghasilan tunai adalah nilai dalam penggunaan dan nilai saksamanya yang mana lebih besar tolak kos pelupusan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada aset atau unit penghasilan tunai.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf sekiranya jumlah dibawa aset atau unit penghasilan tunai berkaitannya melebihi anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam tempoh-tempoh terdahulu dinilai pada akhir setiap tempoh pelaporan bagi sebarang petunjuk bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian kerosotan nilai diterbalikkan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperoleh semula sejak kerugian kerosotan nilai terakhir diiktiraf. Kerugian kerosotan nilai diterbalikkan hanya sehingga tahap jumlah dibawa aset tidak melebihi jumlah dibawa yang akan ditentukan, bersih daripada susut nilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian kerosotan nilai telah diiktiraf. Keterbalikan kerugian kerosotan nilai dikreditkan kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan dalam tahun kewangan dalam mana keterbalikan diiktiraf.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. Polisi-polisi perakaunan penting (sambungan)

(h) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur atas dasar tidak didiskaunkan dan dijadikan perbelanjaan apabila perkhidmatan berkaitan diberikan.

Liabiliti diiktiraf bagi jumlah dijangka untuk dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek sekiranya Suruhanjaya mempunyai obligasi semasa undang-undang atau konstruktif untuk membayar jumlah ini berpunca daripada perkhidmatan lepas diberikan oleh kakitangan dan obligasi boleh dianggarkan dengan betul.

(ii) Rancangan manfaat kerajaan

Caruman Suruhanjaya kepada dana pencen berkanun dicajkan kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan dalam tahun kewangan kepada mana ia berkait.

(i) Fi dan lain-lain pendapatan

(i) Fi lesen operasi

Fi lesen operasi diiktiraf atas dasar berikut:-

a) minimum RM50,000 atau fi lesen maksimum sebanyak 0.50% daripada Perolehan Tahunan Kasar pemegang lesen diiktiraf atas dasar akruan apabila ulang tahun lesen dan setiap tahun selepas itu.

b) perbezaan di antara minimum dan maksimum merujuk kepada rebat maksimum sebanyak 0.35% diberikan kepada pemegang lesen hanya selepas memenuhi set kriteria yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya.

(ii) Fi spektrum

Fi spektrum terdiri daripada fi penguntukan radas dan spektrum. Pemberitahuan pembaharuan dihantar kepada pemegang-pemegang penguntukan sebelum tamat tempoh pemberian. Selepas menerima pemberitahuan, pemegang-pemegang penguntukan diperlukan untuk membuat permohonan baru bagi penguntukan baru. Fi spektrum diiktiraf atas dasar akruan sepanjang tempoh lesen diberikan.

(iii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah efektif dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. Polisi-polisi perakaunan penting (sambungan)

(j) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan berhubung dengan cukai ke atas pendapatan faedah dan sewa diperoleh dalam tahun kewangan. Semua pendapatan lain dikecualikan daripada cukai memandangkan Suruhanjaya dikecualikan cukai di bawah Seksyen 127(3) Cukai Pendapatan, 1967.

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa. Cukai semasa diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Cukai semasa adalah cukai perlu dibayar dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian boleh dicukai bagi tahun, dengan menggunakan kadar cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal sebelum akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar berhubung dengan tahun-tahun kewangan yang lepas.

(k) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang mungkin akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindah liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta-peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindah liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling memberi kelebihan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menghasilkan manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjual kepada peserta pasaran yang lain yang mungkin menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Apabila mengukur nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Suruhanjaya mengguna data pasaran boleh diperhatikan setakat yang mungkin. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: harga disebut harga (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti serupa yang Suruhanjaya boleh akses pada tarikh pengukuran.
Tahap 2: input-input selain daripada harga disebut harga dimasukkan dalam Tahap 1 yang adalah boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
Tahap 3: input-input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Suruhanjaya mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama setakat tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

3. Hartanah dan peralatan

	Peralatan pejabat dan telekomunikasi	Peralatan komputer	Kelengkapan perabot	Kenderaan bermotor	Tanah pegangan kekal	Bangunan	Modal kerja Dalam pelaksanaan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos								
Pada 1 Januari 2014	9,385	182,831	4,473	10,663	10,873	38,261	286,040	542,526
Tambahan	259	568	21	1,062	-	-	266,731	268,641
Pelupusan	-	(50)	-	(1,252)	-	-	-	(1,302)
Pengelasan semula	470	8,034	-	-	-	1,577	(10,081)	-
Pada 31 Disember 2014/ 1 Januari 2015	10,114	191,383	4,494	10,473	10,873	39,838	542,690	809,865
Tambahan	1,067	1,627	288	1,667	-	8,441	326,921	340,011
Pelupusan	-	(4,545)	-	(154)	-	-	-	(4,699)
Pengelasan semula	7,778	22,994	4,206	-	-	503,434	(538,412)	-
Pemindahan kepada hartanah pelaburan	-	-	-	-	-	(291,484)	-	(291,484)
Pada 31 Disember 2015	18,959	211,459	8,988	11,986	10,873	260,229	331,199	853,693
Susut nilai terkumpul								
Pada 1 Januari 2014	6,451	168,343	3,701	7,121	-	6,917	-	192,533
Caj bagi tahun	575	9,390	236	1,408	-	778	-	12,387
Pelupusan	-	(12)	-	(1,217)	-	-	-	(1,229)
Pelarasan	236	(236)	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2014/ 1 Januari 2015	7,262	177,485	3,937	7,312	-	7,695	-	203,691
Caj bagi tahun	1,670	9,566	434	1,476	-	10,747	-	23,893
Pelupusan	-	(4,545)	-	(154)	-	-	-	(4,699)
Pemindahan kepada hartanah pelaburan	-	-	-	-	-	(6,073)	-	(6,073)
Pada 31 Disember 2015	8,932	182,506	4,371	8,634	-	12,369	-	216,812
Nilai buku bersih								
Pada 1 Januari 2014	2,934	14,488	772	3,542	10,873	31,344	286,040	349,993
Pada 31 Disember 2014/ 1 Januari 2015	2,852	13,898	557	3,161	10,873	32,143	542,690	606,174
Pada 31 Disember 2015	10,027	28,953	4,617	3,352	10,873	247,860	331,199	636,881

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. Hartanah pelaburan

	Nota	2015 RM'000
Kos		
Pada 1 Januari		-
Pengelasan semula daripada hartanah dan peralatan	3	291,484
Pada 31 Disember		291,484
Susut nilai		
Pada 1 Januari		-
Pengelasan semula daripada hartanah dan peralatan	3	6,073
Pada 31 Disember		6,073
Jumlah dibawa		
Pada 31 Disember		285,411
Hartanah pelaburan pada nilai saksama		312,078

Dalam tahun kewangan semasa, selaras dengan MFRS 140, *Hartanah Pelaburan*, Suruhanjaya telah mengelaskan semula hartanah komersial yang dihasratkan untuk dipegang bagi tujuan pendapatan sewa dan peningkatan modal, daripada hartanah dan peralatan kepada hartanah pelaburan.

Berikut adalah diiktiraf dalam pendapatan dan perbelanjaan berhubung dengan hartanah pelaburan:

	2015 RM'000
Pendapatan sewa	8,723

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. Hartanah pelaburan (Sambungan)

4.1 Maklumat nilai saksama

Nilai saksama hartanah pelaburan dikategorikan seperti berikut:

	2015			
	Tahap 1 RM'000	**Tahap 2 RM'000**	**Tahap 3 RM'000**	**Jumlah RM'000**
Tanah dan bangunan	-	-	312,078	312,078

Nilai saksama Tahap 2

Tahap 2 nilai saksama tanah dan bangunan telah diperoleh secara amnya, mengguna pendekatan perbandingan jualan. Harga jualan hartanah sebanding dalam kawasan yang berdekatan telah diselaraskan bagi perbezaan dalam ciri-ciri utama seperti saiz hartanah. Input yang paling penting dalam pendekatan penilaian ini adalah harga setiap kaki persegi hartanah sebanding.

Nilai saksama Tahap 3

Jadual berikut menunjukkan penyelarasan nilai saksama Tahap 3:

	2015 RM'000
Pada 1 Januari	-
Tambahan	312,078
Pada 31 Disember	312,078

Nilai saksama Tahap 3 dianggarkan menggunakan input tidak boleh diperhatikan bagi hartanah pelaburan.

Jadual berikut menunjukkan teknik penilaian yang digunakan dalam penentuan nilai saksama dalam Tahap 3, serta input yang tidak boleh diperhatikan diguna dalam model penilaian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. Hartanah pelaburan (sambungan)

4.1 Maklumat nilai saksama (sambungan)

Nilai saksama Tahap 3

Teknik penilaian	**Input yang tidak boleh diperhatikan yang ketara**	**Antara perhubungan di antara input yang tidak boleh diperhatikan dan pengukuran nilai saksama**
Suruhanjaya menganggarkan nilai saksama hartanah pelaburan berdasarkan perbandingan hartanah pelaburan Suruhanjaya dengan hartanah yang serupa yang telah disenaraikan untuk jualan dalam kawasan sama atau kawasan sebanding lain.	Harga pasaran indikatif hartanah dalam kawasan dibanding.	Anggaran nilai saksama akan meningkat / (menurun) jika harga pasaran hartanah adalah lebih tinggi/ (lebih rendah).

Proses penilaian digunakan oleh Suruhanjaya bagi nilai saksama Tahap 3

Suruhanjaya menganggarkan nilai saksama hartanah pelaburan berdasarkan perbandingan hartanah pelaburan Suruhanjaya dengan hartanah yang serupa yang telah disenaraikan untuk jualan dalam kawasan yang sama atau kawasan sebanding lain.

Penilaian nilai saksama hartanah pelaburan Suruhanjaya telah dijalankan secara tahunan. Perubahan dalam Tahap 3 nilai saksama dianalisis oleh pengurusan berdasarkan penilaian yang dijalankan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

5. Lain-lain pelaburan

	2015 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Deposit ditempatkan dengan bank berlesen		Dinyatakan semula	Dinyatakan semula
- tempoh matang asal lebih daripada 3 bulan	1,600,000	1,950,000	1,550,000

6. Fi dan lain-lain penghutang

	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000
Pendapatan faedah belum diterima		30,905	38,029
Fi belum diterima	13.4	8,042	28,510
Deposit lain		2,191	1,398
Pinjaman kakitangan		503	615
Pendahuluan kepada kakitangan		223	356
Lain-lain penghutang		6,797	1,562
		48,661	70,470

7. Tunai dan setara tunai

	2015 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
		Dinyatakan semula	Dinyatakan semula
Tunai dan baki bank	36,766	28,668	16,293
Deposit ditempatkan dengan bank berlesen			
- tempoh matang asal lebih daripada 3 bulan	211,020	335,482	454,139
	247,786	364,150	470,432

8. Dana terkumpul

	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000
Dana permulaan		60,000	60,000
Lebihan terkumpul dibawa ke hadapan		2,198,338	1,865,832
(Defisit)/Lebihan selepas cukai		(355,977)	332,506
Lebihan terkumpul dihantar ke hadapan		1,902,361	2,258,338

Dana permulaan telah digunakan dalam tahun-tahun yang lepas bagi membiayai modal kerja Suruhanjaya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

9. Pendapatan tertunda

	2015 RM'000	2014 RM'000
Semasa		
Fi spektrum		
Fi penguntukan spektrum 3G	220,546	189,376
Fi penguntukan radas	301,549	178,886
Fi lesen operasi		
Fi lesen kelas	195	667
	522,290	368,929
Bukan semasa		
Fi spektrum		
Fi penguntukan spektrum 3G	71,247	79,404
Fi penguntukan radas	591	655
	71,838	80,059
Jumlah pendapatan tertunda	594,128	448,988

Pendapatan tertunda adalah berkait dengan jumlah pendapatan tidak diperoleh daripada bayaran dibuat oleh pemegang-pemegang lesen yang akan hanya diiktiraf dalam tempoh-tempoh kewangan masa hadapan.

10. Lain-lain pemiutang dan perbelanjaan terakru

	2015 RM'000	2014 RM'000
Lain-lain pemiutang	19,265	34,002
Perbelanjaan terakru	301,184	248,157
	320,449	282,159

11. Perbelanjaan cukai

	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000
Perbelanjaan cukai semasa			
Tahun semasa		21,381	18,393
Tahun terdahulu		(164)	23
Jumlah perbelanjaan cukai pendapatan		21,217	18,416
Penyelarasan perbelanjaan cukai			
(Defisit)/Lebihan sebelum cukai		(334,760)	350,922
Cukai pendapatan dikira menggunakan kadar cukai Malaysia sebanyak 25%	11.1	(83,690)	87,730
Perbelanjaan tidak boleh ditolak		265,820	83,051
Pendapatan dikecualikan cukai		(160,749)	(152,388)
		21,381	18,393
(Terlebih)/Terkurang peruntukan dalam tahun terdahulu		(164)	23
		21,217	18,416

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

11. Perbelanjaan cukai (sambungan)

11.1 Suruhanjaya telah diberikan pengecualian cukai dari Tahun Taksiran 2000 ke atas oleh Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967. Perbelanjaan cukai semasa adalah berhubung dengan pendapatan faedah tidak dikecualikan cukai.

12. Komitmen modal

	2015 RM'000	2014 RM'000
Hartanah dan peralatan		
Dibenarkan tetapi tidak dikontrakkan	137,554	107,850
Dikontrakkan tetapi tidak diperuntukkan	65,326	343,726
	202,880	451,576

13. Instrumen kewangan

13.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah menyediakan analisis instrumen kewangan dikategorikan seperti berikut:

(a) Pinjaman dan penghutang ("L&R"); dan

(b) Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan ("FL")

	Jumlah dibawa RM'000	L&R/ (FL) RM'000
2015		
Aset kewangan		
Lain-lain pelaburan	1,600,000	1,600,000
Fi dan lain-lain penghutang*	44,777	44,777
Tunai dan setara tunai	247,786	247,786
	1,892,563	1,892,563
Liabiliti kewangan		
Lain-lain pemiutang dan perbelanjaan terakru	(320,449)	(320,449)
* tidak termasuk perkara instrumen bukan kewangan		
2014, Dinyatakan semula		
Aset kewangan		
Lain-lain pelaburan	1,950,000	1,950,000
Fi dan lain-lain penghutang	70,470	70,470
Tunai dan setara tunai	364,150	364,150
	2,384,620	2,384,620
Liabiliti kewangan		
Lain-lain pemiutang dan perbelanjaan terakru	(282,159)	(282,159)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

13. Instrumen kewangan (sambungan)

13.2 Keuntungan bersih timbul daripada instrumen kewangan

	2015 RM'000	2014 RM'000
Keuntungan bersih ke atas:		
Pinjaman dan penghutang	74,454	72,403

13.3 Pengurusan risiko kewangan

Suruhanjaya mempunyai pendedahan kepada risiko-risiko berikut daripada penggunaan instrumen kewangannya:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko kadar faedah

13.4 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Suruhanjaya sekiranya pemegang lesen atau pihak satu lagi kepada instrumen kewangan gagal untuk memenuhi obligasi-obligasi kontraknya. Pendedahan Suruhanjaya kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada fi dan lain-lain penghutangnya dan deposit ditempatkan dengan bank berlesen.

Fi dan lain-lain penghutang

Objektif, polisi dan proses pengurusan risiko bagi menguruskan risiko
Pengurusan mempunyai polisi kredit dan pendedahan kepada risiko kredit diawasi atas dasar berterusan.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral
Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit timbul daripada fi dan lain-lain penghutang diwakili oleh jumlah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

Pihak pengurusan telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan agar penghutang yang tidak melepasi tempoh kena dibayar tidak juga rosot nilai dinyatakan pada nilai boleh direalis. Sebahagian besar daripada penghutang ini adalah pemegang-pemegang lesen utama yang telah lama berurus niaga dengan Suruhanjaya. Suruhanjaya menggunakan analisis pengusiaan untuk mengawasi kualiti kredit fi belum diterima. Mana-mana penghutang mempunyai baki ketara melepasi tempoh kena dibayar lebih daripada 365 hari, yang dianggap mempunyai risiko kredit lebih tinggi, adalah diawasi secara individu.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

13. Instrumen kewangan (sambungan)

13.4 Risiko kredit (sambungan)

Kerugian kerosotan nilai
Suruhanjaya mengekalkan analisis pengusiaan berhubung dengan fi belum diterima sahaja. Pengusiaan fi belum diterima pada akhir tempoh pelaporan adalah seperti berikut:

	Kasar	Kerosotan nilai individu	Bersih
	RM'000	RM'000	RM'000
2015			
Tidak melepasi tempoh kena dibayar	7,273	-	7,273
Melepasi tempoh kena dibayar 1 - 90 hari	469	-	469
Melepasi tempoh kena dibayar 91 - 365 hari	300	-	300
Melepasi tempoh kena dibayar lebih daripada 365 hari	2,652	(2,652)	-
	10,694	(2,652)	8,042
2014			
Tidak melepasi tempoh kena dibayar	27,500	-	27,500
Melepasi tempoh kena dibayar 1 - 90 hari	450	-	450
Melepasi tempoh kena dibayar 91 - 365 hari	560	-	560
Melepasi tempoh kena dibayar lebih daripada 365 hari	1,808	(1,808)	-
	30,318	(1,808)	28,510

Tiada peruntukan bagi kerugian kerosotan nilai bagi fi belum diterima telah dibuat bagi penghutang melepasi tempoh kena dibayar selebihnya memandangkan Suruhanjaya mengawasi hasil dan bayaran balik pemegang-pemegang lesen ini secara kerap dan adalah yakin atas keupayaan pemegang-pemegang lesen ini untuk membayar balik baki yang terhutang.

Pergerakan dalam peruntukan bagi kerugian kerosotan nilai ke atas fi belum diterima dalam tahun kewangan adalah:

	2015	2014
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	1,808	4,537
Kerugian kerosotan nilai diiktiraf	844	450
Kerugian kerosotan nilai dihapus kira	-	(3,179)
Pada 31 Disember	2,652	1,808

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

13. Instrumen kewangan (sambungan)

13.4 Risiko kredit (sambungan)

Akaun peruntukan berhubung dengan fi belum diterima digunakan untuk merekod kerugian kerosotan nilai. Melainkan Suruhanjaya berpuas hati bahawa pemerolehan semula jumlah adalah berkemungkinan, jumlah dianggap tidak boleh diperoleh semula dihapus kira terhadap penghutang secara langsung.

Deposit ditempatkan dengan bank berlesen

Objektif, polisi dan pengurusan risiko bagi menguruskan risiko
Deposit dibenarkan untuk ditempatkan hanya dengan bank-bank berlesen atau institusi-institusi kewangan.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral
Pada akhir tempoh pelaporan, Suruhanjaya hanya menempatkan deposit dengan bank-bank berlesen domestik. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan. Suruhanjaya tidak mempunyai penumpuan khusus risiko kredit selain daripada penempatan dengan bank berlesen domestik.

13.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang Suruhanjaya tidak dapat memenuhi obligasi-obligasi kewangannya apabila tiba masanya. Pendedahan Suruhanjaya kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada pelbagai pemiutangnya.

Suruhanjaya mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang dianggap mencukupi oleh pengurusan untuk memastikan, setakat yang mungkin, yang ia akan mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi liabilitinya apabila tiba masanya.

Ia tidak dijangka bahawa aliran tunai dimasukkan dalam analisis kematangan mungkin berlaku lebih awal secara ketara, atau pada jumlah yang berbeza secara ketara.

Analisis kematangan
Liabiliti kewangan Suruhanjaya tidak menanggung sebarang faedah kontrak dan dengan itu, aliran tunai kontrak menyamai jumlah dibawa.

13. Instrumen kewangan (sambungan)

13.6 Risiko kadar faedah

Suruhanjaya terdedah kepada risiko kadar faedah ke atas penempatan deposit tetapnya. Suruhanjaya tidak berurus niaga dalam mana-mana pertukaran kadar faedah.

Pendedahan kepada risiko kadar faedah
Profil kadar faedah instrumen kewangan menanggung faedah ketara Suruhanjaya, berdasarkan jumlah dibawa pada akhir tempoh pelaporan adalah:

	2015 RM'000	2014 RM'000 Dinyatakan semula
Instrumen kadar tetap		
Aset kewangan		
Deposit dengan bank berlesen	1,811,020	2,285,482

	2015			2014 Dinyatakan semula		
	Kadar faedah berkesan	Dalam tempoh 1 tahun	1 - 5 tahun	Kadar faedah berkesan	Dalam tempoh 1 tahun	1 - 5 tahun
	%	RM'000	RM'000	%	RM'000	RM'000
Instrumen kadar tetap						
Deposit dengan bank berlesen	3.80	1,811,020	-	3.60	2,285,482	-

Analisis kepekaan nilai saksama bagi instrumen kadar tetap
Suruhanjaya tidak mengambil kira bagi sebarang aset dan liabiliti kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui penyata pendapatan dan perbelanjaan. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada akhir tempoh pelaporan tidak akan menjejaskan penyata pendapatan dan perbelanjaan.

13.7 Maklumat nilai saksama

Jumlah dibawa lain-lain pelaburan, tunai dan setara tunai, fi dan lain-lain penghutang dan lain-lain pemiutang agak secara munasabah menyamai dengan nilai saksamanya disebabkan oleh sifat jangka pendek instrumen kewangan ini.

14. Pajakan kendalian

Pajakan sebagai penerima pajak

Sewa pajakan kendalian tidak boleh batal perlu dibayar seperti berikut:

	2015 RM'000	2014 RM'000
Kurang daripada satu tahun	684	3,064
Di antara satu dan lima tahun	389	965
	1,073	4,029

Suruhanjaya memajak peralatan infrastruktur teknologi maklumat di bawah pajakan kendalian. Pajakan berjalan bagi tempoh 3 tahun, dengan opsyen apabila tamat tempoh utama atau sebarang tempoh pembaharuan selepas itu sama ada kepada:

- pengembalian peralatan kepada Pemberi Pajak
- membaharui penyewaan semua peralatan; atau
- pembelian peralatan daripada Pemberi Pajak bagi Harga Pembelian

Sewa kontigen diiktiraf sebagai perbelanjaan sepanjang tahun berjumlah sebanyak RM684,253 (2014: RM3,064,000).

15. Pihak-pihak berkaitan

Identiti pihak-pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap sebagai berkaitan kepada Suruhanjaya sekiranya Suruhanjaya mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau secara bersama mengawal pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan kendalian, atau *vice versa*, atau di mana Suruhanjaya dan pihak adalah tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak-pihak berkaitan mungkin individu atau entiti-entiti yang lain.

Pihak-pihak berkaitan juga termasuk personel pengurusan penting ditakrifkan sebagai orang-orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Personel pengurusan penting termasuk semua Anggota-anggota Suruhanjaya, dan pengurusan kanan Suruhanjaya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

15. Pihak-pihak berkaitan (sambungan)

Identiti pihak-pihak berkaitan (sambungan)

Kerajaan Malaysia ("GOM") termasuk entiti-entiti dikawal, dikawal bersama atau di bawah pengaruh penting oleh GOM adalah dianggap sebagai pihak-pihak berkaitan Suruhanjaya. Semua urus niaga diproses oleh Suruhanjaya bagi GOM-entiti-entiti berkaitan telah dijalankan dalam perjalanan biasa perniagaan.

Urus niaga pihak berkaitan penting

Urus niaga pihak berkaitan telah dimasuki dalam perjalanan biasa perniagaan. Urus niaga pihak berkaitan Suruhanjaya dalam tahun adalah ditunjukkan di bawah:

	2015 RM'000	2014 RM'000
Bayaran mengikut Seksyen 39(2) Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 589)	550,000	-
Imbuhan personel pengurusan penting	4,783	3,656

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

16 Angka-angka perbandingan

(i) Pengelasan semula tunai dan setara tunai

Dalam tahun kewangan, Suruhanjaya mengelaskan semula deposit tetapnya dengan bank-bank berlesen yang mempunyai tempoh matang lebih daripada tiga bulan kepada lain-lain pelaburan selaras dengan garis panduan yang dinyatakan dalam FRSIC Konsensus 22, *Pengelasan Deposit Tetap dan Instrumen yang Serupa sebagai Tunai dan Setara Tunai*. Dalam tahun kewangan sebelum ini, semua deposit dengan bank-bank berlesen yang mempunyai tempoh matang lebih daripada tiga bulan telah dikelaskan sebagai tunai dan setara tunai.

Ini telah digunakan secara retrospektif dan kesannya adalah seperti berikut:

16.1 Penyata kedudukan kewangan

	31.12.2014		1.1.2014	
	Sebagaimana dinyatakan sebelum ini	Sebagaimana dinyatakan semula	Sebagaimana dinyatakan sebelum ini	Sebagaimana dinyatakan semula
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset semasa				
Lain-lain pelaburan	-	1,950,000	-	1,550,000
Tunai dan setara tunai	2,314,150	364,150	2,020,432	470,432

16.2 Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

	Sebagaimana dinyatakan sebelum ini	Sebagaimana dinyatakan semula
	RM'000	RM'000
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	2,020,432	470,432
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	2,314,150	364,150

KENYATAAN OLEH ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Kami, **Dato' Sri Dr. Halim Shafie** dan **Datuk Watson Peters**, selaku dua Anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota-anggota Suruhanjaya, penyata kewangan dikemukakan pada halaman 102 hingga 131 telah disediakan mengikut Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya pada 31 Disember 2015 dan pendapatan dan perbelanjaan dan aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia:

t.t

.....

Dato' Sri Dr. Halim Shafie

t.t

.....

Datuk Watson Peters

Selangor,
Tarikh: 4 Oktober 2016

PERAKUAN BERKANUN

Saya, **Tengku Zaib Raja Ahmad**, sebagai pegawai utama bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada halaman 102 hingga 131 adalah, setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, betul dan saya membuat perakuan ini dengan penuh kepercayaan akan kebenarannya, dan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui oleh yang tersebut di atas di Selangor pada 4 Oktober 2016

t.t

.....

Tengku Zaib Raja Ahmad

Di hadapan saya:
Pesuruhjaya Sumpah Malaysia
No: B185

Ng Say Hung

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Suruhanjaya"), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan, jumlah keuntungan dan kerugian dan aliran tunai Suruhanjaya diiktiraf bagi tahun kewangan berakhir ketika itu, dan ringkasan polisi-polisi perakaunan penting dan nota-nota penjelasan lain, sebagaimana dikemukakan pada muka surat 102 hingga 131.

Tanggungjawab Pengurusan Suruhanjaya bagi Penyata Kewangan

Pengurusan Suruhanjaya bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Pengurusan Suruhanjaya juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman sedemikian sebagaimana Pengurusan Suruhanjaya tentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian-piawaian pengauditan diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit bagi mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menimbangkan kawalan dalaman yang berkenaan dengan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang memberikan gambaran yang benar dan saksama untuk merangka prosedur-prosedur audit yang bersesuaian dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya. Audit juga termasuk menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengurusan Suruhanjaya, serta juga menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya pada 31 Disember 2015 dan mengenai prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir ketika itu mengikut Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Perkara-perkara Lain

Laporan ini disediakan hanya kepada Anggota-anggota Suruhanjaya, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 47(2) Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain atas kandungan laporan ini.

t.t

KPMG
Nombor Firma: AF 0758
Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya,

Tarikh: 4 Oktober 2016

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan IMPACT, 63000 Cyberjaya, Selangor
Tel +603 8688 8000 **Faks** +603 8688 1000 **E-mel** scd@cmc.gov.my
www.mcmc.gov.my